



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

---

## NEGERI PAHANG TAHUN 2003



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KANDUNGAN</b>	i
<b><u>KATA PENDAHULUAN</u></b>	<u>iv</u>
<b><u>INTISARI LAPORAN</u></b>	viii
<b><u>BAHAGIAN I</u> : <b>PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003</b></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>1</u>
<u>Pengesahan</u> Penyata Akaun Awam	<u>3</u>
<u>Analisis</u> Terhadap Penyata Akaun Awam	<u>3</u>
<u>Kemajuan</u> Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8	<u>15</u>
<u>Rumusan</u> Dan Syor Audit	<u>17</u>
<b><u>BAHAGIAN II</u> : <b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</b></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>18</u>
<u>Pejabat</u> Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<u>18</u>
<u>Pengurusan</u> Kewangan Di Peringkat Jabatan	<u>40</u>
<u>Program</u> <i>Audit Presence</i>	<u>51</u>
<u>Program</u> Anak Angkat	<u>54</u>

**BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

<u>Pendahuluan</u>	<u>58</u>
<u>Jabatan Perhutanan Negeri Pahang</u> Pengurusan Dan Kawalan Pembalakan	<u>58</u>
<u>Jabatan Perkhidmatan Haiwan</u> Skim Pinjaman Ternakan	<u>87</u>
<u>Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands</u> Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara	<u>112</u>

**BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

<u>Pendahuluan</u>	<u>128</u>
<u>Pengauditan Penyata Kewangan</u>	<u>128</u>
<u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan</u>	<u>129</u>
<u>Pensijilan Penyata Kewangan</u>	<u>130</u>
<u>Pembentangan Penyata Kewangan</u>	<u>131</u>
<u>Prestasi Kewangan</u>	<u>131</u>
<u>Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang</u> Pengurusan Kewangan	<u>137</u>
<u>Majlis Daerah Pekan</u> Pengurusan Kewangan	<u>153</u>
<u>Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang</u> Projek Pusat Pertumbuhan Desa	<u>163</u>
<u>Majlis Daerah Cameron Highlands</u> Projek Perumahan Puncak Arabella	<u>179</u>

## PERKARA

## MUKA SURAT

### BAHAGIAN V : PERKARA AM

<u>Pendahuluan</u>	<u>201</u>
<u>Kedudukan</u> Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002	<u>201</u>
<u>Pembentangan</u> Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	<u>209</u>
<u>Mesyuarat</u> Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	<u>209</u>

<u>PENUTUP</u>	<u>212</u>
----------------	------------

### LAMPIRAN

<u>I</u> Sijil Ketua Audit Negara	<u>213</u>
<u>II</u> <u>Lembaran</u> Imbangan, Penyata Akaun Memorandum Dan Penyata Ringkas Hasil Dan Perbelanjaan	214
<u>III</u> <u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2004	<u>217</u>
<u>IV</u> <u>Pensijilan</u> Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2004	<u>218</u>
<u>V</u> <u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2004	<u>220</u>

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

**1.3 Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di 17

pusat tanggungjawab bagi 11 Jabatan. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 1,991 baucar bayaran bernilai RM183.95 juta, sebanyak 8,078 penyata pemungut bernilai RM137.66 juta dan 145 baucar jurnal bernilai RM281.16 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri dan 5 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Dan Kawalan Pembalakan Hutan, Skim Pinjaman Ternakan, Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara, Kajian Projek Pusat Pertumbuhan Desa dan Pengurusan Projek Perumahan Puncak Arabella.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap; menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

**5.1 Program Anak Angkat.** Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah

sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder*' - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Melalui program ini, empat pejabat telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2004, dua daripada 4 telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Pencapaian pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

**5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan.** Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

**5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer.** Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

**Bahagian I** : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

- Bahagian II** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian III** : Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas
- Bahagian IV** : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam  
Dan Pihak Berkuasa Tempatan
- Bahagian V** : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

**(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya

20 September 2004



## INTISARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri tahun 2003 telah dapat disahkan. Butiran di Lembaran Imbangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.
2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2003 mencatatkan sedikit kemajuan berbanding tahun 2002 dengan jumlah Aset melebihi Tanggungan sejumlah RM8.57 juta. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan jangka panjang belum begitu kukuh memandangkan defisit Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air meningkat agak ketara iaitu RM159.19 juta dan RM122.28 juta masing-masing pada akhir tahun 2003. Sungguhpun baki wang tunai berkurangan sejumlah RM5.68 juta menjadi RM34.23 juta berbanding RM39.91 juta tahun 2002, namun baki pelaburan meningkat dengan ketara daripada RM115.08 juta tahun 2002 menjadi RM160.95 juta tahun 2003. Pada masa yang sama, Akaun Hasil Disatukan tidak lagi mengalami defisit seperti tahun 2002 sebaliknya mencatatkan surplus sejumlah RM139,624.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri**

3. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri masih boleh dipertingkatkan dengan mengatasi kelewatan menyediakan Penyata Penyesuaian Bank, penyerahan Penyata Pemungut oleh pihak Bank dan penyediaan Penyata Penyesuaian Bulanan oleh Pegawai Pengawal. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri perlu mencari sumber baru bagi meningkatkan hasil Negeri dan memohon kelulusan Kerajaan Persekutuan

bagi menukar pinjaman tertentu menjadi geran untuk mengurangkan jumlah hutang Kerajaan Negeri.

### **Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan**

4. Pada keseluruhannya, beberapa aspek pengurusan kewangan seperti kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset bagi Jabatan Bekalan Air, Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam adalah kurang memuaskan. Pemantauan oleh Pegawai Pengawal terhadap petugas kewangan supaya mematuhi peraturan kewangan perlu dititikberatkan.

### **Program *Audit Presence***

5. Program *Audit Presence* diperkenalkan sebagai langkah pencegahan berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan. Pada tahun 2003, sebanyak 19 Pejabat telah dipilih untuk tujuan ini. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil bagi semua pejabat yang dilawati adalah mengikut peraturan yang ditetapkan dan penyelenggaraan rekod hasil adalah memuaskan. Bagaimanapun, kawalan perbelanjaan bagi 7 pejabat adalah kurang memuaskan melibatkan aspek penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil.

### **Program Anak Angkat**

6. Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk memantapkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Pada tahun 2003, sebanyak 4 Jabatan/Agensi telah dipilih untuk dijadikan 'Anak Angkat' Jabatan Audit Negara dan program ini mendapat sambutan yang baik daripada Jabatan/Agensi. Kesemua Jabatan/Agensi yang dijadikan 'Anak Angkat' telah mencapai tahap pengurusan kewangan yang memuaskan.

### **BAHAGIAN III – AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang – Pengurusan Dan Kawalan Pembalakan**

7. Secara keseluruhannya, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah melaksanakan pengurusan dan kawalan pembalakan berdasarkan prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara. Prinsip tersebut mengutamakan pengurusan dan amalan perhutanan secara lebih teratur yang akan menjamin faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang maksimum. Bagaimanapun, beberapa masalah pengurusan pembalakan seperti pengeluaran lesen secara pemberian yang menghasilkan pungutan yang jauh lebih rendah berbanding lesen secara tender dan kelewatan pengeluaran lesen patut diteliti sewajarnya. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya kes kecurian balak dan pelanggaran syarat lesen dapat dibenteras dengan lebih berkesan.

#### **Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang – Skim Pinjaman Ternakan**

8. Pengauditan yang dijalankan mendapati Skim Pinjaman Ternakan telah dirancang secara menyeluruh dengan mengutamakan keperluan golongan sasar. Selepas tempoh 3 tahun pelaksanaan, Skim ini telah mencatatkan pencapaian 50% daripada sasaran yang ditetapkan. Dengan pengurusan yang teratur dan sokongan kewangan daripada Kerajaan Negeri, Skim ini dijangka dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### **Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands – Lesen Pendudukan Sementara**

9. Secara keseluruhan pengurusan Lesen Pendudukan Sementara Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands perlu dipertingkatkan. Kelewatan memproses untuk mendapat kelulusan bagi membaharui dan permohonan semula Lesen memberi kesan terhadap bayaran Lesen. Aspek pemantauan juga perlu diberi perhatian bagi mengelak pelanggaran syarat pengeluaran Lesen.

## **BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

### **Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang – Pengurusan Kewangan**

10. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan berada pada tahap memuaskan. Usaha yang berterusan oleh pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah menyelesaikan hutang Perbadanan dan pemantauan pelaburan yang lebih kemas akan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan Perbadanan. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Pelaburan akan membantu pihak pengurusan dalam usaha untuk memantap dan memperkemaskan lagi pengurusan kewangan Perbadanan.

### **Majlis Daerah Pekan – Pengurusan Kewangan**

11. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis adalah memuaskan kecuali kawalan perbelanjaan dan penyelenggaraan Buku Log kenderaan. Selain itu, Sistem Integrasi Majlis bagi pungutan hasil tidak berjalan seperti yang dirancang.

### **Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang – Projek Pusat Pertumbuhan Desa**

12. Pelaksanaan projek Pusat Pertumbuhan Desa bagi beberapa aspek perlu diteliti semula. Perancangan projek yang lebih bersepadu dengan Agensi lain dan kajian tapak yang lebih terperinci perlu dilaksanakan sebelum projek dimulakan. Selain itu, masalah kelewatan pengeluaran Sijil Layak Menduduki perlu diatasi bagi mengelakkan projek yang telah siap tetapi masih tidak dapat digunakan.

**Majlis Daerah Cameron Highlands –  
Pengurusan Projek Perumahan Puncak Arabella**

13. Pada asasnya, pembangunan projek ini telah mencapai matlamat utamanya untuk menyediakan kemudahan pemilikan rumah bagi penduduk setempat. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan projek ini, Majlis tidak mengambil kira faktor kemahiran kakitangan sedia ada dan risiko jangka panjang terhadap Majlis. Selain itu, jangkaan keuntungan projek yang dibuat juga tidak tepat kerana Majlis tidak mengambil kira nilai semasa tanah tapak projek sebagai sebahagian kos projek.

## BAHAGIAN I

### PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

#### 1. PENDAHULUAN

Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama Laporan ini terdiri daripada Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2003.

Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada 28 Mei 2004.

Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah material, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (nature) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu timbul.

Pada tahun 2003, beberapa usaha telah diambil oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri ke arah meningkatkan tahap akauntabiliti dan memperkemaskan lagi tahap pengurusan kewangan Negeri. Antara tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Mengeluarkan pekeliling dan arahan tertentu kepada Pegawai Pengawal dan Pemungut Hasil.

- ii) Mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak bank bagi mengatasi masalah Akaun Terimaan dan Akaun Bayaran di bawah Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri dan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri berhubung penyerahan maklumat pembayaran dan pengemaskinian kawalan tatacara penerimaan cek Kerajaan Negeri oleh pihak bank.
- iii) Membuat lawatan ke 46 pejabat Pemungut Hasil dan Pegawai Pengawal melibatkan 6 daerah bagi tujuan pemeriksaan dan mengenal pasti punca masalah yang berlarutan.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah menganjur beberapa siri kursus mengenai pengurusan kewangan seperti berikut:

- i) Kursus Pengurusan Kewangan bagi Pegawai Pengawal Negeri Pahang.
- ii) Kursus kewangan kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pahang.
- iii) Kursus asas kepada Penolong Pengelola Makanan Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang.
- iv) Kursus aplikasi perisian komputer kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
- v) Bengkel *SIDC Capital Market Workshop Series Islamic Capital Market* kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional.
- vi) Kursus sistem baru Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri kepada kakitangan Kumpulan Sokongan.

Selepas Program Anak Angkat diperkenalkan pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memilih 2 Jabatan Negeri dan setiap satu bagi Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai 'Anak Angkat'. Jabatan dan Agensi berkenaan ialah Jabatan Agama Islam Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Program ini mendapat sambutan baik daripada Jabatan dan Agensi. Laporan lengkap berkaitan dengan Program 'Anak Angkat' ini dilaporkan di **Bahagian II** Laporan ini.

## **2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM**

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2003.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

**Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus ditingkatkan.**

## **3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM**

Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2002. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah asas perakaunan akrual.



### 3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kedudukan kewangan sesebuah negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut**  
**Lembaran Imbangan**

Bil.	Butiran	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(79.35)	0.14	79.49
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada:	230.60	193.54	(37.06)
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>(182.43)</i>	<i>(281.47)</i>	<i>(99.04)</i>
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>179.73</i>	<i>208.11</i>	<i>28.38</i>
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>82.14</i>	<i>80.29</i>	<i>(1.85)</i>
	<i>iv) Deposit</i>	<i>103.64</i>	<i>114.52</i>	<i>10.88</i>
	<i>v) Akaun Kena Bayar</i>	<i>47.52</i>	<i>72.09</i>	<i>24.57</i>
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	3.74	1.50	(2.24)
<b>Jumlah</b>		<b>154.99</b>	<b>195.18</b>	<b>40.19</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah RM195.18 juta dan ditunjukkan sebagai aset yang berbentuk wang tunai sejumlah RM34.23 juta dan pelaburan sejumlah RM160.95 juta. Kumpulan Wang Disatukan itu mengalami peningkatan sejumlah RM40.19 juta berbanding RM154.99 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM79.49 juta. Sementara itu, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan berkurangan masing-masing sejumlah RM37.06 juta dan RM2.24

juta. Dengan ini, peningkatan bersih Kumpulan Wang Disatukan selepas ditolak sumbangan Akaun Kena Bayar adalah sejumlah RM15.62 juta.

Dari segi kemampuan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2004, adalah sederhana dengan aset yang dimiliki berjumlah RM195.18 juta walaupun mampu menjelaskan Akaun Kena Bayar sejumlah RM72.09 juta tetapi tidak dapat menampung bayaran balik pinjaman yang telah tertunggak sejumlah RM314.73 juta.

Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Aset Dan Tanggungan**  
**Mengikut Kedudukan Penyata Akaun Memorandum**

Bil.	Butiran	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Aset Tunggakan Hasil	52.27	58.83	6.56
	Pinjaman Boleh Tuntut	223.73	247.35	23.62
	Pelaburan	0.38	0.38	0.00
	<b>Jumlah Aset</b>	<b>276.38</b>	<b>306.56</b>	<b>30.18</b>
2.	Tanggungan Hutang Kerajaan Negeri	1,216.62	1,352.90	136.28
	<b>Jumlah Tanggungan</b>	<b>1,216.62</b>	<b>1,352.90</b>	<b>136.28</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang*

Jumlah aset yang ditunjuk dalam Penyata Akaun Memorandum adalah meningkat sejumlah RM30.18 juta menjadi RM306.56 juta pada akhir tahun 2003, berbanding RM276.38 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini berpunca daripada peningkatan Pinjaman Boleh Tuntut sejumlah RM23.62 juta menjadi RM247.35 juta pada tahun 2003 berbanding RM223.73 juta pada tahun 2002. Selain Pinjaman Boleh Tuntut, aset ini juga terdiri daripada Tunggakan Hasil dan Pelaburan yang masing-masing berjumlah RM58.83 juta dan RM0.38 juta. Bagi tempoh jangka panjang, aset ini tidak mampu menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,352.90 juta.

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang berdasarkan Lembaran Imbangan adalah sederhana dengan peningkatan bersih sejumlah RM15.62 juta selepas mengambil kira tanggungan di bawah Akaun Kena Bayar. Penyata Akaun Memorandum pula menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang dalam jangka panjang tidak stabil di mana aset yang dimiliki lebih rendah berbanding nilai hutang Kerajaan Negeri. Analisis lengkap berkenaan komponen Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum ditunjuk di perenggan berikutnya.

## **LEMBARAN IMBANGAN**

### **3.1 AKAUN HASIL DISATUKAN**

Pada tahun 2003, hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM61.71 juta iaitu daripada RM358.91 juta pada tahun 2002 menjadi RM420.62 juta pada tahun 2003. Perbelanjaan Mengurus pula berkurangan sejumlah RM8.85 juta iaitu daripada RM349.97 juta pada tahun 2002 menjadi RM341.12 juta pada tahun 2003. Dengan kedudukan ini Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM79.49 juta berbanding lebihan sejumlah RM8.94 juta pada tahun 2002.

#### **3.2.1 Hasil**

Hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan daripada RM358.91 juta pada tahun 2002 menjadi RM420.62 juta pada tahun 2003. Kesemua punca hasil utama Kerajaan Negeri mencatatkan pertambahan iaitu hasil hutan, air, geran Persekutuan dan hasil lain kecuali hasil tanah yang mencatatkan pengurangan sejumlah RM3.48 juta. Pengurangan pungutan hasil tanah adalah disebabkan pemilik tanah tidak membayar cukai mengikut masa yang ditetapkan. Butiran hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Hasil Negeri**  
**Bagi Tahun 2002 Dan 2003**

Bil.	Punca Hasil	Tahun		Pertambahan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	
1.	Tanah	121.36	117.88	(3.48)
2.	Hutan	72.27	87.26	14.99
3.	Air	78.62	83.56	4.94
4.	Geran Persekutuan	37.56	75.72	38.16
5.	Hasil Lain	49.10	56.20	7.10
<b>Jumlah</b>		<b>358.91</b>	<b>420.62</b>	<b>61.71</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam*

**i) Peningkatan Hasil**

Hasil dari analisis yang dibuat mendapati 5 butiran hasil yang mencatatkan kenaikan yang ketara antaranya terdiri daripada Pemberian 5% Perkhidmatan Projek Persekutuan sejumlah RM33.43 juta, Premium Perhutanan sejumlah RM16.21 juta, Keuntungan Jualan Saham Syarikat Tersiar Harga sejumlah RM14.68 juta, Jualan Air sejumlah RM5.50 juta dan Pelbagai Cukai Emas dan Galian sejumlah RM4.72 juta di bawah Hasil Cukai. Kesemua butiran hasil ini menyumbang sejumlah RM215.88 juta berbanding RM141.34 juta pada tahun 2002. Faktor peningkatan hasil bagi 3 daripada butiran hasil berkaitan adalah seperti berikut:

**a) Pemberian 5% Perkhidmatan Projek Persekutuan**

Hasil Pemberian 5% Perkhidmatan Projek Persekutuan meningkat sejumlah RM33.43 juta iaitu daripada RM11.03 juta pada tahun 2002 menjadi RM44.46 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini adalah kerana pemberian hasil tahun 2003 serta tunggakan pemberian hasil bagi tahun 2001 dan 2002 hanya diterima pada tahun 2003.

**b) Premium Perhutanan**

Hasil premium perhutanan meningkat sejumlah RM16.21 juta daripada RM51.19 juta tahun 2002 menjadi RM67.40 juta. Peningkatan hasil ini disebabkan peningkatan pengeluaran kayu balak kesan daripada pertambahan pengeluaran konsesi pembalakan.

**c) Keuntungan Jualan Saham Syarikat Tersiar Harga**

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menjual sebanyak 1,742,100 unit saham Tenaga Nasional dan saham Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia dengan keuntungan bersih diterima sejumlah RM14.68 juta. Ini menyebabkan hasil pelaburan meningkat dengan sejumlah RM14.68 juta berbanding tahun sebelumnya di mana tidak ada penjualan saham dilakukan.

**ii) Penurunan Hasil**

Analisis juga menunjukkan 3 butiran hasil mencatat penurunan yang ketara seperti berikut:

**a) Pemberian Pertambahan Hasil**

Pada tahun 2003, tidak ada pemberian pertambahan hasil diterima daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tahun 2002 sejumlah RM7.44 juta. Bagaimanapun, pemberian untuk tahun 2003 hanya diterima penghujung bulan Januari 2004. Ini menyebabkan hasil ini berkurangan dengan ketaranya.

**b) Pelbagai Premium Tanah**

Hasil pelbagai premium tanah ini terdiri daripada premium tukar syarat, lombong, *alienation*, premium tanah biasa borang 5A dan premium tanah yang lain. Keseluruhan 5 hasil ini berkurangan daripada RM33.32

juta tahun 2002 menjadi RM27.67 juta tahun 2003. Penurunan yang ketara sejumlah RM5.65 juta adalah disebabkan berkurangnya pelupusan tanah pada tahun 2003. Di samping itu juga ada pemohon lewat atau menangguhkan bayaran premium tanah yang telah diluluskan.

**c) Pelbagai Cukai Tidak Langsung Yang Lain**

Hasil Cukai Tidak Langsung yang lain menurun sejumlah RM3.88 juta daripada RM4.35 juta pada tahun 2002 menjadi RM0.47 juta pada tahun 2003. Penurunan hasil ini disebabkan di bawah sistem baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri, beberapa butiran hasil seperti cukai emas dan lain-lain galian telah diperjeniskan semula.

**3.2.2 Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2003 mencatatkan penurunan sejumlah RM8.85 juta iaitu daripada RM349.97 juta pada tahun 2002 menjadi RM341.12 juta pada tahun 2003. Dengan itu, lebih semasa sejumlah RM79.49 juta telah dapat mengurangkan baki terkumpul defisit Akaun Hasil Disatukan daripada sejumlah RM79.35 juta pada tahun 2002 menjadi surplus sejumlah RM139,624 pada tahun 2003. Komponen perbelanjaan terbesar tahun semasa ialah Emolumen berjumlah RM158.80 juta diikuti Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM98.92 juta.

**3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan menurun daripada RM230.60 juta pada tahun 2002 menjadi RM193.54 juta pada akhir tahun 2003.

### **3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan**

Pada tahun 2003, baki Kumpulan Wang Pembangunan mengalami defisit semasa sejumlah RM15.41 juta dan defisit terkumpul berjumlah RM159.19 juta. Defisit semasa dialami kerana pada tahun 2003, Pemberian Pertambahan Hasil dan pinjaman baru bagi projek pembangunan tidak diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

### **3.3.2 Kumpulan Wang Bekalan Air**

Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2003 mengalami defisit semasa sejumlah RM83.62 juta dan defisit terkumpul berjumlah RM122.28 juta. Pertambahan defisit semasa adalah disebabkan tidak ada caruman diterima daripada Akaun Hasil berbanding sejumlah RM54.70 juta pada tahun 2002.

### **3.3.3 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pada akhir tahun 2003, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah meningkat menjadi RM208.11 juta berbanding RM179.73 juta pada akhir tahun 2002. Antara akaun yang mencatatkan peningkatan baki yang ketara adalah Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM129 juta, diikuti Akaun Penyelesaian Cek Terbatal sejumlah RM3.32 juta. Peningkatan baki adalah disebabkan Kerajaan Negeri pada tahun semasa telah mendapat pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM60 juta untuk menampung perbelanjaan semasa. Kesemua 31 penyata akaun di bawah Kumpulan Wang Amanah ini telah dikemukakan untuk diaudit dan telah disahkan.

### **3.3.4 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun daripada RM82.14 juta pada tahun 2002 menjadi RM80.29 juta pada akhir tahun 2003. Antara sebab pengurangan baki akaun ini ialah tidak ada caruman diterima untuk Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan perbelanjaan bagi Akaun Kumpulan Wang Amanah

Penyelenggaraan Jalan Negeri melebihi pendapatan yang diterima.

### **3.3.5 Deposit**

Pada akhir tahun 2003, baki 94 akaun deposit berjumlah RM114.52 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM103.65 juta. Antara faktor berlakunya peningkatan baki deposit ini adalah disebabkan pertambahan ke atas deposit tanah yang dibayar bagi urusan pertukaran syarat tanah khususnya di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan sejumlah RM5.60 juta. Selain itu, deposit kontraktor sejumlah RM862,143 bagi Jabatan Kerja Raya, deposit wang jaminan pelaksanaan bagi Jabatan Agama Islam dan Jabatan Bekalan Air berjumlah RM5.04 juta.

### **3.3.6 Akaun Kena Bayar**

Perbelanjaan tahun 2003 yang dibayar di bawah Akaun Kena Bayar telah meningkat berbanding tahun 2002 iaitu daripada RM47.52 juta menjadi RM72.09 juta. Kebanyakan perbelanjaan yang dibayar di bawah akaun ini melibatkan perbelanjaan perolehan aset dan bayaran kemajuan Projek Pembangunan dan Bekalan Air.

## **3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Pada akhir tahun 2003, baki Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM1.50 juta berbanding RM3.74 juta pada tahun 2002. Akaun pinjaman ini terdiri daripada Akaun Pinjaman Projek Bekalan Air, Projek Badan Berkanun dan Projek Lain. Mulai tahun 2003, pinjaman untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah tidak lagi diuruskan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara.

### **3.4.1 Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri**

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat menjadi RM1.35 bilion berbanding RM1.22 bilion pada tahun 2002. Peningkatan tersebut disebabkan beberapa



tambahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air berjumlah RM137.88 juta yang diterima pada tahun 2003. Pada masa yang sama, bayaran balik pinjaman semasa berkurangan sejumlah RM10.75 juta berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan baki pinjaman pada akhir tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Baki Pinjaman Kerajaan Negeri Dengan**  
**Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2002 Dan 2003**

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Pinjaman	
		Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	759.38	895.35
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	246.36	246.17
3.	Badan Berkanun Negeri	148.31	148.81
4.	Ladang Hutan Kompensatori	40.23	40.23
5.	Pelbagai Projek	22.34	22.34
<b>Jumlah</b>		<b>1,216.62</b>	<b>1,352.90</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam*

### 3.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman kepada Agensi telah meningkat menjadi RM247.35 juta berbanding RM223.73 juta pada tahun 2002. Baki pinjaman ini terdiri daripada sumber Negeri sejumlah RM79.62 juta manakala sumber Persekutuan sejumlah RM167.73 juta. Peningkatan baki ini adalah disebabkan bayaran balik pinjaman semasa oleh Agensi berkurangan iaitu hanya RM2.20 juta sahaja. Bayaran balik tahun semasa RM2.20 juta adalah untuk bayaran balik sumber Negeri sahaja manakala sumber Persekutuan tidak ada pembayaran balik dibuat.

## **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

### **3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Pinjaman Boleh Dituntut ini terdiri daripada pinjaman sumber Negeri dan pinjaman yang diperolehi daripada Persekutuan. Pada akhir tahun 2003, baki Pinjaman Boleh Dituntut yang diperolehi daripada 2 sumber ini meningkat daripada RM223.73 juta pada tahun 2002 menjadi RM247.35 juta pada tahun 2003. Peningkatan Pinjaman Boleh Dituntut ini disebabkan pada tahun 2003, sejumlah RM25.39 juta tambahan pinjaman diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi. Daripada sejumlah RM25.39 juta, sejumlah RM22 juta diberi kepada Amanah Saham Pahang Berhad bagi penyusunan semula sebuah syarikat subsidiarinya.

### **3.6 PELABURAN**

Baki pelaburan telah meningkat daripada RM115.08 juta pada tahun 2002 menjadi RM160.95 juta pada tahun 2003. Pelaburan Kerajaan Negeri ini terdiri daripada simpanan tetap berjumlah RM56 juta dan saham serta syer berjumlah RM104.95 juta. Bagaimanapun, angka pelaburan ini tidak termasuk pelaburan dalam bentuk ekuiti berjumlah RM376,912 atau 9% pegangan ekuiti sebuah syarikat swasta. Pelaburan ini dibuat melalui Akaun Kumpulan Wang Amanah Pelbagai Setiausaha Kerajaan dan tidak ditunjukkan sebagai Pelaburan dalam Lembaran Imbangan sebaliknya ditunjukkan dalam Penyata Memorandum. Baki pelaburan ini tidak berubah sejak ia dilaburkan pada tahun 1999. Pelaburan ini menerima dividen pada setiap tahun dan satu penyata akaun ada disediakan.

### **3.7 TUNGGAKAN HASIL**

Berdasarkan penyata yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, baki tunggakan hasil pada 31 Disember 2003 menunjukkan peningkatan daripada RM52.91 juta pada tahun 2002 menjadi RM58.83 juta pada akhir tahun 2003. Angka tunggakan ini tidak termasuk faedah pinjaman Kerajaan Negeri dan Agensi sejumlah RM5.29 juta. Mengambil kira jumlah faedah

pinjaman tersebut, tunggakan hasil Negeri sebenarnya ialah RM64.12 juta. Kedudukan tunggakan hasil tahun 2003 berbanding 2002 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Tunggakan Hasil Negeri Pada 31 Disember 2003**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	26.56	30.61	4.05
2.	Lain-lain Hasil	13.71	14.89	1.18
3.	Bayaran Air	11.93	13.26	1.33
4.	Faedah Pinjaman	0.64	5.29	4.65
5.	Hasil Hutan	0.07	0.07	-
<b>Jumlah</b>		<b>52.91</b>	<b>64.12</b>	<b>11.21</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam*

Semua jenis hasil mencatatkan peningkatan tunggakan kecuali hasil hutan yang tidak berubah. Sebagaimana tahun lalu, tunggakan sewa rumah awam kos rendah terus meningkat setiap tahun disebabkan keengganan penyewa menjelaskan sewa bulanan mengikut jadual. Begitu juga, cukai tanah turut meningkat pada tahun semasa kerana pemilik tidak menjelaskan cukai pada masa yang ditetapkan. Tunggakan bayaran faedah pinjaman oleh Agensi juga meningkat disebabkan kurangnya Agensi membayar balik pinjaman mengikut jadual dan sebuah Agensi diluluskan penangguhan bayaran balik hutang oleh Kerajaan Persekutuan.

### **3.8 TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN**

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman termasuk bayaran pokok dan faedah berjumlah RM312.29 juta. Tunggakan bayaran balik ini meningkat sejumlah RM102.33 juta daripada tahun 2002 disebabkan kegagalan Agensi membayar balik pinjaman mereka kepada Kerajaan Negeri. Kedudukan tunggakan bayaran balik bagi tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman**  
**Bagi Tahun 2002 Dan 2003**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman (Terkumpul)	
		Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	82.87	123.95
2.	Bekalan Air	78.65	111.66
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	33.90	53.32
4.	Pelbagai Projek	11.33	13.46
5.	Ladang Hutan Kompensatori	3.21	9.90
<b>Jumlah</b>		<b>209.96</b>	<b>312.29</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam*

#### **4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8**

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (2001–2005) sejumlah RM2.21 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan 419 projek di Negeri Pahang. Pada tahun 2003, jumlah peruntukan tersebut telah dikurangkan menjadi RM1.92 bilion bagi pelaksanaan 405 projek melibatkan 11 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.03 bilion adalah untuk Projek Bekalan Air manakala RM891.40 juta untuk Projek Pembangunan. Pengurangan peruntukan asal adalah disebabkan projek baru Perumahan Awam Kos Rendah tidak lagi diuruskan oleh Negeri sebaliknya diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara kecuali projek Perumahan Awam Kos Rendah yang masih dalam pelaksanaan akan diteruskan sehingga siap.

Setakat akhir tahun 2003, daripada RM1.92 bilion yang diperuntukkan di bawah RMK8, sejumlah RM815.93 juta telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003 (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	239.50	79.57	33
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	36.35	2.20	6
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	297.10	69.69	23
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	22.50	3.16	14
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	20.00	8.16	41
6.	Jabatan Pertanian Negeri	35.00	13.93	40
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	40.95	15.08	37
8.	Jabatan Agama Islam	95.00	23.66	25
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	90.00	31.49	35
10.	Mahkamah Syariah	15.00	0.06	1
11.	Jabatan Bekalan Air	1,025.12	568.93	55
<b>Jumlah</b>		<b>1,916.52</b>	<b>815.93</b>	<b>43</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam*

Mengikut Laporan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Pelaksana, prestasi pelaksanaan projek sehingga 31 Disember 2003 menunjukkan daripada 405 bilangan projek yang dirancang, sebanyak 97 projek telah siap dilaksanakan manakala 138 projek masih dalam pelaksanaan dan 170 projek lagi belum dimulakan. Antara projek terbesar yang sedang dilaksanakan adalah projek Bekalan Air Greater Kuantan Fasa II yang dibiayai daripada sumber pinjaman Persekutuan dengan anggaran kos sejumlah RM255 juta. Projek yang dibiayai daripada sumber Negeri pula ialah projek Menjalankan Dan Menyenggara Bekalan Air dengan anggaran kos RM233.50 juta. Bagi projek yang belum mula, projek terbesar adalah pembinaan Perpustakaan Awam Negeri dan pembinaan Kompleks Islam Pahang di Pekan yang dibiayai melalui sumber Negeri dengan anggaran kos berjumlah RM51.35 juta. Kedudukan terkini pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2003**

Bil.	Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan		
			Siap	Sedang Laksana	Belum Mula
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	147	44	19	84
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	4	0	2	2
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	98	29	22	47
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	3	0	3	0
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	11	0	10	1
6.	Jabatan Pertanian Negeri	25	0	25	0
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	11	0	11	0
8.	Jabatan Agama Islam	52	23	7	22
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	13	0	13	0
10.	Mahkamah Syariah	1	0	1	0
11.	Jabatan Bekalan Air	40	1	25	14
<b>Jumlah</b>		<b>405</b>	<b>97</b>	<b>138</b>	<b>170</b>

*Sumber: Laporan Jabatan Pelaksana*

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Seperti tahun lalu, penyediaan Penyata Akaun Awam tahun 2003 adalah baik. Butiran yang ditunjukkan dalam penyata telah dapat disahkan kerana disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 mencatatkan sedikit kemajuan berbanding tahun 2002 dengan jumlah Aset melebihi Tanggungan sejumlah RM8.57 juta. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan jangka panjang belum begitu kukuh memandangkan defisit Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air terus meningkat pada akhir tahun 2003. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah tegas memungut tunggakan hasil sejumlah RM58.83 juta dan mengawal hutang Kerajaan Negeri yang telah mencecah RM1.35 bilion.

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **6. PENDAHULUAN**

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap Jabatan Negeri. Pada tahun 2003, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands, Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Bekalan Air telah dipilih untuk diaudit. Selain itu, *Audit Presence* terhadap 19 pejabat telah dijalankan sementara 4 Jabatan/Agensi telah dipilih bagi pelaksanaan Program Anak Angkat Jabatan Audit Negara.

#### **PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI**

#### **7. LATAR BELAKANG**

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (Pejabat) adalah Jabatan yang bertanggungjawab mengawal selia Jabatan Negeri bagi memastikan peraturan dan undang-undang kewangan dipatuhi. Tanggungjawab ini meliputi mengawal selia kutipan hasil Negeri, pengagihan peruntukan kepada Jabatan, mengawal bayaran dan menentukan rekod kewangan Jabatan diselenggarakan dengan betul dan sempurna. Ini adalah bagi memastikan pengurusan kewangan Negeri dapat dilaksanakan dengan teratur. Objektif Pejabat adalah mengurus, merancang dan melaksanakan dasar kewangan dan belanjawan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembahagian pendapatan yang lebih seimbang selari dengan dasar kerajaan. Pada tahun 2003, bajet asal yang diluluskan adalah sejumlah RM802.29 juta terdiri daripada sejumlah RM463.66 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM338.63 juta perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah itu, sejumlah RM649.22 juta telah dibelanjakan meliputi RM341.12 juta belanja mengurus dan RM308.10 juta belanja

pembangunan. Selain itu, sehingga akhir tahun 2003 sejumlah RM420.62 juta hasil telah diterima.

Pejabat diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dengan dibantu oleh 6 kakitangan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta 69 kakitangan Kumpulan Sokongan. Dua bahagian telah diwujudkan iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan Bahagian Pengiraan. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang diketuai oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri meliputi Unit Perkhidmatan Dan Kewangan, Unit Pengurusan Bajet Dan Pinjaman dan Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan. Bahagian Pengiraan pula diketuai oleh Akauntan Negeri mengandungi Unit Akaun, Unit Audit, Unit Bayaran, Unit Gaji, Unit Semak dan Unit Prosesan Data. Setiap pegawai yang menjalankan tugas kewangan telah diberi perwakilan kuasa secara bertulis. Sementara itu, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja telah disediakan dan dikemas kini sejajar dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

Dari aspek pemantauan, walaupun Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun ada diwujudkan tetapi sepanjang tahun 2003 mesyuarat tidak diadakan. Selain daripada Jawatankuasa ini, sembilan Jawatankuasa lain ada ditubuhkan di peringkat Pejabat untuk memantapkan lagi kawalan dan pemantauan urusan kewangan Kerajaan Negeri. Mulai bulan Januari 2003, Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS) mula diperkenalkan dan berjalan serentak dengan Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri (SPEN) yang sedia ada. Sehingga bulan Oktober 2003, Sistem SPEKS telah diperluaskan dengan pelaksanaan Modul Buku Vot untuk 3 Jabatan iaitu Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa sebagai perintis.

## **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada prosedur dan peraturan kewangan dipatuhi, wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan, penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini dan seterusnya menilai tahap pencapaian peranan dan tanggungjawab Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang sebagai Agensi pengawal kewangan.



Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap rekod kewangan bagi tahun 2003. Bahagian yang disemak ialah Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan Bahagian Pengiraan. Rekod utama yang diperiksa termasuk Fail Bajet, Daftar Hasil, Daftar Bayaran, Daftar Pinjaman, Daftar Pelaburan dan daftar lain serta minit mesyuarat. Selain pemilihan sampel tertentu untuk semakan, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat turut dijalankan.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

Pejabat telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 3 Tahun 2002 bertarikh 15 Mei 2002 sebagai garis panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan bajet tahun 2003. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Belanjawan Diubahsuai (*Modified Budgeting System*) oleh Kerajaan Negeri mulai tahun Belanjawan 2003, Pejabat telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 1 Tahun 2003 kepada semua Pegawai Pengawal supaya mengurus peruntukan dan perbelanjaan mengikut sistem tersebut. Pada tahun 2003, hasil Negeri dianggarkan berjumlah RM398.15 juta berbanding bajet Belanja Mengurus berjumlah RM463.66 juta. Seperti tahun lepas, bajet tahun 2003 juga adalah merupakan bajet defisit sejumlah RM65.51 juta. Namun defisit tersebut berkurangan sejumlah RM9.70 juta berbanding defisit tahun 2002 sejumlah RM75.21 juta.

Anggaran asal Perbelanjaan Pembangunan Dan Bekalan Air Negeri pula berjumlah RM338.63 juta dan dijangka dibiayai melalui sumber hasil Negeri sejumlah RM152.10 juta dan pinjaman Kerajaan Persekutuan sejumlah RM186.53 juta. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Negeri, Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air Tahun 2003 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada awal bulan November 2002. Manakala Waran Am bagi membolehkan perbelanjaan mengurus dilakukan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada akhir bulan Disember 2002 selaras dengan Seksyen 13(2) Akta Acara Kewangan 1957. Selain itu, Kuasa

Mengeluarkan Wang Bil. 1 Tahun 2003 telah ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri pada akhir bulan Disember 2002 sebagaimana disyaratkan dalam Seksyen 13(5)(b) Akta Acara Kewangan 1957. Seperti juga tahun sebelumnya sebagai usaha untuk menampung bajet defisit tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menetapkan langkah berikut diambil:

- i) Meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil;
- ii) Mengkaji semula pemberian geran dan sumbangan kepada Agensi, Badan Berkanun Negeri dan Pertubuhan yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik;
- iii) Meminta Agensi Kerajaan menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri;
- iv) Mengurangkan peruntukan pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik; dan
- v) Mencari sumber baru dan mengamalkan perbelanjaan berhemat.

Semakan Audit mendapati 119 pindah peruntukan perbelanjaan mengurus melibatkan emolumen, elaun lebih masa dan geran bernilai RM8.70 juta dan 12 waran pindah peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan bernilai RM9.59 juta telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Selain itu, Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pembangunan dan Bekalan Air sejumlah RM10.50 juta pada tahun 2003 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Tambahan perbelanjaan pembangunan adalah melibatkan perbelanjaan untuk pertambahan skop kerja bagi Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dan kos elektrik bagi loji Jabatan Bekalan Air.

**Pada pendapat Audit, kawalan bajet pada keseluruhannya adalah memuaskan. Walaupun bajet defisit masih disediakan namun defisit tahun 2003 telah berkurangan berbanding defisit tahun 2002.**

## **9.2 KAWALAN HASIL**

Kutipan hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Pada tahun 2003, kutipan hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan daripada RM358.91 juta pada tahun 2002 menjadi RM420.62 juta pada tahun 2003. Antara hasil utama yang dipungut ialah

hasil tanah RM117.88 juta, hasil air RM83.56 juta dan hasil hutan RM87.26 juta. Selebihnya sejumlah RM131.92 juta adalah geran persekutuan dan hasil lain. Pemungut Hasil adalah bertanggungjawab untuk memungut, mencatat urus niaga dalam Buku Tunai, memasukkan wang hasil ke bank dan mengemukakan Akaun Tunai ke Perbendaharaan Negeri setiap bulan. Selain itu, Pemungut Hasil juga dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Hasil bulanan bagi memastikan ketepatan akaun mereka dengan rekod di Perbendaharaan Negeri. Pejabat pula bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan semua peraturan berkaitan dipatuhi oleh Pemungut Hasil. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

#### **9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, setiap Pemungut Hasil hendaklah mengemukakan Akaun Tunai Bulanan yang sempurna ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit terhadap Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan bagi bulan Disember 2003 di Perbendaharaan Negeri mendapati kesemua 159 Pemungut Hasil telah menghantar Akaun Tunai Bulanan ke Perbendaharaan Negeri sehingga bulan Disember 2003 kecuali beberapa pemungut sahaja yang mengemukakan Akaun Tunai setakat bulan November 2003.

#### **9.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut**

Hasil yang dipungut akan dimasukkan ke bank oleh Pemungut Hasil dengan menyediakan penyata pemungut. Penyata pemungut yang telah diakui terima oleh pihak bank akan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri untuk diperakunkan. Mengikut rekod Perbendaharaan Negeri sebanyak 5,638 penyata pemungut bernilai RM115.45 juta yang diterima pada bulan Disember 2003 daripada pihak bank telah diproses dan dikeluarkan resit Perbendaharaan sebagai akuan penerimaan. Semakan lanjut mendapati 2,440 daripada 5,638 penyata pemungut adalah melibatkan hasil yang diterima bagi bulan

November 2003 bernilai RM22.21 juta. Ekoran daripada kelewatan pihak bank menyerahkan penyata pemungut kepada Perbendaharaan Negeri antara 5 hingga 67 hari telah menyebabkan resit Perbendaharaan lewat dikeluarkan.

### **9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan**

Menurut Arahan Perbendaharaan 143(b), Perbendaharaan Negeri sebagai pejabat perakaunan hendaklah menghantar Laporan Hasil bulanan kepada Pejabat Pemungut Hasil untuk disesuaikan dengan rekod perakaunannya. Pemungut Hasil hendaklah menyesuaikan urus niaga dalam Laporan Hasil dari Pejabat Perakaunan dengan rekodnya dan menyediakan Penyata Penyesuaian Hasil untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri.

Berdasarkan Daftar Penghantaran dan Penerimaan Akaun Hasil Tahun 2003, sehingga tarikh semakan Audit pada bulan Februari 2004 adalah didapati Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan Laporan Hasil bulanan sebanyak 12 bulan kepada semua 159 Pemungut Hasil terlibat. Semakan Audit mendapati hanya 2 Pemungut Hasil sahaja tidak membuat pengesahan dan mengemukakan Penyata Penyesuaian Hasil sepanjang tahun 2003 berbanding 6 Pemungut Hasil pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, kedudukan ini perlu dipertingkatkan lagi memandangkan masih ada sebilangan kecil Pemungut Hasil yang lewat mengemukakan pengesahan hasil antara 3 hingga 7 bulan.

### **9.2.4 Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)**

Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri mengendalikan 5 akaun bank bagi mengakaunkan segala pungutan dan terimaan Kerajaan Negeri. Akaun tersebut melibatkan 1 Akaun Bank Terimaan Utama Sistem Lama (SPEN), 1 Akaun Bank Terimaan Utama Sistem SPEKS dan 3 Akaun Bank Terimaan bagi mengakaun pungutan di peringkat daerah. Menurut Arahan

Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank selepas akhir setiap bulan dan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i) Bagi Akaun Bank Terimaan Utama Sistem Lama, kelewatan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank untuk bulan Januari hingga September 2003 adalah antara 1 hingga 9 bulan. Semakan Audit pada bulan Mei 2004 mendapati Penyata Penyesuaian Bank bulan Oktober hingga Disember 2003 hanya dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada bulan April 2004 iaitu kelewatan antara 4 hingga 6 bulan.
- ii) Sementara itu bagi Akaun Bank Terimaan Utama Sistem SPEKS, kelewatan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank untuk bulan Januari hingga September 2003 adalah antara 1 hingga 6 bulan. Manakala Penyata Penyesuaian Bank bulan Oktober hingga Disember 2003 hanya diserahkan untuk diaudit pada bulan Mei 2004. Kelewatan yang berlaku adalah disebabkan tahun 2003 merupakan tahun pertama pelaksanaan Sistem SPEKS dan beberapa masalah timbul di peringkat awal pelaksanaannya.
- iii) Sebelum pelaksanaan Sistem SPEKS pada tahun 2003, baki pada akhir bulan untuk 3 Akaun Bank Terimaan di peringkat daerah dipindahkan ke Akaun Bank Terimaan Utama Sistem Lama pada setiap akhir bulan. Oleh yang demikian, tiga akaun bank tersebut berbaki kosong dan tidak timbul keperluan Perbendaharaan Negeri menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada setiap bulan.

#### **9.2.5 Cek Tidak Laku**

Cek Tidak Laku ialah cek yang diterima oleh sesuatu Jabatan Kerajaan bagi maksud sesuatu Akaun Hasil/Amanah/Vot yang pada asalnya telah dimasukkan ke bank oleh Pejabat Pemungut Hasil dan dikembalikan oleh pihak bank atas sebab tertentu. Pada tahun 2003, sebanyak 179 cek bernilai RM650,590 telah

dikembalikan oleh pihak bank. Semakan lanjut mendapati sehingga akhir bulan Februari 2004, sebanyak 20 Cek Tidak Laku yang diterima pada tahun 2002 bernilai RM7,618 masih belum diganti dan 10 daripadanya bernilai RM2,868 adalah melibatkan Jabatan Bekalan Air. Sementara itu, pada tahun 2003 sebanyak 79 Cek Tidak Laku bernilai RM48,605 belum lagi diganti sehingga akhir bulan Februari 2004 dan 38 daripadanya bernilai RM19,788 juga melibatkan Jabatan Bekalan Air.

Semakan Audit mendapati kebanyakan sebab berlakunya Cek Tidak Laku adalah tarikh cek telah luput. Walaupun penerimaan Cek Tidak Laku oleh Pemungut Hasil adalah terkawal, namun penerimaannya boleh dielak dari peringkat awal lagi sekiranya pegawai yang bertugas memberi perhatian semasa menerima cek berkenaan. Selain itu, Pemungut Hasil boleh menetapkan amaun minimum dan pembayar yang mempunyai rekod bersih sahaja dibenarkan membayar melalui cek.

#### **9.2.6 Tunggakan Hasil**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 dan Surat Pekeliling Akauntan Negeri Bil. 4 Tahun 2003 yang dikeluarkan pada bulan Ogos 2003, Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil ke Perbendaharaan Negeri selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Februari 2004. Pada tahun 2003, tunggakan hasil Kerajaan Negeri telah mencatatkan kenaikan sejumlah RM6.56 juta iaitu daripada RM52.27 juta pada tahun 2002 menjadi RM58.83 juta. Ini melibatkan semua jenis hasil seperti cukai tanah, sewa rumah awam kos rendah dan bayaran air. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan tunggakan hasil mendapati perkara berikut:

- i) Pemungut Hasil telah mematuhi arahan dengan menghantar Penyata Tunggakan Hasil dalam masa yang ditetapkan;

- ii) Perbendaharaan Negeri ada menyelenggarakan rekod penerimaan Penyata Tunggakan Hasil daripada Pemungut Hasil bagi tujuan kawalan; dan
- iii) Jawatankuasa Tunggakan Hasil ada ditubuhkan bagi mengawal tunggakan hasil Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagaimanapun pada tahun 2003, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat satu kali sahaja.

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2003 boleh dipertingkatkan. Tumpuan perlu diberi terhadap kelemahan kawalan di peringkat Pemungut Hasil, kelewatan penyerahan penyata pemungut oleh bank kepada Akauntan Negeri, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan, pengendalian Cek Tidak Laku dan tunggakan hasil.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2003, daripada sejumlah RM463.66 juta yang telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, sejumlah RM341.12 juta telah dibelanjakan. Bagi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Dan Bekalan Air pula, sejumlah RM308.10 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM338.63 juta. Peruntukan belanja mengurus dikawal oleh 29 Pegawai Pengawal sementara peruntukan belanja pembangunan dikawal oleh 11 Pegawai Pengawal.

#### **9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus**

Komponen Perbelanjaan Mengurus yang terbesar sekali ialah Emolumen iaitu sejumlah RM158.80 juta diikuti oleh Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sejumlah RM98.92 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sejumlah RM76.29 juta dan selebihnya Perbelanjaan Lain sejumlah RM7.11 juta. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mengawal peruntukan dan perbelanjaan masing-masing. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati tidak ada perbelanjaan yang melebihi peruntukan dan

kesemua Waran Pindah Peruntukan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

### **9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air pada tahun 2003 adalah berjumlah RM308.10 juta iaitu pertambahan sejumlah RM58.03 juta daripada perbelanjaan tahun 2002. Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM86.61 juta ini terdiri daripada perbelanjaan secara langsung yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Begitu juga perbelanjaan bagi Bekalan Air berjumlah RM221.49 juta terdiri daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit menunjukkan kawalan perbelanjaan pembangunan pada keseluruhannya adalah memuaskan seperti berikut:

- i)** Tidak ada perbelanjaan melebihi peruntukan;
- ii)** Perbelanjaan dibuat mengikut maksud peruntukan yang diluluskan;
- iii)** Perbelanjaan sebenar mencapai tahap 91% daripada peruntukan yang diluluskan; dan
- iv)** Kesemua Pindah Peruntukan dan Anggaran Tambahan telah diluluskan sewajarnya.

### **9.3.3 Kawalan Pembayaran**

#### **i) Proses Bayaran**

Mengikut rekod Perbendaharaan Negeri pada tahun 2003, sebanyak 90,430 baucar bayaran bernilai RM883.08 juta telah diproses. Pemeriksaan Audit terhadap 1,991 baucar bayaran yang dipilih secara rambang bernilai RM183.95 juta mendapati kawalan dan prosedur pembayaran telah dipatuhi seperti berikut:

- a)** Dokumen sokongan kepada baucar bayaran adalah lengkap dan mencukupi bagi mengesahkan sesuatu bayaran itu dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa.



- b) Adalah didapati bayaran diluluskan setelah memastikan baki peruntukan mencukupi bagi sesuatu maksud perbelanjaan yang dibuat.
- c) Tidak ada kes kelewatan bayaran yang ketara berlaku. Pembayaran lewat yang dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

**ii) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank selepas akhir setiap bulan dan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit mendapati secara keseluruhan Penyata Penyesuaian Bank lewat dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara antara 2 hingga 9 bulan. Bagaimanapun, sehingga bulan Mei 2004 kesemua Penyata Penyesuaian Bank bulan Januari hingga Disember 2003 telah diserahkan oleh Perbendaharaan Negeri kepada Jabatan Audit Negara.

**iii) Penyata Penyesuaian Perbelanjaan**

Semakan Audit mendapati Daftar Pengesahan dan Penerimaan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan telah diselenggarakan dengan kemas kini. Daftar tersebut menunjukkan bilangan keseluruhan Pusat Tanggungjawab adalah sebanyak 216 dan adalah didapati peratusan Pusat Tanggungjawab yang menyedia dan mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan adalah tinggi iaitu sekitar 90%. Bagaimanapun, kelewatan mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan masih berlaku antara 1 hingga 6 bulan di kalangan beberapa Pegawai Pengawal. Surat peringatan telah dikeluarkan oleh Pejabat kepada Pusat Tanggungjawab berkenaan dan pemantauan dilakukan secara berterusan.

#### **iv) Kawalan Stok Cek**

Semakan Audit mendapati Daftar Cek bagi merekod cek yang diterima dan cek dikeluarkan telah diselenggara dengan baik. Pengurusan stok cek ini dikawal oleh seorang Pegawai Penyelia. Stok cek yang belum diguna disimpan dalam bilik kebal sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 116. Pegawai yang mengambil stok cek menurunkan tandatangan dalam Daftar Cek. Selain itu, bilangan cek yang dikeluarkan adalah berdasarkan keperluan semasa.

#### **v) Kawalan Cek Terbatal**

Daftar Cek Terbatal untuk merekodkan cek yang telah dibatalkan ada diselenggara oleh Pejabat. Tujuan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal diselenggarakan adalah untuk merekod cek dibatalkan kerana tamat tempoh, tukar penama/akaun bank, kehilangan cek dan sebagainya. Baki akaun ini pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM3.32 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a)** Sebanyak 160 keping cek bernilai RM224,909 merupakan cek tamat tempoh masih ditunjukkan dalam Penyata Cek Belum Dikemukakan bulan November 2003 dan belum dibatalkan. Amalan ini tidak mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan 118(a) yang menetapkan cek tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan hendaklah dibatalkan dan diperakaunkan ke dalam Akaun Pembatalan Cek.
- b)** Sebanyak 56 keping cek bernilai melebihi RM1,000 setiap satu yang telah dibatalkan tetapi belum lagi digantikan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan adalah baik termasuk di peringkat Pegawai Pengawal. Tahap pematuhan kepada peraturan kewangan oleh Pegawai Pengawal adalah baik meliputi aspek kawalan peruntukan, maksud perbelanjaan, urusan pembayaran dan penyediaan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan.**

**Bagaimanapun, Pejabat perlu memberi perhatian terhadap penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dan kawalan cek terbatal.**

#### **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Selaras dengan Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri dibenarkan membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Tujuan pinjaman dibuat adalah untuk membiayai projek pembangunan seperti bekalan air dan perumahan awam kos rendah. Selain itu, Kerajaan Negeri juga boleh mengambil pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung pelbagai projek pembangunan dan perbelanjaan masing-masing.

##### **9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1.35 bilion berbanding RM1.22 bilion pada tahun 2002. Peningkatan tersebut disebabkan beberapa tambahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air sejumlah RM137.88 juta yang diterima pada tahun 2003. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan mendapati perkara berikut:

- i)** Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri memperolehi pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM137.88 juta terdiri daripada RM132.21 juta pengeluaran pinjaman bagi 11 projek sedia ada dan RM5.67 juta pinjaman bagi 7 projek baru.
- ii)** Pada tahun 2003, tunggakan ansuran bayaran balik pinjaman dan faedah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan telah meningkat menjadi RM312.29 juta berbanding RM209.96 juta pada tahun 2002. Kerajaan Negeri hanya menjelaskan bayaran balik pinjaman sejumlah RM2.44 juta berbanding RM13.19 juta pada tahun 2002. Bayaran balik yang dibuat hanya sekitar 2% berbanding anuiti tahun semasa sejumlah RM104.77 juta.

- iii) Sebahagian besar tunggakan tersebut adalah bagi pinjaman Projek Perindustrian Gebeng Fasa II melibatkan tunggakan sejumlah RM93.09 juta, pinjaman yang dijadualkan semula bagi Bekalan Air sejumlah RM40 juta dan Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah RM30.54 juta.
- iv) Buku Daftar Pinjaman telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini meliputi perkara seperti kelulusan pinjaman, terimaan dan bayaran balik ansuran pinjaman. Selain itu, pinjaman yang diterima disertakan dengan surat perjanjian dan jadual bayaran balik. Juga Penyata Penyesuaian Baki Pinjaman antara rekod Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ada disediakan.
- v) Walaupun Kerajaan Negeri memperuntukkan RM52.55 juta bagi bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan pada tahun 2003, masalah kekurangan aliran tunai telah menyebabkan bayaran balik kurang dibuat daripada anuiti tahun semasa yang telah ditetapkan.

#### **9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi**

Baki pinjaman Agensi dengan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM247.35 juta berbanding RM223.73 juta pada tahun 2002. Peningkatan sejumlah RM23.62 juta disebabkan beberapa tambahan pinjaman daripada Kerajaan Negeri antaranya sejumlah RM22 juta kepada Amanah Saham Pahang. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada Agensi mendapati perkara berikut:

- i) Tunggakan hutang Agensi dengan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2003 telah meningkat menjadi RM148.54 juta berbanding RM76.72 juta pada tahun 2002. Pada tahun 2003 hanya Yayasan Pahang, Amanah Saham Pahang dan Majlis Perbandaran Temerloh menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM2.20 juta. Bayaran balik yang dibuat hanya sekitar 3% berbanding anuiti tahun semasa yang berjumlah RM74.03 juta.

- ii) Sebahagian besar tunggakan adalah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berjumlah RM95.12 juta dan Amanah Saham Pahang berjumlah RM40.47 juta. Sebahagian besar pinjaman sebenarnya adalah daripada sumber Kerajaan Persekutuan.
- iii) Buku Daftar Pinjaman Kepada Agensi telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini meliputi pengeluaran pinjaman, jadual bayaran balik pinjaman dan terimaan ansuran bayaran balik.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Kerajaan Negeri pada tahun 2003 tidak banyak berubah daripada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama Agensi Kerajaan Negeri masih gagal membayar balik ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri.**

## **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Menurut Seksyen 8(3)(b) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dibenarkan melabur dalam bentuk deposit di bank dan pelaburan saham. Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan diwujudkan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri sejak tahun 2002 dan antara fungsi utamanya adalah mengawal aktiviti pelaburan dan memantau prestasi kewangan syarikat yang dilabur. Pada akhir tahun 2003, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM160.95 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada simpanan tetap bernilai RM56 juta dan pelaburan saham bernilai RM104.95 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati perkara berikut:

### **9.5.1 Simpanan Tetap**

Pada akhir tahun 2003, simpanan tetap telah meningkat daripada sejumlah RM48 juta pada tahun 2002 menjadi RM56 juta. Peningkatan tersebut disebabkan oleh pertambahan hasil pada tahun 2003 sejumlah RM48 juta antaranya termasuk hasil penjualan saham sejumlah RM23.31 juta yang telah dilaburkan sebagai simpanan tetap. Selain itu, sejumlah RM3.07 juta faedah

simpanan tetap telah pun diterima pada tahun 2003. Secara keseluruhannya, daftar dan surat menyurat berhubung simpanan tetap telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Sijil Simpanan Tetap juga disimpan di tempat yang selamat.

#### **9.5.2 Pelaburan Saham**

Baki pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2003 berjumlah RM104.95 juta berbanding RM107.08 juta pada tahun 2002. Kesemua pelaburan saham berkenaan melibatkan 7 syarikat dan 2 unit amanah diuruskan sendiri oleh Pejabat dan tidak ada pelaburan yang telah dibuat melalui pengurus dana. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i)** Penjualan 2.47 juta unit saham Kerajaan Negeri bernilai RM23.31 juta pada akhir tahun 2003 telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri;
- ii)** Semua dividen saham tahun 2003 bagi pelaburan dalam 4 syarikat tersenarai dalam Bursa Malaysia dan satu syarikat tidak tersenarai sejumlah RM3.64 juta telah pun diterima;
- iii)** Pelaburan saham dalam 2 syarikat tidak tersenarai dalam Bursa Malaysia tidak mendatangkan pulangan pelaburan sekurang-kurangnya sejak 3 tahun yang lalu. Ini melibatkan pegangan saham bernilai RM46.10 juta; dan
- iv)** Rekod pelaburan saham telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, Sijil Saham disimpan dengan selamat.

**Pada pandangan Audit, pengurusan pelaburan adalah teratur dan memuaskan dari segi penyelenggaraan rekod dan kelulusan penjualan saham. Namun pencapaian pelaburan dalam syarikat yang kurang memberangsangkan perlu dibuat pemantauan secara berterusan.**

#### **9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH**

Tatacara mengenai penubuhan dan pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah dinyatakan mengikut Seksyen 9 dan 10 Akta Acara

Kewangan 1957. Manakala pembukaan dan pengurusan akaun deposit dinyatakan mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri Pahang dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada akhir tahun 2003, adalah didapati sebanyak 31 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, tiga puluh Kumpulan Wang Amanah Awam dan 94 Akaun Deposit yang dikawal selia oleh 23 Pegawai Pengawal. Pengurusan semua Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan 10 daripada 30 Kumpulan Wang Amanah Awam adalah dikawal secara langsung oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit terhadap pengurusan Akaun Amanah mendapati perkara berikut:

#### **9.6.1 Penyerahan Penyata Akaun Untuk Diaudit**

Arahan Amanah menetapkan penyata akaun hendaklah disediakan pada akhir setiap tahun dan dikemukakan untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Adalah didapati sehingga bulan Mei 2004, hanya 1 daripada 30 Kumpulan Wang Amanah Awam belum ada penyata akaun tahun 2003 untuk diaudit. Pada akhir tahun 2003, akaun tersebut berbaki RM13.56 juta.

#### **9.6.2 Pengesahan Dan Penyesuaian Amanah**

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri ada menyelenggara Daftar Pengesahan dan Penerimaan Penyata Penyesuaian Amanah bagi tujuan kawalan. Semakan Audit mendapati daftar tersebut telah diselenggara dengan kemas kini. Pemeriksaan Audit secara rawak terhadap 37 Pusat Tanggungjawab mendapati 7 daripadanya tidak membuat pengesahan Laporan Amanah bulanan dan tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Amanah sepanjang tahun 2003. Berdasarkan sampel yang diaudit pada bulan Februari 2004, adalah didapati bagi Pusat Tanggungjawab yang mengemukakan Penyata Penyesuaian Amanah kelewatannya adalah antara 2 hingga 6 bulan.

### **9.6.3 Senarai Baki Deposit Individu**

Arahan Perbendaharaan 159 menetapkan Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan dan mengemukakan senarai baki deposit individu pada akhir bulan Disember setiap tahun kepada Akauntan Negeri dan Jabatan Audit Negara. Sehingga bulan Mei 2004, adalah didapati daripada 79 Akaun Deposit hanya 1 pemegang akaun yang tidak menyerahkan senarai baki deposit individu.

### **9.6.4 Penyelenggaraan Rekod Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Semakan Audit terhadap penyelenggaraan dan pengurusan rekod Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pendahuluan diri mendapati perkara berikut:

- i) Semakan secara rambang mendapati daftar dan lejar individu bagi pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pendahuluan diri telah diselenggarakan dengan kemas kini.
- ii) Fail pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan diri adalah diurus dengan teratur dan kemas kini. Butiran bagi permohonan pinjaman, kelulusan dan sebagainya ada disimpan dalam fail berkenaan. Ini termasuk salinan geran yang dicap 'Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan' juga disimpan dalam fail tersebut. Bagaimanapun, salinan polisi insurans tahun kedua dan seterusnya tidak disimpan dalam fail berkenaan.
- iii) Bagi pendahuluan diri melibatkan tuntutan perjalanan semuanya telah dijelaskan sewajarnya. Hanya pendahuluan diri bagi potongan gaji sahaja yang dijelaskan secara ansuran bulanan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah, Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Deposit adalah memuaskan.**



## **10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER KERAJAAN NEGERI**

Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan yang diadakan pada bulan November 1996 telah bersetuju melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS). Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah dan Perlis mula melaksanakan Sistem SPEKS pada bulan Januari 2002 sebagai projek perintis. Manakala Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang mula melaksanakan Sistem SPEKS pada bulan Januari 2003. Kontrak bagi perolehan perkakasan, perisian, penyediaan rangkaian dan pemasangan Sistem SPEKS diberi kepada sebuah syarikat swasta yang diurus terus oleh Ibu Pejabat, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sistem SPEKS dilaksanakan dengan tujuan untuk menyeragamkan sistem perakaunan di semua Negeri di Semenanjung Malaysia. Semakan Audit terhadap pelaksanaan Sistem SPEKS mendapati perkara berikut:

### **10.1 PEMASANGAN SISTEM BERKOMPUTER**

SPEKS telah dipasang oleh pembekal berkenaan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang pada bulan Januari 2003. Sistem ini mengandungi 11 aplikasi iaitu Sistem Kawalan Data, Sistem Sekuriti Aplikasi, Sistem Lejar Am, Sistem Belanjawan, Sistem Buku Vot, Sistem Gaji, Sistem Akaun Kecil, Sistem Pusat Tanggungjawab Kewangan, Sistem Pengurusan Aset, Sistem Pinjaman Dan Pelaburan dan Pengurusan Sistem Informasi.

### **10.2 FASA PELAKSANAAN**

Mengikut perancangan, pelaksanaan Sistem SPEKS peringkat pertama melibatkan semua Jabatan menghantar dokumen kewangan untuk diproses di Perbendaharaan Negeri. Apabila sistem berjalan dengan lancar, peringkat kedua bermula iaitu baucar bayaran diproses secara *online* melalui rangkaian Sistem SPEKS yang telah diwujudkan. Selain itu, Buku

Vot dan Penyata Penyesuaian Vot disediakan secara automatik melalui sistem ini.

### **10.3 PEMBIAYAAN PROJEK**

Semua kos bagi perolehan perkakasan dan perisian, penyediaan rangkaian dan pemasangan aplikasi Sistem SPEKS di tanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Sehingga bulan Februari 2004, sebanyak 260 komputer peribadi telah dihantar terus oleh pembekal berkenaan kepada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan semua Pusat Tanggungjawab terlibat di seluruh Negeri Pahang. Selain itu, kerja penyediaan rangkaian seperti *leased line*, *router*, *switch port*, kabel dan *modem* melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM400,685.

### **10.4 JAWATANKUASA PELAKSANAAN SISTEM**

Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Sistem SPEKS telah diwujudkan bagi memantau pelaksanaan Sistem SPEKS dan mengambil tindakan terhadap sebarang masalah yang berlaku. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Akauntan Negeri. Pihak Audit mendapati Jawatankuasa ini kerap mengadakan perbincangan namun hasil perbincangan tidak diminitkan. Bagaimanapun, daripada perbincangan dengan Akauntan Negeri adalah didapati perkara seperti kursus dan latihan, masalah pelaksanaan, peruntukan bagi pemasangan rangkaian dan pemberian kod ada dibincangkan semasa mesyuarat tersebut. Selain itu pada tahun 2003, empat kursus telah diadakan merangkumi Modul Belanjawan, Sistem Gaji dan Buku Vot kepada kakitangan Pejabat dan Pusat Tanggungjawab terlibat. Selain Jawatankuasa ini, Pejabat juga membuat pemantauan terhadap segala masalah berbangkit mengenai pelaksanaan Sistem SPEKS. Sehingga bulan Februari 2004, sebanyak 12 aduan bertulis telah dibuat oleh Pejabat kepada pembekal melalui borang yang disediakan. Kebanyakan masalah yang dibangkitkan melibatkan Sistem Lejar Am.

## **10.5 PENCAPAIAN SISTEM**

Sehingga bulan Februari 2004, pencapaian Sistem SPEKS adalah seperti berikut:

- i) Daripada 11 aplikasi yang ada dalam Sistem SPEKS, hanya 5 aplikasi sahaja yang sedang digunakan oleh Akauntan Negeri iaitu Sistem Kawalan Data, Sistem Sekuriti Aplikasi, Sistem Lejar Am, Sistem Buku Vot dan Sistem Gaji;
- ii) Pelaksanaan peringkat kedua melibatkan Sistem Buku Vot mula dilaksanakan pada awal bulan Oktober 2003 dan sebagai permulaan 3 Pusat Tanggungjawab telah dipilih iaitu Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Pelaksanaan Modul Buku Vot ini telah diperluaskan pada bulan November 2003 ke Jabatan Kerja Raya, bulan Januari 2004 ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan bulan Februari 2004 ke Jabatan Haiwan, Perhutanan, Pertanian dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Semakan Audit mendapati walaupun Modul Buku Vot telah digunakan sepenuhnya di Pusat Tanggungjawab terpilih berkenaan, Akauntan Negeri masih menghendaki kesemua dokumen kewangan yang telah ditandatangani oleh pegawai Pusat Tanggungjawab dihantar untuk disemak secara manual sehingga ke satu tempoh apabila semua pegawai terlibat telah mahir dengan Sistem SPEKS; dan
- iii) Sehingga tarikh pemeriksaan Audit pada bulan Februari 2004, laporan keseluruhan pelaksanaan Sistem SPEKS ini belum disediakan oleh Perbendaharaan Negeri.

## **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Beberapa langkah proaktif yang diambil oleh Pejabat seperti mewujudkan Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan dan pelaksanaan Sistem Belanjawan Diubahsuai telah meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan. Bagaimanapun, pemantauan berterusan masih diperlukan terhadap beberapa aspek seperti penyediaan Penyata Penyesuaian Bank, kelewatan dalam penyerahan Penyata Pemungut oleh Bank kepada Perbendaharaan Negeri untuk

diproses, penyediaan Penyata Penyesuaian dan kawalan Cek Tidak Laku. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri perlu mencari sumber baru bagi meningkatkan hasil Negeri dan memohon kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi menukar pinjaman tertentu kepada geran untuk mengurangkan jumlah hutang Kerajaan Negeri.

## **PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN**

### **12. LATAR BELAKANG**

Pada tahun 2003 pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan di 3 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Bekalan Air, Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam. Kesemua 3 Jabatan ini telah memungut hasil berjumlah RM88.33 juta dan melakukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM40.76 juta. Manakala baki deposit ketiga Jabatan/Pejabat berjumlah RM39.21 juta.

### **13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini bertujuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat telah mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan berkaitan kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan aset. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2003 antaranya Buku Tunai Hasil dan Deposit, Lejar Deposit, Buku Vot, Penyata Penyesuaian Daftar Harta Modal dan Inventori serta Buku Log. Perbincangan dengan pegawai terlibat juga diadakan bagi mendapat penjelasan dan maklumat berkaitan.

### **14. PENEMUAN AUDIT**

#### **14.1 KAWALAN PENGURUSAN**

**14.1.1** Adalah didapati kesemua Jabatan mempunyai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk dijadikan panduan oleh pegawai dalam melaksanakan tugas mereka sebagaimana kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Bagaimanapun, adalah didapati Fail Meja bagi sebahagian pegawai di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands tidak kemas kini. Sementara itu, dua Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun selaras dengan Surat Pekeliling

Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Bagaimanapun mesyuarat Jawatankuasa tidak mengikut kekerapan setiap 2 bulan sekali. Manakala Jabatan Agama Islam belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

**14.1.2** Kedudukan pemantauan terhadap peraturan berkaitan kawalan pengurusan seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Kedudukan Kawalan Pengurusan**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Kawalan Pengurusan					
		a	b	c	d	e	f
1.	Jabatan Bekalan Air	X	X	X	X	✓	X
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	✓	✓	✓	X	✓	X
3.	Jabatan Agama Islam	✓	✓	✓	✓	X	X

**Nota :** / = Mematuhi      X = Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat.
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini.
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota.
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini.
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan.
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan di Jabatan Bekalan Air tidak memuaskan.**

## **14.2 KAWALAN HASIL**

**14.2.1** Secara umumnya, kawalan hasil di Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah memuaskan meliputi perkara seperti berikut:

- i) Resit telah ditulis dan ditandatangani oleh 2 pegawai yang berasingan;
- ii) Pegawai Penyelia ada menyemak Buku Tunai dan resit pada setiap hari;

- iii) Ketua Jabatan/Pejabat telah mengeluarkan kebenaran mengutip wang kepada pegawai yang berkenaan secara bertulis;
- iv) Notis mengenai keperluan meminta resit telah dipamerkan untuk pengetahuan awam; dan
- v) Wang kutipan dimasukkan ke bank dengan segera.

Bagaimanapun, ada juga peraturan yang tidak dipatuhi seperti pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dilakukan di semua Jabatan/Pejabat. Manakala Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan dengan betul dan kemas kini di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam. Selain itu, di Jabatan Bekalan Air ada kes Cek Tidak Laku yang belum digantikan.

**14.2.2** Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan hasil seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
		a	b	c	d	e	f	g	h
1.	Jabatan Bekalan Air	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	TB
3.	Jabatan Agama Islam	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	TB

**Nota:** / = Mematuhi      X = Tidak Mematuhi      TB = Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan.
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit.
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang.
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam.
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera.
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga.
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini.
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri aktiviti pungutan hasil.

**Pada pandangan Audit, kesemua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah menguruskan hasil dengan memuaskan kecuali aspek pemeriksaan mengejut dan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil.**

### **14.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus bagi 3 Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah berjumlah RM40.76 juta meliputi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands sejumlah RM1.23 juta, Jabatan Agama Islam sejumlah RM8.54 juta dan Jabatan Bekalan Air sejumlah RM30.99 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan bagi 2 Jabatan adalah berjumlah RM252.48 juta meliputi Jabatan Agama Islam sejumlah RM10.56 juta dan Jabatan Bekalan Air sejumlah RM221.49 juta. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands tidak menerima peruntukan pembangunan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **14.3.1 Buku Vot**

Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 menyatakan peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengawal menyelenggara Buku Vot. Antara tanggungjawabnya termasuk merekod peruntukan yang diterima, tanggungan, perbelanjaan dan baki masih ada. Semakan Audit mendapati Buku Vot telah diselenggara dengan baik dan juga telah disemak oleh Pegawai Penyelia bagi 3 Jabatan/Pejabat tersebut. Bagaimanapun bagi Jabatan Agama Islam, tanggungan perbelanjaan melalui Pesanan Kerajaan dan Waran Perjalanan Udara tidak dicatatkan.

#### **14.3.2 Penyata Penyesuaian Perbelanjaan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), Pegawai Pengawal hendaklah mengesahkan baki perbelanjaan bulanan mengikut rekod Jabatan dengan Laporan Perbelanjaan bulanan Perbendaharaan Negeri. Adalah didapati Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bagi 2 Jabatan/Pejabat telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi Jabatan Bekalan Air, dua daripada 6



Pejabat yang dilawati tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan sepanjang tahun 2003.

#### **14.3.3 Pesanan Kerajaan**

Surat kuasa menandatangani Pesanan Kerajaan telah diberi kepada pegawai yang terlibat bagi 3 Jabatan/Pejabat berkenaan. Bagaimanapun, maklumat salinan ketiga dan keempat Pesanan Kerajaan tidak dilengkapkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam dengan catatan tarikh pesanan, tarikh dan tandatangan pemeriksa, tarikh perkhidmatan perlu dibekalkan dan nombor baucar bayaran.

#### **14.3.4 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(b) menetapkan Ketua Jabatan hendaklah menyelenggara suatu Daftar Bil. Semakan Audit mendapati Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap bagi 2 Jabatan/Pejabat yang diaudit iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam. Adalah didapati sebanyak 16 bil bernilai RM20,507 yang diterima oleh Jabatan Agama Islam pada bulan Mei 2003 tidak direkodkan dalam Daftar Bil. Selain itu, catatan dalam Daftar Bil tidak mengikut tarikh bil diterima sebaliknya berdasarkan nombor siri Pesanan Kerajaan dikeluarkan.

Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1995, Ketua Jabatan perlu memeriksa dan menandatangani Daftar Bil sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Adalah didapati pemeriksaan terhadap Daftar Bil tidak dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi 3 Jabatan/Pejabat berkenaan.

Pada keseluruhannya, kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Kawalan Perbelanjaan**

Bil.	Jabatan / Pejabat	Peraturan Perbelanjaan						
		a	b	c	d	e	f	g
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	✓	✓	✓	X	✓	X	X
2.	Jabatan Agama Islam	✓	✓	✓	X	✓	X	X
3.	Jabatan Bekalan Air	✓	✓	X	✓	✓	✓	X

**Nota :** / = Mematuhi      X = Tidak Mematuhi

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.
- b. Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia.
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap.
- e. Surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan.
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan bagi ketiga Jabatan/Pejabat berkenaan adalah kurang memuaskan kerana ada peraturan yang tidak dipatuhi.**

#### **14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands menyelenggara 2 Akaun Amanah dan 4 Akaun Deposit, Jabatan Agama Islam menyelenggara 2 Akaun Amanah dan 3 Akaun Deposit dan Jabatan Bekalan Air pula mempunyai 3 Akaun Deposit. Empat Akaun Amanah berkenaan adalah Akaun Amanah Pelancongan Cameron Highlands, Tabung Bantuan Dan Pinjaman Penjaja Dan Peniaga Kecil, Akaun Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran Dan Fardu 'Ain (KAFA) dan Akaun Amanah Program Perintis Pusat Pembangunan Keluarga Islam Dan Pembangunan Sosial. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **14.4.1 Lejar Kawalan Amanah/Deposit**

Pengendalian Akaun Amanah dinyatakan mengikut Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957, manakala penyelenggaraan Akaun Deposit dinyatakan mengikut Arahan Perbendaharaan 156. Semakan Audit mendapati Lejar Kawalan bagi 4 Akaun Deposit Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands hanya dikemas kini setakat bulan Disember 2001 manakala 1 Akaun Deposit Jabatan Bekalan Air dikemas kini sehingga bulan Disember 2002. Manakala Lejar Kawalan bagi 4 Akaun Deposit Jabatan Agama Islam dan 2 Akaun Deposit Jabatan Bekalan Air telah diselenggara dengan kemas kini. Lejar Kawalan bagi 4 Akaun Amanah di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam juga telah diselenggara dengan baik.

#### **14.4.2 Penyata Penyesuaian Amanah**

Adalah didapati Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands hanya menyediakan Penyata Penyesuaian Amanah bagi 1 daripada 2 Akaun Amanah yang diselenggarakannya. Keadaan yang serupa berlaku bagi Jabatan Agama Islam yang menyelenggara 2 Akaun Amanah. Setakat bulan Mei 2003, Penyata Penyesuaian Akaun Amanah KAFA Jabatan Agama Islam untuk tempoh bulan Januari hingga April 2003 belum disediakan. Bagi Akaun Deposit pula, kedua Jabatan tersebut tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Deposit bagi 7 Akaun Deposit mereka. Manakala Jabatan Bekalan Air telah menyediakan Penyata Penyesuaian bagi 3 Akaun Depositnya dengan kemas kini.

#### **14.4.3 Pewartaan Deposit**

Arahan Perbendaharaan 162 menghendaki deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan hendaklah diwartakan. Adalah didapati deposit bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dari tahun 1979 hingga 2000 berjumlah RM674,805 belum diwartakan. Ini disebabkan Pejabat belum membuat

semakan terperinci untuk menentukan deposit yang tidak diperlukan lagi supaya dapat diwartakan.

#### **14.4.4 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993 menerangkan tentang keperluan penyelenggaraan Daftar Pembelian Komputer dan Daftar Pinjaman Kenderaan. Adalah didapati 2 Daftar tersebut tidak diselenggara bagi Jabatan Agama Islam dan Jabatan Bekalan Air. Mengikut Perenggan 12.5 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, peminjam hendaklah mengemukakan salinan Sijil Insurans kenderaan setiap tahun kepada Ketua Jabatan. Semakan Audit mendapati salinan Sijil Insurans kenderaan untuk tahun ke 2 dan seterusnya serta salinan geran yang telah dicap dengan 'Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan' juga tidak disimpan di dalam fail individu.

**Pada pendapat Audit, Pengurusan Akaun Amanah/Deposit di ketiga Jabatan/Pejabat berkenaan adalah kurang memuaskan.**

### **14.5 PENGURUSAN ASET**

Pada tahun 2003, Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands telah memperolehi harta modal bernilai RM20,949, Jabatan Agama Islam RM690,530 dan Jabatan Bekalan Air RM118,000. Jabatan Bekalan Air memiliki 166 buah kenderaan, Jabatan Agama Islam 10 buah dan Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands memiliki 9 buah kenderaan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset adalah seperti berikut:

#### **14.5.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, setiap perolehan harta modal hendaklah direkodkan dalam Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori. Adalah didapati Daftar tersebut tidak diselenggara dengan kemas kini bagi 3 Jabatan/Pejabat. Ruangan seperti tarikh perolehan, nombor Pesanan Kerajaan, rujukan fail,

nombor siri pendaftaran, pemeriksaan dan kos penyelenggaraan tidak dicatatkan.

#### **14.5.2 Pemeriksaan Fizikal**

Ketua Jabatan hendaklah mengatur pemeriksaan ke atas harta modal sebagaimana dikehendaki mengikut Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 238, 239 dan 240. Pemeriksaan tersebut hendaklah dibuat sekali dalam masa 2 tahun. Adalah didapati pemeriksaan terhadap harta modal dan inventori tidak dibuat bagi 3 Jabatan/Pejabat yang diaudit.

#### **14.5.3 Tanda Pengenalan**

Adalah didapati tidak ada tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan' dicatat pada harta modal bagi semua Jabatan/Pejabat berkenaan. Ini melibatkan hampir keseluruhan harta modal dan inventori tersebut.

#### **14.5.4 Verifikasi Stok**

Menurut Perenggan 187 Tatacara Pengurusan Stor, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa rancangan verifikasi stok adalah mencukupi. Sementara itu, pegawai yang sesuai dan tidak terlibat dalam organisasi stor hendaklah dipilih untuk memeriksa stok. Semakan Audit mendapati verifikasi stok hanya dijalankan bagi Jabatan Bekalan Air sementara verifikasi stok tidak dibuat bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam.

#### **14.5.5 Pegawai Pengangkutan**

Menurut Perenggan 7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai untuk menjaga pengangkutan. Adalah didapati Pegawai Pengangkutan ada dilantik secara rasmi untuk mengendalikan urusan kenderaan Jabatan bagi 3 Jabatan/Pejabat yang diaudit.

#### **14.5.6 Penyelenggaraan Buku Log**

Perenggan 7.3.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki Pegawai Pengangkutan memastikan Buku Log disediakan bagi semua kenderaan dan diselenggara dengan betul dan dicatatkan setiap hari. Adalah didapati Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi 3 Jabatan/Pejabat yang diaudit. Ruangan seperti jumlah perjalanan, jumlah minyak yang dibekalkan dan pengesahan pegawai yang bertanggungjawab tidak dicatat.

#### **14.5.7 Pelupusan Aset**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997 memberikan panduan mengenai pelupusan aset dan barang Kerajaan. Semakan Audit mendapati tindakan untuk melupus aset usang tidak dibuat bagi Jabatan Agama Islam dan Jabatan Bekalan Air. Antaranya termasuk 480 barangan dan peralatan paip Jabatan Bekalan Air yang harga asal pembeliannya berjumlah RM822,220. Pemeriksaan oleh Lembaga Pemeriksa telah dibuat pada bulan Oktober 2002 dan sehingga tarikh semakan Audit pada bulan Ogos 2003, kelulusan pelupusan masih belum diperolehi. Jabatan Agama Islam sedang menyediakan senarai aset rosak untuk dilupuskan.

Pada keseluruhannya, kedudukan pematuhan terhadap peraturan pengurusan aset bagi ketiga Jabatan/Pejabat berkenaan adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Pengurusan Aset**

Bil.	Jabatan	Peraturan Pengurusan Aset								
		a	b	c	d	e	f	g	h	i
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	X	X	X	X	✓	✓	X	TB	TB
2.	Jabatan Agama Islam	X	X	X	X	✓	✓	X	X	X
3.	Jabatan Bekalan Air	X	X	X	✓	✓	X	X	✓	X

**Nota :** / = Mematuhi X = Tidak Mematuhi TB = Tidak Berkenaan

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori.
- c. Aset mempunyai tanda pengenal 'Hak Milik Kerajaan'.
- d. Verifikasi stok dijalankan.
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis.
- f. Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan.
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan.
- i. Pelupusan aset disegerakan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset bagi ketiga Jabatan/Pejabat tersebut kurang memuaskan kerana beberapa peraturan kawalan aset tidak dipatuhi.**

## 15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset bagi Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah kurang memuaskan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan pegawai mereka mematuhi peraturan kewangan.

## **PROGRAM AUDIT PRESENCE**

### **16. PENDAHULUAN**

Pada setiap tahun, Jabatan tertentu telah dipilih bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan dan hasil pengauditan ini dilaporkan dalam Laporan Audit Negeri. Ini bermakna pemilihan Jabatan dibuat secara pusingan iaitu satu kali tiap 3 tahun kecuali Perbendaharaan Negeri yang diaudit tiap tahun. Kesan daripada pendekatan ini, menyebabkan sesetengah Pejabat terutamanya pejabat cawangan di peringkat daerah tidak merasai kehadiran Audit.

### **17. OBJEKTIF PROGRAM**

Tujuan *Audit Presence* ini secara umumnya adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan. Selain itu, ia juga bagi mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Audit terhadap pentingnya mengurus kewangan dan aset secara cermat dan teratur. Dengan pelaksanaan *Audit Presence* ini, adalah diharapkan Jabatan Audit Negara dapat membantu Jabatan/Pejabat mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan meningkatkan akauntabiliti kewangan.

### **18. PELAKSANAAN**

#### **18.1 KAEDAH PEMILIHAN PEJABAT**

Pada tahun 2003, sebanyak 19 Pejabat telah dipilih bagi tujuan *Audit Presence*. Program ini sepatutnya melibatkan semua Jabatan/Pejabat yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan bagi sesuatu tahun. Bagaimanapun disebabkan kekangan masa, sumber kewangan dan tenaga yang terhad, maka pemilihan Jabatan/Pejabat dibuat mengikut keutamaan seperti berikut:

- i) Pejabat yang belum pernah diaudit/dilawati terutamanya yang terletak di daerah.



- ii) Pejabat yang sudah lama tidak diaudit terutamanya yang melebihi 3 tahun.
- iii) Pejabat yang aktiviti utamanya mengutip hasil seperti Pejabat Daerah Dan Tanah.
- iv) Pemilihan juga dibuat berdasarkan maklumat dan isu semasa yang diperolehi daripada media, aduan orang awam dan sebagainya.

## 18.2 TATACARA PELAKSANAAN

Kaedah pelaksanaan *Audit Presence* dibuat dengan memeriksa atau menyemak secara pilihan aspek pengurusan kewangan seperti kawalan hasil, kawalan perbelanjaan atau pengurusan aset. Pilihan terhadap 1 atau kombinasi 2 atau lebih boleh dibuat mengikut kesesuaian. Pemilihan aspek pengauditan bergantung kepada persekitaran atau *core business* sesebuah Jabatan. Fokus pengauditan dibuat mengikut tahun semasa dan perbincangan dengan pihak Auditi juga dibuat untuk mengenal pasti kelemahan dan masalah.

## 19. PENEMUAN AUDIT

Bagi tujuan *Audit Presence* tahun 2003 sebanyak 19 pejabat telah dilawati. Pemeriksaan Audit hanya menumpukan kepada 2 aspek sahaja iaitu kawalan hasil dan kawalan perbelanjaan. Adalah didapati kawalan hasil bagi semua pejabat yang dilawati telah mengikut peraturan yang ditetapkan dan penyelenggaraan rekod hasil adalah memuaskan. Bagaimanapun, kawalan perbelanjaan bagi 7 pejabat adalah tidak memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi kawalan hasil dan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Pejabat Dilawati	Kawalan Hasil		Kawalan Perbelanjaan	
			M	TM	M	TM
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	3	TB	TB	3	0
2.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	2	2	0	1	1
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	2	0	0	2
4.	Jabatan Kerja Raya	1	TB	TB	0	1
5.	Jabatan Pertanian	4	4	0	2	2
6.	Jabatan Perhutanan	2	TB	TB	2	0
7.	Jabatan Bekalan Air	1	1	0	1	0
8.	Pejabat Mufti Negeri	1	TB	TB	0	1
9.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	1	TB	TB	1	0
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	1	1	0	1	0
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong	1	1	0	1	0
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>11</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>7</b>

**M = Memuaskan**

**TM = Tidak Memuaskan**

**TB = Tidak Berkenaan (Semakan Tidak Dibuat)**

Antara kelemahan utama kawalan perbelanjaan yang dikenal pasti ialah Buku Vot tidak disemak dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab atau pegawai yang memperakui baucar bayaran. Ruangan tertentu dalam Daftar Bil tidak dicatat dengan kemas kini dan semakan tidak dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, maklumat seperti tarikh pesanan, tarikh dan tandatangan penerima, tarikh dan tandatangan pemeriksa serta butiran penyediaan baucar bayaran tidak dilengkapkan dalam borang Pesanan Kerajaan.

## **20. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Walaupun pejabat kecil di daerah tidak diperuntukkan dengan jumlah perbelanjaan yang besar, namun setiap perbelanjaan perlulah dikawal dengan sewajarnya. Rekod kewangan hendaklah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini mengikut peraturan yang ditetapkan. Pada pendapat Audit, pihak Ibu Pejabat perlulah sentiasa memantau dan mengadakan lawatan ke pejabat mereka

di peringkat daerah bagi memastikan rekod kewangan diselenggara dengan kemas kini.

## **PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **21. PENDAHULUAN**

Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk membantu Jabatan/Agensi memantapkan pengurusan kewangannya. Program Anak Angkat diperkenalkan selaras dengan Arahan Ketua Audit Negara Bil. 5 Tahun 2002.

### **22. OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif Program Anak Angkat ini secara umumnya adalah untuk mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Melalui program ini tumpuan diberi untuk memperbaiki kelemahan dalam penyelenggaraan rekod perakaunan Jabatan/Agensi.

### **23. PELAKSANAAN PROGRAM**

#### **23.1 PEMILIHAN ANAK ANGKAT**

Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memilih Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh, Jabatan Agama Islam Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Majlis Daerah Rompin untuk dijadikan 'Anak Angkat'. Pemilihan ini dibuat supaya Jabatan Audit Negara dapat memberi tumpuan sepenuhnya untuk memantapkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi terlibat.

#### **23.2 TATACARA PELAKSANAAN**

Ketua Jabatan/Agensi yang dipilih akan diberitahu secara bertulis mengenai pelantikan sebagai 'Anak Angkat' dan seorang *Liason Officer* dilantik bagi setiap Jabatan/Agensi yang dipilih untuk memudahkan perhubungan.

Jabatan Audit Negara menyediakan rangka kerja untuk persetujuan bersama supaya program ini dapat dilaksanakan secara sistematik. Rangka kerja ini meliputi sesi pengenalan (*entrance conference*), mengenal pasti masalah/kelemahan, pelaksanaan dan pemantauan sehingga Program ditamatkan iaitu setelah masalah/kelemahan telah diatasi.

## **24. PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN KHUSUS**

Antara perkara yang diberi perhatian khusus bagi setiap Jabatan/Agensi yang dipilih sebagai 'Anak Angkat' Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut:

### **24.1 PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH**

Dua aspek utama yang diberi perhatian iaitu pengurusan akaun deposit dan pengurusan aset.

**24.1.1** Lejar individu deposit tidak kemas kini menyebabkan perbezaan antara rekod pejabat dengan Perbendaharaan Negeri.

**24.1.2** Kelemahan dalam pengurusan aset meliputi proses perolehan, penyelenggaraan Daftar Harta Modal dan pelupusan aset.

### **24.2 JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG**

Perkara utama yang diberi perhatian ialah mengenai pengurusan aset dan kawalan perbelanjaan di peringkat Pejabat Agama Islam Daerah dan Sekolah Menengah Agama Negeri. Adalah didapati Daftar Harta Modal tidak diselenggara dengan kemas kini dan peralatan pejabat, perabot serta mesin yang lama dan telah rosak masih belum dilupuskan.

### **24.3 PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG**

Bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang tumpuan adalah diberikan terhadap kelemahan penyelenggaraan rekod perakaunan yang menyebabkan kelewatan penyediaan penyata kewangan tahunan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah penyediaan Buku Tunai tidak

sempurna. Penyata Penyesuaian Bank tidak disedia mengikut format sepatutnya memandangkan tiada baki Buku Tunai serta Buku Vot tidak diselenggara dengan sempurna. Manakala Buku Tunai Deposit dan Lejar Individu pendeposit serta Buku Panjar Wang Runcit tidak disediakan. Selain itu, Daftar Harta Modal tidak kemas kini.

#### **24.4 MAJLIS DAERAH ROMPIN**

Bagi Majlis Daerah Rompin, perkara yang memerlukan perhatian khusus adalah juga mengenai kelemahan penyelenggaraan rekod perakaunan yang menyebabkan kelewatan penyediaan penyata kewangan tahunan untuk diaudit. Pegawai Majlis kurang mahir di dalam bidang perakaunan menyebabkan rekod yang disediakan tidak kemas kini.

#### **25. TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN**

Dalam usaha mengatasi masalah yang telah dikenal pasti, Jabatan Audit Negara bersama pihak Jabatan/Agensi telah mengadakan taklimat dan beberapa siri perbincangan penyelesaian masalah. Beberapa tindakan lanjut telah dipersetujui diambil oleh pihak Jabatan/Agensi.

#### **26. PENCAPAIAN**

Walaupun Program Anak Angkat ini baru setahun dilaksanakan namun program ini telah mendapat sambutan yang baik daripada Jabatan/Agensi. Dengan sokongan dan kerjasama daripada Jabatan/Agensi yang dipilih, program ini telah menampakkan kejayaannya. Sebahagian besar masalah telah dapat diatasi. Beberapa Jabatan/Agensi lagi telah dikenal pasti untuk dipilih bagi meneruskan program ini dan seterusnya meningkatkan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi.

## **27. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Program Anak Angkat adalah merupakan sumbangan Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Berdasarkan sokongan dan kerjasama daripada Jabatan/Agensi terhadap program ini menunjukkan bahawa ia perlu diteruskan. Melalui program ini, banyak masalah berkaitan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan.

## **BAHAGIAN III**

### **AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **28. PENDAHULUAN**

Selain daripada mengesahkan akaun dan menjalankan pengauditan pematuhan, Akta Audit 1957 juga menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pemeriksaan terhadap program dan aktiviti Jabatan. Ia bertujuan bagi menilai sejauh mana keberkesanan sesuatu program atau aktiviti itu dilaksanakan. Pada tahun 2003, kajian telah dijalankan terhadap Pengurusan Dan Kawalan Pembalakan, Skim Pinjaman Ternakan dan Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara. Hasil kajian tersebut seperti yang dilaporkan ini telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan berkenaan.

### **JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG**

#### **PENGURUSAN DAN KAWALAN PEMBALAKAN**

#### **29. LATAR BELAKANG**

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (Jabatan) telah ditubuhkan pada awal tahun 1900 untuk mengurus dan mentadbir khazanah hutan di Negeri Pahang. Jabatan bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengawalan pengusahaan hutan, kutipan hasil hutan dan pembangunan sumber hutan Negeri.

Negeri Pahang mempunyai keluasan tanah seluas 3.60 juta hektar. Daripada keluasan tersebut, kawasan berhutan adalah 2.03 juta hektar iaitu 56% daripada keseluruhan keluasan Negeri Pahang. Kedudukan ini menjadikan Negeri Pahang mempunyai kawasan hutan paling luas di Semenanjung Malaysia. Pada akhir tahun 2002, hasil yang telah dikutip daripada aktiviti perhutanan adalah berjumlah RM72.28 juta sementara pengeluaran kayu balak mencecah 1.63 juta

meter padu. Kutipan ses pada tahun 2002 berjumlah RM17.20 juta dan pada tahun 2003, sejumlah RM16.12 juta telah dikutip.

Dasar Perhutanan Negara telah diterima oleh Majlis Perhutanan Negara yang bersidang pada bulan Ogos 1977. Dasar ini telah dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara yang telah meluluskannya pada bulan April 1978 dan diterima pakai oleh Negeri Pahang pada tahun yang sama. Dasar Perhutanan Negara menekankan pengurusan dan amalan perhutanan secara teratur sejajar dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*). Bagi melaksanakan tanggungjawab menguruskan hutan, Jabatan juga mengguna pakai Enakmen Perhutanan Negeri Pahang 1985 (Pindaan 1994) dan Kaedah Hutan 1987 serta prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan yang telah digubal oleh *International Tropical Timber Organization*. Sumber hutan Negeri telah diuruskan mengikut Kriteria Petunjuk Malaysia (*Malaysian Criteria And Indicators*) yang dikeluarkan oleh Majlis Pensijilan Kayu Kayan Malaysia. Pelaksanaan prosedur ini dapat menjamin keberkekalan sumber hutan Negeri.

Jabatan telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9002 bagi proses utamanya iaitu Pengurusan Pengeluaran Kayu Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal pada 18 Disember 2002 manakala Sijil Pengurusan Hutan oleh Majlis Pensijilan Kayu Kayan Malaysia diperolehi pada tahun 2001 untuk tempoh 14 Disember 2001 hingga 13 Disember 2004.

### **30. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan dan kawalan terhadap aktiviti pembalakan telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan.

### **31. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Kajian ini memberi tumpuan terhadap aktiviti pembalakan yang meliputi kawasan Hutan Simpan Kekal, pemberian kawasan, pengeluaran lesen membalak, kutipan premium dan ses serta penguatkuasaan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Kajian ini tidak meliputi program pembangunan hutan dan hutan lipur.



Semakan dibuat terhadap dokumen dan rekod yang diselenggara oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang serta 5 Pejabat Hutan Daerah iaitu Kuantan/Pekan/Maran, Temerloh/Bera, Jerantut, Lipis dan Raub/Cameron Highlands. Semakan terhadap fail pelesen, laporan dan rekod yang berkaitan serta temu bual dengan pegawai dibuat untuk mendapat maklumat yang lebih jelas. Tumpuan diberi terhadap pengeluaran lesen membalak pada tahun 2001 hingga 2003. Lawatan juga telah dibuat di 9 Balai Pemeriksaan Hutan dan 8 kawasan pelesen pembalakan di Hutan Simpan Kekal Daerah Lipis, Jerantut dan Pekan.

## **32. PENEMUAN AUDIT**

### **32.1 PERANCANGAN**

Pengurusan hutan memerlukan perancangan yang rapi dan teratur. Hutan Simpan Kekal akan diurus berdasarkan prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk memaksimumkan faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Hutan Simpan Kekal hendaklah diusahakan hasil berdasarkan kepada keupayaan semula jadi hutan, penggunaannya yang optimum dan kegunaan tanah hutan yang komprehensif. Semakan Audit terhadap perancangan Jabatan mendapati perkara berikut:

#### **32.1.1 Dasar Dan Undang-undang**

##### **i) Dasar Perhutanan Negara**

Dasar Perhutanan Negara menggariskan keutamaan terhadap pengurusan dan amalan perhutanan secara lebih teratur sejajar dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Dasar ini telah dikaji semula dan dipinda pada tahun 1992 bagi mengambil kira perkembangan semasa sektor perhutanan melibatkan penjenisan Hutan Simpan Kekal kepada hutan perlindungan, hutan berhasil, hutan lipur dan hutan pendidikan dan penyelidikan serta 8 provisa baru termasuk perundangan hutan, perladangan hutan, pemeliharaan kepelbagaian hayat dan perhutanan masyarakat. Dasar tersebut juga menjadi asas kepada Jabatan menggubal strategi bagi pengurusan sumber hutan dan juga panduan membuat keputusan mengenai

pengagihan sumber kewangan dan tenaga manusia dengan lebih berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **ii) Undang-undang Hutan**

Pengurusan hutan di semua negeri termasuk Pahang adalah diasaskan kepada Dasar Perhutanan Negara. Sementara itu, Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) digubal bagi memperkukuh serta melicinkan objektif yang digariskan dalam Dasar ini dan telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Pahang. Berasaskan Akta tersebut, Enakmen Perhutanan Negeri Pahang 1985 (Pindaan 1994) dan Kaedah Hutan 1987 diwujudkan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan mempunyai satu dasar perhutanan yang jelas berkaitan dengan pengurusan hutan, pengusahasilan hutan, penubuhan Hutan Simpan Kekal serta pemeliharaan khazanah hutan secara teratur dan berkesan. Begitu juga undang-undang dan peraturan yang digubal bagi mentadbir dan mengurus sumber hutan di Negeri Pahang adalah mencukupi.**

### **32.1.2 Objektif Jabatan**

Jabatan mempunyai objektif yang jelas serta menepati Dasar Perhutanan Negara dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Jabatan menggariskan 8 objektif utama dan sejajar dengan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Antara objektif tersebut adalah seperti berikut:

- i)** Untuk menguruskan sumber hutan negeri secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan, hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum, bersesuaian dengan keperluan memelihara alam sekitar;
- ii)** Untuk meningkatkan bekalan hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti perhutanan berkenaan yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan;

- iii) Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemuliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan; dan
- iv) Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air dan tanah serta penggunaannya secara berkekalan.

**Pada pendapat Audit, objektif Jabatan yang digariskan adalah jelas dan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara.**

### **32.1.3 Matlamat Dan Strategi**

Bagi mencapai objektif Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Jabatan telah mengatur beberapa strategi utama seperti berikut:

- i) Bertindak mewartakan semua kawasan cadangan hutan simpan sebagai Hutan Simpan Kekal;
- ii) Mengamalkan Catuan Tebangan Tahunan berdasarkan kepada pengeluaran isi padu hutan; dan
- iii) Mengamalkan dasar pengurusan hutan mengikut Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System – SMS*).

Strategi ini adalah selaras dengan objektif *International Tropical Timber Organization* Tahun 2000 dan mengambil kira 7 kriteria penting yang ditetapkan *International Tropical Timber Organization* dan *Malaysian Criteria And Indicators*. Antara kriteria tersebut adalah wujudnya keadaan yang membolehkan terlaksananya Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, keselamatan sumber hutan, pengekalan aliran keluaran hutan, kepelbagaian biologi dan terpeliharanya nilai ekonomi, sosial dan kebudayaan.

### **32.1.4 Rancangan Pengurusan Hutan Dan Kawasan Pembalakan**

Jabatan telah menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan jangka panjang yang komprehensif bagi menguruskan kawasan dan sumber hutan bagi menjamin bekalan kayu yang berterusan dan perkhidmatan hutan yang bermutu sejajar dengan kehendak

Pengurusan Hutan Secara Berkekalan masa kini. Tiga rancangan utama disediakan bagi maksud itu adalah:

**i) Rancangan Pengurusan Hutan (1996 – 2005)**

Rancangan Pengurusan Hutan disediakan sejajar dengan Seksyen 4(b), Akta Perhutanan Negara 1984. Perkara penting yang disentuh dalam rancangan tersebut ialah mengenai Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*), langkah untuk mengurangkan kesan negatif alam sekitar, penyelidikan dan pembangunan serta pemuliharaan hutan dan perhutanan masyarakat.

**ii) Rancangan Tahunan Hutan**

Rancangan Tahunan Hutan perlu disediakan oleh semua Pejabat berasaskan Rancangan Pengurusan Hutan jangka panjang yang telah dirangka. Perancangan ini lebih merupakan satu kaedah meliputi strategi pelaksanaan, bajet, penilaian kemajuan tahunan dan pengurusan hutan serta pengusahasilan hutan tahun semasa.

**iii) Rancangan Mengusaha Hasil Hutan**

Selaras dengan kehendak Seksyen 20(b) Akta Perhutanan Negara 1984, setiap pelesen juga dikehendaki menyediakan Rancangan Mengusaha Hasil Hutan untuk kelulusan Jabatan. Rancangan ini meliputi perkara seperti maklumat pelesen dan kawasan pembalakan, sistem mengusaha hasil meliputi had batas terbang dan peralatan, aktiviti mengusaha hasil mengikut blok serta penyediaan infrastruktur seperti jalan dan matau (tempat pengumpulan balak).

**32.1.5 Struktur Pengurusan Dan Sumber Tenaga**

Struktur Pengurusan Jabatan di peringkat Ibu Pejabat dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangunan. Bahagian Operasi merangkumi pelesenan pengusahasilan hutan, pengeluaran permit dan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan yang berkaitan dengan bidang

perhutanan. Bahagian Pembangunan meliputi pengurusan dan pembangunan sumber hutan termasuk penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Kerja serta Rancangan Operasi Silvikultur Tahunan. Sementara pentadbiran 7 Pejabat Hutan Daerah pula bertanggungjawab memastikan kerja aktiviti kawasan hutan yang dilesenkan berjalan dengan teratur dan mengikut jadual. Ini melibatkan kawalan pengusahasilan dan penguatkuasaan undang-undang selain melaksanakan projek pembangunan hutan. Kakitangan Jabatan pada tahun 2003 seramai 1,605 orang terdiri daripada 27 pegawai Kumpulan Profesional dan 1,578 pegawai Kumpulan Sokongan.

#### **32.1.6 Kaedah Pemberian Lesen Kawasan Pembalakan**

Menurut Seksyen 16 Akta Perhutanan Negara 1984, suatu kebenaran untuk mengambil hasil hutan dari Hutan Simpan Kekal, tanah kerajaan atau tanah milik boleh diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pengeluaran lesen secara sistem tender, kawasan perjanjian dan pemberian. Sementara Seksyen 40, Akta Perhutanan Negara 1984 memperuntukkan lesen pemindah adalah dikehendaki untuk mengeluarkan hasil hutan daripada tanah milik, tanah di bawah Lesen Pendudukan Sementara, tanah lombong dan tanah rizab. Sesuatu lesen pembalakan akan dikeluarkan apabila kawasan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan had pengeluaran serta isi padu balak telah ditetapkan oleh Jabatan. Bagaimanapun mengikut pihak Jabatan, norma yang diguna pakai bagi pengeluaran lesen adalah antara 8 hingga 12 bulan.

#### **32.1.7 Sasaran Pengeluaran**

Jabatan telah menetapkan pengeluaran hasil hutan bagi Hutan Simpan Kekal adalah dihadkan kepada kawasan Hutan Pengeluaran berasaskan kepada Catuan Tebangan Tahunan yang diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara. Semasa RMK8, Jabatan menganggarkan pengeluaran kayu balak dari Hutan Simpan Kekal seluas 10,700 hektar setahun berdasarkan Catuan

Tebangan Tahunan, hutan tanah kerajaan biasa 12,000 hektar setahun, hutan tanah kerajaan (kompleks perkayuan) seluas 5,000 hektar setahun dan tanah milik seluas 5,000 hektar setahun. Ini menjadikan Jabatan menjangka pengeluaran tahunan mencapai 32,700 hektar setahun dengan pengeluaran 1.90 juta meter padu. Manakala bagi kutipan hasil hutan, Jabatan mengunjurkan anggaran hasil berjumlah RM624.50 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyediakan satu perancangan yang komprehensif meliputi objektif Jabatan, dasar dan undang-undang, strategi, kawalan, struktur pengurusan, kaedah pemberian lesen dan sasaran pengeluaran. Rancangan Pengurusan Hutan yang disediakan telah menggariskan strategi dan pelan tindakan Jabatan bagi mengurus sumber hutan secara terancang untuk memastikan bekalan sumber hutan yang berterusan.**

## **32.2 PELAKSANAAN**

Menurut maklumat Jabatan, keluasan Hutan Simpan Kekal yang dibalak pada tahun 2001 dan 2002 adalah 8,860 hektar dan 7,491 hektar manakala tanah kerajaan dan tanah milik seluas 19,704 hektar dan 16,881 hektar masing-masing. Keluaran kayu balak pada tahun 2001 dan 2002 adalah sejumlah 1.46 juta meter padu dan 1.63 juta meter padu iaitu di bawah had yang disasarkan 1.90 juta meter padu. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan dan kawalan pembalakan di Negeri Pahang sepanjang tempoh RMK7 dan 3 tahun pertama RMK8 iaitu dari tahun 2001 hingga bulan Ogos 2003 mendapati perkara berikut:

### **32.2.1 Penubuhan Hutan Simpanan Kekal**

#### **i) Hutan Simpanan Kekal Yang Telah Diwartakan**

Mengikut Inventori Hutan Nasional Ketiga (1991-1992), keluasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Pahang pada masa itu adalah 1.28 juta hektar dan tanah kerajaan berhutan adalah seluas 501,633 hektar. Sehingga bulan Jun 2003, keluasan

Hutan Simpan Kekal telah meningkat menjadi 1.42 juta hektar manakala tanah kerajaan berhutan telah menurun menjadi 105,963 hektar melibatkan 121 kawasan Hutan Simpan Kekal yang telah diwartakan. Kedudukan ini menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kekal telah bertambah sebanyak 142,889 hektar atau 11% bagi tempoh 11 tahun iaitu antara tahun 1992 hingga bulan Jun 2003.

**Pada pandangan Audit, pertambahan keluasan Hutan Simpan Kekal berbanding keluasan tanah kerajaan yang masih berhutan adalah sesuatu yang positif dan menggambarkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap dasar Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.**

**ii) Cadangan Hutan Simpanan Kekal**

Prosedur bagi mewujudkan Hutan Simpan Kekal dinyatakan dalam Fasal 8, Kaedah Hutan 1987. Mengikut Kaedah tersebut, proses daripada permohonan cadangan tanah kerajaan dikemuka oleh Jabatan sehingga tanah itu diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diselesaikan dalam tempoh 4 bulan. Selain itu, 23 kawasan lagi telah dikenal pasti dan dicadangkan menjadi Hutan Simpan Kekal dengan keluasan 116,540 hektar yang mana proses permohonan bermula seawal tahun 1997. Bagaimanapun sehingga bulan Jun 2003, kesemua kawasan cadangan tersebut belum diwartakan lagi walaupun telah melampaui tempoh 6 tahun. Semakan Audit menunjukkan permohonan bagi 7 kawasan seluas 13,449 hektar masih di peringkat Pejabat Tanah Dan Galian/Pejabat Tanah Daerah menunggu ulasan Agensi iaitu Jabatan Ukur Dan Pemetaan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Bekalan Air sementara 16 kawasan lagi seluas 103,091 hektar dalam proses pewartaan.

Berdasarkan semakan terhadap fail bagi 3 kawasan iaitu Cadangan Hutan Simpanan Kekal Ulu Jelai Tambahan, Cheka

dan Chuat Tambahan, antara faktor yang melewati proses pewartaan tersebut ialah kelewatan Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah Dan Galian membuat ulasan terhadap cadangan hutan simpan berkenaan dan perbelanjaan yang tinggi bagi kos ukur menyukarkan Jabatan mendapat peruntukan yang sewajarnya. Sementara itu, kelewatan untuk mendapat ulasan daripada Agensi lain seperti Jabatan Bekalan Air sama ada kawasan yang dicadangkan itu melibatkan rizab tadahan air dan Jabatan Pertanian pula sama ada termasuk dalam rizab pertanian didapati memakan masa yang lama sehingga ada yang melampaui 4 tahun.

**Pada pendapat Audit, walaupun Kaedah Hutan 1987 telah menetapkan peraturan dan prosedur bagi penubuhan Hutan Simpan Kekal, namun prosedur berkenaan melibatkan tindakan yang perlu diambil oleh Pengarah Tanah Dan Galian dan Agensi lain. Keadaan ini menyukarkan Jabatan Perhutanan untuk menyelesaikan proses pewartaan Hutan Simpan Kekal dalam tempoh 4 bulan.**

**iii) Penggantian Kawasan Hutan Simpanan Kekal Yang Telah Dikeluarkan**

Menurut Seksyen 11 Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan kawasan tanah daripada Hutan Simpan Kekal bagi tujuan pembangunan dan kegunaan ekonomi. Bagaimanapun menurut Seksyen 12 kepada Akta berkenaan, semua tanah yang telah dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal hendaklah diganti balik. Mengikut rekod Jabatan sehingga bulan Jun 2003, Hutan Simpan Kekal yang telah dimansuhkan dari tahun 1978 hingga 2003 adalah seluas 312,068 hektar. Pada masa yang sama seluas 420,934 hektar kawasan baru Hutan Simpan Kekal diwujudkan iaitu melebihi kawasan Hutan Simpan Kekal yang dimansuhkan.



Berdasarkan analisis yang dibuat, pada pendapat Audit secara keseluruhannya Pihak Berkuasa Negeri melalui Jabatan telah mengambil tindakan mengganti balik semua tanah yang dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal.

### 32.2.2 Kerja Pembalakan

Pada umumnya, pengusahaan hutan dijalankan di 3 kategori kawasan iaitu Hutan Simpan Kekal, tanah kerajaan dan tanah milik. Keluasan kawasan pembalakan bagi tahun 1996 hingga 2003 yang telah diusahakan adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Kedudukan Kawasan Pembalakan**  
**Bagi Tahun 1996 Hingga Bulan Ogos 2003**

Tahun	Hutan Simpan Kekal (Ha)	Tanah Kerajaan (Ha)	Tanah Milik (Ha)
1996	12,034	14,141	8,410
1997	10,654	16,113	7,286
1998	8,035	11,472	2,048
1999	13,733	20,460	4,299
2000	9,276	11,898	4,187
2001	8,860	16,102	3,602
2002	7,491	13,641	3,240
2003	6,606	11,350	606

*Sumber: Laporan Tahunan Jabatan,  
Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Pahang*

Semakan Audit yang dijalankan terhadap kerja pembalakan mendapati perkara berikut:

#### i) Kerja Pembalakan Di Hutan Simpanan Kekal

Kerja pembalakan di Hutan Simpan Kekal adalah melalui prosedur dan kawalan yang ketat. Satu daripadanya ialah pengeluaran kayu setahun hendaklah tidak melebihi Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan. Bagi Negeri Pahang,

Catuan Tebangan Tahunan yang telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara ialah seluas 12,240 hektar setahun bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 dan 10,700 hektar setahun bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Daripada maklumat yang diperolehi bagi tempoh tahun 1996 hingga 2003, pembalakan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal seluas 76,689 hektar adalah tidak melebihi Catuan Tebangan Tahunan yang telah ditetapkan seluas 93,300 hektar bagi tempoh 8 tahun. Hanya pada tahun 1999 sahaja didapati pembukaan kawasan Hutan Simpan Kekal telah melebihi had Catuan Tebangan Tahunan yang telah ditetapkan. Ini disebabkan seluas 1,800 hektar kawasan telah diluluskan kepada sebuah syarikat bagi mengeluarkan kayu balak untuk pembinaan Empangan Chereh.

Pihak Berkuasa Negeri juga telah mewujudkan kawasan perjanjian jangka panjang kepada 8 pemegang konsesi dengan kawasan seluas 466,405 hektar. Analisis Audit dibuat terhadap 4 syarikat pemegang konsesi utama yang mempunyai kawasan yang luas dan bagi tempoh tahun 1996 hingga 2003 seluas 35,209 hektar telah diusahakan. Pihak Audit mendapati kerja pembalakan bagi 4 pemegang konsesi berkaitan masih belum melebihi kuota yang telah ditetapkan iaitu sekitar 47% daripada kup tahunan yang diluluskan. Maklumat seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Status Kawasan Perjanjian Hutan Simpan Kekal**  
**Pada Bulan Disember 2003**

Bil.	Pemegang Konsesi	Luas Hutan Simpan Kekal Diluluskan (Ha)	Kup Tahunan (Ha)	Hutan Simpan Kekal Dibalak Sehingga Tahun 2003 (Ha)	Baki Hutan Simpan Kekal Boleh Di Balak Pada Akhir Tahun 2003 (Ha)
1.	Konsesi A	259,386	5,000	102,514	156,872
2.	Konsesi B	48,340	1,416	42,936	5,404
3.	Konsesi C	31,162	2,023	26,947	4,215
4.	Konsesi D	56,253	1,000	38,681	17,572
<b>Jumlah</b>		<b>395,141</b>	<b>9,439</b>	<b>211,078</b>	<b>184,063</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**Pada pendapat Audit, pewujudan kawasan perjanjian jangka panjang dan penetapan kup tahunan bagi Hutan Simpan Kekal telah dapat mengawal pengusahaan tahunan dan pengeluaran balak secara berterusan.**

**ii) Kerja Pembalakan Di Hutan Tanah Kerajaan**

Ada 2 perbezaan antara kerja pembalakan di hutan simpan kekal dan tanah kerajaan iaitu Catuan Tebangan Tahunan telah ditetapkan bagi Hutan Simpan Kekal manakala di tanah kerajaan tidak ada kuota tertentu ditetapkan. Amalan pembalakan dalam Hutan Simpan Kekal menggunakan garis panduan yang telah ditetapkan dalam MS ISO 9002:1994 dan *Malaysian Criteria And Indicators*. Ini melibatkan kerja seperti Inventori Sebelum Tebangan (Pre-F), penandaan dan pengesahan sempadan kawasan kerja, penandaan pokok dan pengusahaan hutan.

Bagi tempoh tahun 1996 hingga bulan Ogos 2003, seluas 115,177 hektar kawasan tanah kerajaan telah dikerjakan. Kawasan yang dikerjakan ini melibatkan juga 4 syarikat yang diberi kawasan konsesi secara perjanjian jangka panjang.

Bagaimanapun, analisis Audit hanya dibuat terhadap kerja pembalakan bagi tanah kerajaan yang melibatkan kawasan perjanjian. Pada akhir tahun 1995 iaitu berakhirnya Rancangan Pengurusan Hutan (1986-1995), seluas 134,846 hektar daripada 155,817 hektar kawasan perjanjian tanah kerajaan telah dikerjakan. Daripada jumlah tersebut, kelulusan kawasan seluas 1,918 hektar yang diberi kepada Konsesi B telah habis dibalok pada tahun 1995. Daripada tahun 1996 sehingga akhir tahun 2003 seluas 96,533 hektar kawasan perjanjian tanah kerajaan dikerjakan iaitu melibatkan Konsesi A dan Konsesi C. Selain itu, perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Konsesi D telah tamat pada tahun 1996 walaupun kawasan yang belum dibalok masih berbaki 4,626 hektar. Berikut adalah kedudukan kawasan perjanjian tanah kerajaan yang sudah dibalok seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Status Kawasan Perjanjian Tanah Kerajaan**  
**Pada Bulan Disember 2003**

Bil.	Pemegang Konsesi	Luas Tanah Kerajaan (Ha)	Tanah Kerajaan Dibalok Pada Tahun 1995 (Ha)	Tanah Kerajaan Dibalok Pada Tahun 2003 (Ha)	Catatan
1.	Konsesi A	94,410	81,674	86,849	Baki 7,561 hektar.
2.	Konsesi B	1,918	1,918	1,918	-
3.	Konsesi C	10,732	7,123	9,684	Baki 1,048 hektar.
4.	Konsesi D	48,757	44,131	44,131	Baki 4,626 hektar. Tidak ada kawasan dibuka (1996-2005)
<b>Jumlah</b>		<b>155,817</b>	<b>134,846</b>	<b>142,582</b>	

Sumber: Bahagian Pembangunan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

### iii) Kawalan Pembalakan

Bagi menentukan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, kaedah dan peraturan tertentu perlu dilaksanakan bagi menjamin pengeluaran balak dapat dikekalkan di samping memelihara ekosistem hutan. Dengan itu, kawalan tertentu perlu dilaksanakan. Lawatan Audit di 8 kawasan pelesen terpilih di Daerah Lipis, Jerantut dan Pekan mendapati perkara berikut:

#### a) Penilaian Impak Alam Sekitar

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Penilaian Impak Alam Sekitar perlu dijalankan bagi aktiviti pembalakan meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih. Semakan Audit terhadap lesen yang dikeluarkan pada tahun 2001 hingga bulan Ogos 2003 mendapati kesemua 256 lesen Hutan Simpan Kekal yang dikeluarkan tidak dibuat penilaian impak alam sekitar kerana keluasan setiap lesen berkenaan kurang daripada 500 hektar. Sungguhpun begitu, Jabatan telah mengambil langkah proaktif dengan memasukkan syarat tambahan lesen mengenai faktor alam sekitar bagi mengawal kesan negatif operasi pembalakan seperti menetapkan had batas tebaran, menggunakan kaedah *reduce impact logging*, pembinaan jalan, jambatan, pementang dan lorong penarik serta mewujudkan zon simpanan sungai (zon penampungan). **Foto 1** menunjukkan salah satu kaedah *reduce impact logging*.

**Foto 1**  
**Jentera *Rimbaka Timber Harvester* Digunakan Di HS Pekan Bagi Mengurangkan Kesan Negatif Kepada Alam Sekitar**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 17 September 2003

**b) Kawalan Lain**

Inventori Sebelum Tebangan (Pre-F) juga disediakan bagi menetapkan had batas tebangan dan menentukan cara pengurusan hutan. Semakan Audit menunjukkan Inventori tersebut telah dijalankan antara 5 hingga 14 bulan sebelum pengusahaan bermula sejajar dengan kehendak Manual Perhutanan yang menetapkan Inventori hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum pengusahaan hutan dilaksanakan.

Pihak Jabatan juga menyediakan pelan sempadan kawasan bagi menentukan had kawasan yang boleh dikerjakan. Penandaan pokok dijalankan selepas sempadan siap ditanda mengikut 'Panduan Pelaksanaan Pokok Dengan Cara *Timber Tagging*' manakala petak pemantauan disediakan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan. Di samping itu, pembinaan jalan pembalakan, penebangan pokok, penarikan balak dan penyimpanan

sementara balak juga dikawal bagi mengurangkan kerosakan kepada ekosistem hutan.

Pelesen juga perlu memohon Permit Penggunaan sebelum mendirikan kongsi dan matau manakala kayu balak akan diperiksa terlebih dahulu di Balai Pemeriksaan Hutan sebelum dibawa keluar.

**Pada pandangan Audit, kawalan pembalakan pada keseluruhannya adalah memuaskan. Walaupun Penilaian Impak Alam Sekitar tidak dilaksanakan, beberapa kawalan lain yang dilaksanakan seperti menetapkan had batas tebaran, mengguna kaedah *reduce impact logging*, pembinaan jalan, jambatan, pemetong dan lorong penarik serta mewujudkan zon penamparan selaras dengan kehendak *Malaysian Criteria And Indicators*.**

### 32.2.3 Pengeluaran Lesen Membalak

Bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Ogos 2003, sebanyak 980 lesen mengusaha hasil hutan melibatkan kawasan seluas 71,498 hektar telah dikeluarkan meliputi 341 lesen pada tahun 2001, manakala 361 lesen pada tahun 2002 dan 278 lesen sehingga bulan Ogos 2003. Butiran lanjut seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Pengeluaran Lesen Bagi**  
**Tempoh Tahun 2001 Hingga Bulan Ogos 2003**

Tahun	Hutan Simpanan Kekal	Tanah Kerajaan	Tanah Milik	Jumlah Lesen	Luas Kawasan (Ha)
2001	90	177	74	341	28,564
2002	87	196	78	361	24,372
2003	79	157	42	278	18,562
<b>Jumlah</b>	<b>256</b>	<b>530</b>	<b>194</b>	<b>980</b>	<b>71,498</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Analisis Audit terhadap pengeluaran lesen di Hutan Simpan Kekal, tanah kerajaan dan tanah milik mendapati:

**i) Lesen Bagi Hutan Simpanan Kekal**

Daripada 256 lesen yang telah dikeluarkan bagi Hutan Simpan Kekal pada tahun 2001 hingga bulan Ogos 2003, sebanyak 27 lesen telah dikeluarkan secara pemberian, tiga puluh dua lesen secara kurniaan, sebanyak 181 lesen secara perjanjian dan 2 lesen sahaja melalui tender. Baki 14 lesen lagi adalah bagi kayu balak yang dilelong.

Pengeluaran lesen secara perjanjian merupakan yang terbesar dengan 181 lesen melibatkan kawasan seluas 7,103 hektar pada tahun 2001, seluas 4,820 hektar pada tahun 2002 dan seluas 4,295 hektar pada tahun 2003 berbanding keluasan keseluruhan 8,860 hektar, 7,491 hektar dan 6,606 hektar pada tahun berkenaan. Bagaimanapun, jumlah tersebut tidak melebihi kuota kup tahunan yang diberi kepada syarikat konsesi yang mendapat kawasan perjanjian jangka panjang sebanyak lebih kurang 10,000 hektar satu tahun. Daripada 181 lesen yang dikeluarkan, sebanyak 155 lesen dikeluarkan di Daerah Jerantut dan Kuantan kepada 8 syarikat konsesi yang ada perjanjian dengan Kerajaan Negeri.

Bagi tempoh 3 tahun, sebanyak 21 daripada 27 lesen kategori pemberian adalah di Daerah Temerloh melibatkan kawasan ladang hutan HS Kemasul. Pada tahun 2001 dan 2002 tidak ada pengeluaran lesen secara pemberian bagi 6 daerah lain kecuali Daerah Temerloh. Adalah didapati 4 lesen yang dikeluarkan pada tahun 2003 telah diberikan kepada satu syarikat sahaja. Maklum balas yang diterima, syarikat berkenaan telah mendapat kelulusan bagi mengeluarkan kayu daripada kawasan HS Remen Chereh untuk tujuan pembinaan Empangan Chereh.



## ii) Lesen Bagi Tanah Kerajaan

Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga bulan Ogos 2003, adalah didapati sebanyak 530 lesen pembalakan dikeluarkan bagi tanah kerajaan. Daripada jumlah itu, sebanyak 129 lesen adalah di bawah kategori pemberian, sebanyak 105 lesen melalui kurniaan dan 167 lesen di bawah perjanjian serta baki sebanyak 123 lesen diberi secara tender. Sementara 6 lagi lesen dikeluarkan bagi lelongan kayu balak.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang yang bermesyuarat pada bulan Oktober 1995 telah bersetuju bahawa semua kebenaran membalak bagi tanah kerajaan selain yang ditetapkan secara khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dibuat secara sistem Tender Terbuka. Berikutan dasar itu, pihak Audit membuat analisis perbandingan dari tahun 2000 hingga 2003 mendapati pengeluaran lesen secara pemberian telah menurun dengan ketara manakala pengeluaran lesen melalui tender telah meningkat tetapi kurang ketara. Selain itu, adalah juga didapati kebanyakan lesen secara pemberian telah diberi kepada koperasi, Agensi Kerajaan dan Jawatankuasa Kerja dan Keselamatan Kampung. Butiran adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Perbandingan Pemberian Kawasan Balak Mengikut Kategori Pemberian Dan Tender Bagi Tahun 2000 Hingga 2003**

Tahun	Keluasan Membalak Tanah Kerajaan (Ha)	Jenis Lesen		Peratusan	
		Pemberian (Ha)	Tender (Ha)	Pemberian (%)	Tender (%)
2000	11,898	6,772	2,617	57	22
2001	16,102	5,803	5,179	36	32
2002	13,641	3,438	3,143	25	23
2003	11,350	2,122	3,118	19	27

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Bagaimanapun, kadar premium yang dikenakan menunjukkan perbezaan di antara lesen secara pemberian dan tender. Daripada semakan terhadap 30 fail pelesen yang dikeluarkan lesen pada tahun 2003 mendapati 10 pelesen di bawah kawasan perjanjian, majoriti kadar premium yang dikenakan adalah antara RM1,000 hingga RM1,500 sehektar. Manakala 10 pelesen secara tender kadar premium yang dipungut adalah lebih tinggi iaitu antara RM7,000 hingga RM12,000 sehektar. Berdasarkan kepada sampel yang dipilih kadar purata premium bagi kawasan perjanjian adalah RM1,105 sehektar, kawasan tender RM5,313 sehektar dan kawasan pemberian RM717 sehektar. Adalah juga didapati kadar premium yang ditetapkan dalam Kaedah Hutan Negeri Pahang telah diguna pakai sejak tahun 1987. Berikut adalah perbandingan kadar premium bagi kawasan perjanjian, tender dan pemberian bagi lesen yang dikeluarkan pada tahun 2003 berdasarkan 30 sampel yang dipilih seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Perbandingan Kadar Premium Bagi Kawasan Perjanjian, Tender Dan Pemberian**

Kadar Premium Sehektar	Pemberian	Perjanjian	Tender
Kurang RM100	1	-	-
RM101 – RM500	2	1	-
RM501 – RM1,000	3	-	-
RM1,001 – RM1,500	2	8	1
RM1,501 – RM2,000	1	-	-
RM2,001 – RM2,500	1	-	1
RM2,501 – RM4,000	-	1	-
RM4,001 – RM7,000	-	-	3
RM7,001 – RM10,000	-	-	3
RM10,001 – RM12,000	-	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>

*Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang*

**Pihak Audit berpendapat, jika Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar pengeluaran lesen secara pemberian, adalah wajar kadar premium yang ditetapkan dalam Kaedah Hutan Negeri Pahang Tahun 1987 itu dikaji semula supaya sesuai dengan keadaan semasa. Kajian semula ini juga boleh membantu Kerajaan Negeri dalam meningkatkan hasil hutan berbanding kos pengurusan hutan yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.**

### **iii) Lesen Bagi Tanah Milik**

Semakan Audit terhadap 8 fail permohonan memindahkan hasil hutan daripada tanah milik mendapati semua permohonan telah mematuhi Seksyen 40, Akta Perhutanan Negara 1984. Kelulusan mengeluarkan hasil hutan diberi kepada pemilik tanah berpandukan salinan geran yang disahkan oleh Pentadbir Tanah Daerah.

Adalah didapati lesen pemindah dikeluarkan setelah sijil pengesahan sempadan disediakan dan bayaran yang dinyatakan dalam surat kelulusan dijelaskan oleh pemohon. Pelesen juga akan mengemukakan permohonan bagi sub-lesen, pendaftaran jentera, tanda tukul pengelasan dan bayaran pendahuluan bagi royalti dan ses.

**Pada pandangan Audit berdasarkan kepada fail yang disemak, Jabatan telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Ini termasuk tempoh sah lesen pemindah yang dikeluarkan tidak melebihi 6 bulan.**

### **iv) Tempoh Pengeluaran Lesen**

Sesuatu lesen pembalakan akan dikeluarkan apabila kawasan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan had pengeluaran dan isi padu balak telah ditetapkan oleh Jabatan. Menurut Piagam Pelanggan Jabatan, lesen untuk mengeluarkan hasil

hutan akan diproses tidak melebihi 6 bulan dari tarikh kelulusan diberi selepas semua syarat kelulusan dipatuhi. Bagaimanapun mengikut pihak Jabatan, norma yang diguna pakai bagi pengeluaran lesen adalah antara 8 hingga 12 bulan.

Semakan Audit secara rambang terhadap lesen yang dikeluarkan pada tahun 2003 mendapati ada 30 lesen yang dikeluarkan melebihi tempoh 12 hingga 50 bulan dari tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Antara faktor pengeluaran lesen mengambil masa yang lama dirumuskan seperti berikut:

- a) Kawasan kelulusan tertumpu di sesuatu daerah atau Renj;
- b) Kawasan kelulusan bagi pembalakan di Hutan Simpan Kekal belum ditetapkan tanda sempadan dan Inventori Sebelum Tebangan belum disiapkan;
- c) Bilangan kawasan yang diluluskan adalah banyak dan dilakukan serentak pada suatu masa;
- d) Pihak yang mendapat kelulusan kawasan pembalakan sendiri menanggung pelesenan atas faktor harga pasaran kayu balak semasa; dan
- e) Saiz kelulusan kawasan yang kecil sedangkan proses pelesenan yang terlibat adalah sama.

**v) Syarat Lesen**

Di antara syarat lesen yang ditetapkan dalam Akta Perhutanan Negara 1984, Kaedah Hutan 1987 dan syarat tambahan Lesen Mengusaha Hasil Hutan, pemohon yang diberi kawasan pembalakan di Hutan Simpan Kekal dikehendaki menyediakan satu Rancangan Mengusaha Hasil Hutan serta mendaftar tanda harta, tanda pengelasan dan semua jentera yang diguna dalam kawasan pelesen dengan Jabatan.

Semakan Audit terhadap rekod 8 pelesen menunjukkan syarat lesen yang ditetapkan telah dipatuhi oleh pelesen. Pelesen juga telah mematuhi syarat lesen bagi Akuan Perlantikan

Ketua (Kepala Hutan) serta permohonan sub-lesen pekerja telah dibuat oleh Ketua/Kepala Hutan. Bagaimanapun, tidak ada bayaran dikenakan terhadap jentera dan kenderaan membalak yang digunakan. Semua lesen yang berkenaan juga telah ditandatangani oleh 3 pihak iaitu pemegang lesen, Pengarah Perhutanan Negeri dan Pegawai Hutan Daerah. Selain itu, lesen tersebut telah didaftarkan dalam Daftar Lesen dan Daftar Permit di Pejabat Hutan Daerah.

Semakan Audit juga mendapati syarat lesen dan permit telah menjaga kepentingan Kerajaan dari segi hasil Kerajaan Negeri. Di antara syarat tersebut, pemegang lesen hendaklah membayar deposit mengikut jumlah yang ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri selain membayar royalti bagi semua hasil hutan yang diambil dan dipindahkan mengikut kadar yang ditetapkan. Tempat sumber hasil hutan juga diperiksa serta had batas tebaran dan had pengeluaran balak ditetapkan. Pengarah Perhutanan Negeri juga boleh merampas/menambah jumlah deposit jika ada pelanggaran syarat berhubung penyediaan kawasan, mengangkut hasil hutan, alam sekitar dan membina bangunan tanpa kebenaran.

**Pada pandangan Audit, pihak Jabatan dan pelesen telah mematuhi kehendak Akta Perhutanan Negara 1984 dan Kaedah Hutan 1987 berhubung penyediaan dan pengeluaran lesen. Di samping itu, syarat lesen juga telah menjaga kepentingan Kerajaan.**

#### **32.2.4 Kutipan Premium Dan Royalti**

Hasil hutan merupakan hasil ketiga terbesar Negeri Pahang, dikutip melalui 6 sumber iaitu premium, royalti kayu kayan, permit dan lesen perhutanan, pampasan dan ganti rugi, bayaran jabatan hutan dan jualan barangan Jabatan. Selain itu, kutipan ses juga dilakukan. Hasil yang dikutip bagi tahun 2000 hingga bulan Jun 2003 adalah berjumlah RM251.70 juta. Daripada jumlah tersebut, 74% daripadanya iaitu sejumlah RM187 juta adalah daripada

kutipan premium manakala royalti pula menyumbang sebanyak 21% iaitu sejumlah RM53 juta daripada keseluruhan kutipan hasil pada tahun terlibat.

Premium yang dikenakan perlu dijelaskan oleh pelesen terlebih dahulu sebelum lesen dikeluarkan. Di samping itu, bayaran royalti dan sistem deposit kerja diamalkan. Setiap pelesen dikehendaki meletakkan sejumlah deposit dengan Jabatan sebagai pendahuluan bayaran royalti dan ses sebelum pengeluaran balak dibuat. Pendahuluan tersebut akan ditolak setiap kali kayu balak dikeluarkan sebagai bayaran royalti dan ses kepada Kerajaan. Jumlah deposit kerja tersebut akan ditambah jika bakinya tidak mencukupi untuk pengeluaran kayu balak seterusnya.

Kadar royalti balak dan keluaran hasil hutan lain adalah dikenakan mengikut Jadual Kedua kepada Fasal 22 (2) Kaedah Hutan 1987. Kadar tersebut tidak pernah disemak semula sejak ia diguna pakai pada tahun 1987. Semakan Audit terhadap kadar yang dikenakan mendapati royalti kayu bulat dikenakan pada kadar antara RM6 hingga RM19 bagi satu meter padu. Sementara kayu jaras dikenakan pada kadar 40 sen sebatang dan kadar ini tidak sepadan dengan gaji kakitangan yang ditugaskan untuk membuat ukuran balak terbabit. Daripada maklum balas yang diterima, pindaan kadar royalti dan ses kayu jaras telah pun dipersetujui semasa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diadakan pada bulan Oktober 2001 tetapi pelaksanaannya ditangguh ke satu masa yang sesuai. Selain itu, Jabatan juga ada mencadang pindaan kepada bayaran pendaftaran jentera yang sedang dalam peringkat semakan Penasihat Undang-undang Negeri.

**Pada pendapat Audit, kawalan yang baik dari segi pungutan hasil melalui sistem pendahuluan royalti dan ses dalam bentuk deposit kerja yang diamalkan sekarang telah menyebabkan Jabatan tidak menghadapi masalah tunggakan**

**hasil bagi kutipan royalti dan ses. Tunggakan hasil hanya melibatkan bayaran kesalahan hutan.**

### **32.2.5 Aktiviti Penguatkuasaan**

Aktiviti penguatkuasaan merupakan salah satu elemen kawalan yang penting dalam menentukan pengurusan khazanah hutan yang berkesan dan berkekalan. Penguatkuasaan adalah bertujuan untuk mencegah dan membentasi pembalakan haram, penerokaan tanpa izin dan kesalahan hutan yang lain bukan sahaja di kawasan Hutan Simpan Kekal tetapi juga semasa pengangkutan/pemindahan hasil hutan. Secara khusus, aktiviti ini adalah untuk menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan Kaedah Hutan 1987.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 1998 hingga bulan November 2003, sebanyak 224 kes kesalahan hutan telah dikesan melibatkan 150 kes pembalakan haram, 68 kes kesalahan hutan yang lain dan 6 kes penerokaan hutan tanpa izin. Bagi tempoh tersebut, sejumlah RM5.92 juta telah dikutip melalui kompaun/ganti rugi.

Perbandingan juga dibuat dengan kes kesalahan hutan yang dikesan antara tahun 1993 hingga 1998. Adalah didapati pada tahun 1993, sebanyak 103 kes kesalahan hutan dikesan melibatkan nilai kompaun/ganti rugi sejumlah RM8.19 juta. Bagaimanapun, pada tahun 1994 bilangan kes yang dikesan hanya sebanyak 43 kes dengan nilai kompaun sejumlah RM1.78 juta. Penurunan mendadak pada tahun 1994 adalah disebabkan pindaan yang dibuat terhadap Akta Perhutanan Negara 1984 yang mengenakan hukuman lebih berat iaitu hukuman penjara mandatori antara 1 hingga 20 tahun dan denda maksimum RM500,000. Dari tahun 1994 sehingga bulan November 2003 iaitu tempoh selama 10 tahun, bilangan kes kesalahan hutan melibatkan pembalakan haram dan kesalahan hutan lain yang dapat dikesan oleh Jabatan adalah berada pada tahap stabil.

Bagaimanapun, kes melibatkan penerokaan hutan adalah terkawal iaitu hanya 6 kes bagi tempoh 6 tahun (tahun 1998 hingga bulan November 2003). Butiran seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Kes Kesalahan Hutan Dan Kompaun/Ganti Rugi**  
**Bagi Tahun 1993 Hingga Bulan November 2003**

Tahun	Bilangan Kes	Nilai Kompaun/ Ganti Rugi (RM)
1993	103	8,191,316
1994	43	1,777,505
1995	29	915,647
1996	26	332,805
1997	25	608,400
1998	25	1,011,519
1999	44	751,395
2000	35	236,829
2001	51	1,374,049
2002	34	782,185
2003	35	1,764,605

*Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Dan Rancangan Pengurusan Hutan (1996-2005)*

Aspek penguatkuasaan juga perlu dipertingkatkan dengan mengambil kira faktor berikut:

- i) Pandangan umum bahawa kayu balak punca sumber kewangan yang lumayan dan mudah menyebabkan mereka sanggup melakukan pembalakan haram.
- ii) Penerokaan haram oleh orang awam untuk tujuan pertanian seperti yang berlaku di kawasan pedalaman.
- iii) Kedudukan kawasan hutan di pinggir penempatan penduduk/ladang dan ini memberi akses yang mudah seperti yang berlaku pada tahun 2002 di Hutan Simpan Kemasul.

**Pada pandangan Audit, penguatkuasaan yang berterusan oleh pihak Jabatan dan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah hutan telah dapat mengurangkan kes kesalahan hutan.**



Pada keseluruhannya pelaksanaan aktiviti pembalakan adalah memuaskan kecuali beberapa aspek seperti penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar dan tempoh pengeluaran lesen mengambil masa yang lama sehingga ada kes yang melebihi 12 hingga 50 bulan. Pengeluaran lesen secara pemberian juga menyumbang kepada pungutan premium yang jauh lebih rendah berbanding lesen secara tender.

### **32.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan terhadap pengurusan sumber hutan dan pengusahasilan hutan dilakukan secara terancang dan berterusan oleh Jabatan. Pemantauan yang dibuat adalah dalam bentuk mesyuarat berjadual, laporan berkala dan persidangan peringkat kebangsaan. Adalah didapati pemantauan bukan sahaja dibuat di peringkat Renj, Pejabat Hutan Daerah, Jabatan Perhutanan Negeri malah di peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia seperti berikut:

#### **32.3.1 Peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia terlibat secara langsung memantau pengurusan sumber hutan dan pengusahasilan hutan melalui Persidangan Pengarah Perhutanan Negeri yang diadakan sekali setahun, Persidangan Perhutanan Malaysia setiap 3 tahun sekali dan beberapa Mesyuarat Khas. Persidangan dan mesyuarat ini merupakan landasan bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mempiawai dan menyelaraskan prosedur berkaitan pentadbiran, operasi dan peraturan perhutanan di samping membincangkan keberkesanan tindakan yang berkaitan resolusi dan kertas kerja yang akan diangkat ke Majlis Perhutanan Negara. Pemantauan secara terancang yang dibuat oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah untuk memastikan segala dasar dan perancangan yang dibuat di peringkat nasional dilaksanakan oleh Negeri sehingga ke peringkat Daerah. Selain itu, ia akan dapat

mewujudkan satu pengkalan data dan maklumat perhutanan yang komprehensif dan kemas kini bagi membolehkan pentadbiran perhutanan berjalan dengan lebih sistematik dan berkesan.

### **32.3.2 Peringkat Jabatan Perhutanan Negeri**

Sebagai langkah memantapkan pemantauan dan penyeliaan ke atas operasi hutan, beberapa laporan telah disediakan oleh Jabatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan tersebut ialah Laporan Shuttle, Laporan Tahunan, Laporan Kesalahan Hutan dan Laporan Penutup Pengusahasilan Hutan. Laporan Shuttle adalah berkaitan dengan pengeluaran hasil hutan dan kutipan hasil manakala Laporan Tahunan disediakan oleh Jabatan setiap tahun sejajar dengan Seksyen 4(f), Akta Perhutanan Negara 1984 yang menghendaki Jabatan Perhutanan Negeri menyediakan laporan tahunan dan menyerahkan laporan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Ketua Pengarah, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebelum akhir bulan Jun setiap tahun. Manakala Laporan Kesalahan Hutan disediakan sekiranya berlaku kesalahan hutan di kawasan pengusahasilan dan Laporan Penutup Pengusahasilan Hutan pula disediakan dalam tempoh 1 bulan setelah menerima arahan Pegawai Hutan Daerah atau selewat-lewatnya 2 bulan selepas tarikh tamat lesen bagi memantau dan mengawal penutupan blok terbangun atau pembatalan lesen.

**Pada pandangan Audit, laporan pemantauan telah disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan memadai bagi membolehkan Jabatan memantau dan menyelia operasi hutan. Namun tindakan susulan terhadap penyediaan lesen dan penyata penutup lewat dibuat berikutan kekurangan kakitangan untuk melakukan pemeriksaan akhir selepas kerja pembalakan tamat.**

**Secara keseluruhannya, mekanisma pemantauan yang wujud adalah memadai. Bagaimanapun, keberkesanan kawalan operasi hutan perlu**

**dipertingkatkan lagi dengan menambah kakitangan terutamanya Pengawas Hutan yang merupakan tulang belakang Jabatan.**

### **33. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Jabatan telah berjaya melaksanakan pengurusan dan kawalan pembalakan secara Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Ini dapat dilihat daripada kejayaan dalam perancangan yang dibuat dan pemantauan yang berterusan. Namun begitu, beberapa masalah dalam pengurusan pembalakan yang dihadapi oleh Jabatan perlu diberi perhatian sewajarnya. Syor berikut boleh diberi pertimbangan:

- i)** Kaedah pengeluaran lesen secara pemberian perlu diperkemas. Takrif dan kriteria yang jelas perlu dibuat bagi kaedah ini. Selain itu, kadar premium pembalakan bagi kaedah ini juga perlu dinyatakan dengan jelas seperti yang ada pada kawasan perjanjian.
- ii)** Kadar premium dan royalti perlu dikaji semula sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pengeluaran kayu balak berasaskan Rancangan Pengurusan Hutan 1996 hingga 2005. Seajar dengan pengurangan Catuan Tebangan Tahunan dan pengeluaran kayu balak, Kerajaan Negeri seharusnya meningkatkan kadar royalti dan premium bagi mengimbangi pengurangan balak tahunan agar hasil hutan tidak terjejas. Selain itu, kenaikan kadar royalti memenuhi kehendak semasa disebabkan oleh kos tambahan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi mengurus dan menyelenggara sumber hutan Negeri.
- iii)** Aktiviti operasi hutan termasuk penguatkuasaan perlu ditingkatkan agar kawalan dan pemantauan lebih berkesan. Ini boleh dilakukan dengan cara membuat lawatan lebih kerap bagi Hutan Simpan Kekal dan tanah kerajaan, menjalin kerjasama dengan Pejabat Tanah Dan Galian dan Pejabat Tanah Daerah serta mengkaji semula keperluan kakitangan Bahagian Penguatkuasaan sejajar dengan kehendak semasa.

## **JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN**

### **SKIM PINJAMAN TERNAKAN**

#### **34. LATAR BELAKANG**

Jabatan Perkhidmatan Haiwan (Jabatan) merupakan agensi yang bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Pahang. Ia termasuk menjalankan beberapa sistem ternakan haiwan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri mengikut perkembangan aktiviti semasa. Antara projek Jabatan ialah Skim Pinjaman Ternakan (Skim) yang mula diperkenalkan pada tahun 2001. Skim ini merupakan satu insentif Kerajaan untuk membangunkan industri ternakan ruminan di Negeri Pahang. Peserta yang dipilih menyertai Skim ini akan diberi ternakan untuk dipelihara supaya membiak. Peserta dikehendaki membayar balik harga nilai belian ternakan tersebut bagi tempoh 5 tahun mengikut perjanjian. Bayaran balik akan dibuat bermula pada tahun ke-3 hingga ke-5 dengan kadar 30%, 30% dan 40% daripada jumlah pinjaman. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM5 juta bagi melaksanakan Skim ini. Sehingga tahun 2003, seramai 92 peserta telah dipilih melibatkan pengagihan sebanyak 1,797 ekor lembu dengan perbelanjaan berjumlah RM2.03 juta.

Sementara itu, pada tahun 2002 Jabatan telah menerima anugerah Sistem Kualiti MS ISO 9002 : 1994 berkaitan Proses Pengurusan Perkhidmatan Pembangunan Penternakan Ruminan. Anugerah sistem kualiti ini turut meliputi pengurusan Skim Pinjaman Ternakan.

#### **35. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Skim Pinjaman Ternakan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **36. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Kajian yang dijalankan adalah terhadap Skim Pinjaman Ternakan dengan memberikan tumpuan kepada ternakan lembu bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Semakan dibuat terhadap rekod di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Pahang serta Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Raub, Jerantut, Maran dan Bera bagi mendapat maklumat dan data mengenai Skim ini. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat juga diadakan bagi mendapat penjelasan lebih terperinci. Selain itu, pihak Audit juga melawat 2 buah ladang ternakan di Daerah Pekan bagi mendapat maklumat dan penjelasan daripada penternak.

## **37. PENEMUAN AUDIT**

### **37.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang rapi dan lengkap adalah penting dalam melaksanakan sesuatu projek. Adalah didapati Jabatan telah merancang secara menyeluruh untuk menjayakan Skim ini dengan mengambil kira perkara utama seperti berikut:

#### **37.1.1 Pengurusan Skim**

Bahagian Pembangunan Industri Ternakan akan dipertanggungjawab untuk menguruskan Skim ini. Bahagian ini diterajui oleh Ketua Bahagian serta dibantu oleh 3 pegawai yang terdiri daripada seorang Ketua Unit Pembangunan Ruminan, Pembantu Veterinar dan Atendan Haiwan. Bahagian ini akan terlibat secara langsung dari peringkat awal perancangan sehingga ke peringkat akhir pelaksanaan yang juga meliputi aspek pemantauan. Selain itu, pegawai dari bahagian lain seperti Bahagian Kesihatan Veterinar, Makmal Veterinar Kawasan Kuantan, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan Pusat Sumber Genetik Ternakan akan turut terlibat dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

### **37.1.2 Konsep Skim**

Skim Pinjaman Ternakan merupakan modifikasi daripada Skim Pawah dan Skim Pinjaman Tanpa Faedah yang diperkenalkan lebih awal. Skim Pawah merupakan satu skim yang diguna pakai seluruh Malaysia sejak selepas Merdeka dan terus mapan hingga kini. Pada tahun 80-an banyak kritikan telah diterima yang menganggap Skim Pawah sebagai subsidi. Daripada satu kajian impak yang telah dijalankan mendapati bahawa Skim Pawah sebenarnya bukan subsidi tetapi lebih berbentuk pinjaman tanpa faedah. Sehubungan itu, nama Skim Pawah telah ditukar kepada Skim Pinjaman Tanpa Faedah bagi memberikan gambaran yang lebih tepat.

Skim Pinjaman Ternakan merupakan Skim yang memberikan pinjaman sepenuhnya kepada peserta. Peserta akan dibekalkan lembu mengikut bilangan dan harga yang telah ditetapkan dalam bentuk pinjaman. Peserta dikehendaki menjelaskan sepenuhnya pinjaman tersebut dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun ketiga hingga kelima dengan kadar 30% (Tahun 3), sebanyak 30% (Tahun 4) dan 40% (Tahun 5) daripada harga asal. Bayaran perkhidmatan 4% juga dikenakan.

### **37.1.3 Matlamat Skim**

Jabatan merancang untuk menjadikan Negeri Pahang sebagai pengeluar daging lembu terbesar negara sebagai matlamat jangka panjang. Menurut Kertas Perancangan Skim di bawah Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan telah merangka 3 matlamat utama Skim iaitu:

- i) Meningkatkan populasi ternakan lembu menerusi skim pinjaman kepada peserta yang berkelayakan dengan mensasarkan pembiakan ternakan mencapai 70% untuk industri ternakan di Negeri Pahang;
- ii) Menjadikan taburan ternakan lembu lebih teratur ke kawasan berpotensi; dan

iii) Menjadikan bidang usaha ternakan lembu lebih komersial.

Jabatan menetapkan sasaran seramai 100 orang penternak yang akan menikmati faedah daripada Skim ini bagi tempoh RMK8 atau 20 orang setahun.

#### 37.1.4 Pembiayaan Skim

Skim ini akan dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Jabatan memohon sejumlah RM19.07 juta bagi melaksanakan keseluruhan Skim meliputi ternakan seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri bagi tempoh RMK8. Sementara peruntukan khusus yang dipohon bagi ternakan lembu sejumlah RM15.05 juta meliputi RM5 juta untuk pembelian lembu betina, sejumlah RM1.25 juta lembu jantan dan RM8.80 juta lembu *fidlot*. Butiran permohonan mengikut komponen seperti berikut:

Bil.	Jenis Ternakan/Projek	Jumlah Dipohon (RM Juta)
1.	Lembu	15.05
2.	Kerbau	0.95
3.	Kambing/Biri-biri	2.57
4.	Projek Paya Terbiar	0.50
<b>Jumlah</b>		<b>19.07</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang

#### 37.1.5 Pemilihan Kawasan Ternakan

Kawasan ladang kelapa sawit merupakan kawasan yang akan dipilih bagi menternak lembu kerana telah tersedia padang ragut semula jadi. Adalah dianggarkan Negeri Pahang mempunyai 400,000 hektar ladang kelapa sawit yang sesuai untuk diintegrasikan dengan ternakan lembu ini. Penternak yang mempunyai kemudahan kawasan ladang kelapa sawit akan diberi keutamaan dalam pemilihan peserta.

### **37.1.6 Kaedah Perolehan**

Ternakan yang akan dibekalkan kepada peserta diperolehi sama ada melalui pembelian terus daripada pembekal, sebut harga atau pun melalui tender mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Setiap pembekal mestilah berdaftar dengan Jabatan dan akan diambil kira aspek seperti pengalaman, kemampuan kewangan, kemudahan logistik serta mempunyai kredibiliti dan rekod syarikat yang baik.

### **37.1.7 Kriteria Pemilihan Ternakan**

Jabatan menetapkan spesifikasi dan kriteria pemilihan lembu seperti berikut:

- i)** Lembu kacukan Kedah Kelantan yang kulitnya bewarna coklat hitam dan kelabu;
- ii)** Lembu mestilah berkeadaan sihat dari segi klinikalnya dan tidak mempunyai penyakit berbahaya dan berjangkit seperti *Brucellosis*, Hawar Berdarah, Penyakit Kuku dan Mulut yang perlu disahkan melalui pemeriksaan klinikal;
- iii)** Potensi pembiakan yang tinggi yang perlu disahkan melalui pemeriksaan kesuburan;
- iv)** Bentuk badan, umur dan berat mengikut jenis lembu. Lembu betina kacukan Kedah Kelantan untuk pembiakan berumur 2 hingga 4 tahun berat minimum 160 kilogram dan berat maksimum 230 kilogram. Manakala baka jantan kacukan Kedah Kelantan untuk pembiakan berumur 2 hingga 4 tahun dengan berat minimum 250 kilogram dan berat maksimum 350 kilogram. Lembu betina Kedah Kelantan Tulen untuk pembiakan berumur 2 hingga 3½ tahun dengan berat minimum 140 kilogram dan berat maksimum 180 kilogram; dan
- v)** Baik pada kesihatan fizikal serta tidak cacat anggota dan penglihatannya.

Lembu yang memenuhi kriteria di peringkat pertama akan diasingkan untuk melalui peringkat pemeriksaan klinikal. Contoh darah diambil dan dihantar ke Makmal Veterinar Kawasan untuk



ujian penyakit seperti *Brusellosis*, *Johne's*, *Salmonellosis* dan penyakit lain yang disenarai dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti status kesihatannya. Ternakan yang layak akan dipilih selepas keputusan ujian saringan telah dipasti. Ternakan diberi nombor tag, suntikan pelalian dan rawatan jika perlu sebelum proses penghantaran dan pengagihan kepada peserta.

#### **37.1.8 Kriteria Pemilihan Peserta**

Peserta yang akan menyertai Skim ini terdiri daripada individu, syarikat/koperasi/pertubuhan dan juga syarikat yang mempunyai kepentingan Kerajaan. Jabatan telah menetapkan kriteria pemilihan peserta mengikut kategori seperti berikut:

- i) Kategori : Individu**
  - a)** Berumur 18 tahun ke atas serta tidak melebihi 60 tahun.
  - b)** Rakyat Negeri Pahang.
  - c)** Pemastautin di kawasan projek.
  - d)** Mempunyai kawasan atau tanah bagi pemeliharaan ternakan.
  - e)** Berpengalaman atau berpengetahuan dalam bidang ternakan.
  
- ii) Kategori : Syarikat/Koperasi/Pertubuhan**
  - a)** Didaftarkan dengan sah di Malaysia.
  - b)** Membuktikan komitmen terhadap pinjaman melalui pelaburan dalaman sekurang-kurangnya 30% daripada nilai ternakan.
  - c)** Memiliki kawasan yang sesuai.
  
- iii) Kategori : Syarikat Berkepentingan Kerajaan**
  - a)** Disahkan berkepentingan Kerajaan.
  - b)** Memiliki kawasan sesuai.

#### **37.1.9 Proses Pemilihan Peserta**

Pemohon akan mengemukakan borang permohonan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah. Proses permohonan

akan dibuat 2 kali setahun iaitu pada bulan April hingga September dan pada bulan Oktober hingga Mac. Pegawai Projek di peringkat daerah akan membuat siasatan berdasarkan maklumat yang dikemukakan. Selain itu, pemeriksaan ke lapangan/kawasan juga dibuat bagi mendapatkan gambaran dan penilaian sebenar kemampuan pemohon berkenaan. Pemarkahan akan diberi berdasarkan perkara yang ditetapkan seperti berikut:

Perkara	Markah
Purata Pendapatan Bulanan	10
Maklumat Syarikat/Kumpulan	5
Kewangan	5
Maklumat Projek Semasa	20
Kawasan Projek Semasa	15
Kawasan Projek Baru/Sambungan	15
Perancangan Pelaksanaan Projek Baru/Sambungan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyedia Kemudahan Infrastruktur</li> <li>• Pembelian Jentera Dan Peralatan</li> <li>• Perbelanjaan Modal Pusingan</li> </ul>	5 5 5
Pengalaman	15
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Borang permohonan bersama Laporan Penyiasatan oleh Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Daerah akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri bagi memilih peserta berjaya. Surat setuju terima tawaran akan dikeluarkan kepada peserta berjaya oleh Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.

#### **37.1.10 Perjanjian Dengan Peserta**

Jabatan akan merangka syarat perjanjian dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan juga peserta. Aspek seperti jumlah pinjaman, cara dan tempoh bayaran balik, pelanggaran syarat dan

hak untuk membatalkan perjanjian akan diambil kira. Setiap peminjam dikehendaki menandatangani surat perjanjian dalam tempoh 2 minggu selepas bekalan diterima. Peminjam juga dikehendaki menamakan seorang pewaris yang akan diberi kuasa ke atas hak milik ternakan yang dipinjam. Pengarah Jabatan pula akan menandatangani surat perjanjian bagi pihak Kerajaan.

#### **37.1.11 Pengagihan Ternakan**

Lembu yang terpilih dan bebas daripada penyakit akan dihantar atau diagih ke tempat seperti yang telah ditentukan dalam jadual bekalan mengikut jumlah yang telah ditetapkan. Penghantaran akan dibuat menggunakan pengangkutan pembekal sendiri. Ternakan akan dihantar terus ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berkaitan. Peserta akan dimaklumkan terlebih dahulu untuk mendapatkan ternakan mereka di sana. Sijil Kesihatan Veterinar dan Borang Penghantaran Ternakan/Akuan Penerimaan Ternakan diperlukan semasa ternakan dihantar. Sijil Kesihatan Veterinar merupakan surat akuan tentang status kesihatan ternakan yang disahkan oleh pegawai Jabatan. Sementara Borang Penghantaran Ternakan/Akuan Penerimaan Ternakan merupakan surat akuan penyerahan dan akuan penerimaan oleh pegawai Jabatan di peringkat daerah dan juga peserta.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyediakan satu perancangan Skim yang baik dan menyeluruh.**

### **37.2 PELAKSANAAN**

Skim ini mula dilaksanakan pada tahun 2001. Walaupun pada hakikatnya Skim ini dirancang turut melibatkan ternakan seperti kerbau, kambing dan biri-biri namun selepas 3 tahun pelaksanaannya, tumpuan utama Jabatan adalah terhadap ternakan lembu. Ini adalah disebabkan permohonan tinggi yang diterima daripada jenis ini berbanding ternakan lain. Sehubungan itu, pinjaman yang diberi lebih ditumpukan kepada ternakan lembu. Semakan Audit terhadap pelaksanaan Skim ini mendapati perkara berikut:

### **37.2.1 Pengurusan Skim**

Bahagian Pembangunan Industri Ternakan telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan Skim ini. Bahagian ini diterajui oleh seorang Ketua Bahagian dan dibantu 3 orang pegawai di bawahnya yang terlibat secara langsung. Di samping itu, pengurusan Skim ini turut dibantu oleh bahagian lain seperti Bahagian Kesihatan Veterinar, Makmal Veterinar Kawasan Kuantan, Pejabat Perkhidmatan Veterinar dan Pusat Sumber Genetik Ternakan.

**Pada Pendapat Audit, setakat ini Bahagian Pembangunan Industri Ternakan telah berjaya menguruskan Skim dengan baik. Sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh kakitangan akan memastikan Skim ini mencapai matlamat yang ditetapkan.**

### **37.2.2 Pemilihan Kawasan Ternak**

Semakan Audit mendapati seramai 85 daripada 92 peserta Skim atau 92% menternak lembu di kawasan ladang kelapa sawit. Keluasan ladang antara 5 hingga 2,307 hektar. Manakala hanya 7 peserta terlibat menternak di kawasan selain ladang kelapa sawit seperti padang ragut, ladang getah dan lain-lain. Bagi peserta yang mempunyai kawasan yang luas, mereka ini berpotensi untuk menambah bilangan ternakan di masa akan datang.

**Pada pendapat Audit, pemilihan kawasan ternakan di ladang kelapa sawit oleh Jabatan adalah pemilihan yang tepat dan sesuai bagi Skim ini kerana ia boleh dilaksanakan secara besar-besaran.**

### 37.2.3 Pemilihan Kontraktor

Kaedah utama bekalan lembu kepada Jabatan adalah melalui kontrak. Pemilihan kontraktor telah dibuat melalui proses tender terbuka mengikut prosedur yang ditetapkan. Adalah didapati proses tender untuk tahun 2001 hingga 2003 telah dilaksanakan dengan memuaskan meliputi perkara berikut:

- i) Tender telah diiklankan dalam akhbar utama;
- ii) Jabatan telah menyediakan anggaran Jabatan bagi kos bekalan;
- iii) Jawatankuasa Membuka Tender, Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Tender Jabatan telah diwujudkan;
- iv) Penilaian keseluruhan penender telah dibuat dengan mengambil kira aspek harga ditawarkan, pengalaman, kemampuan kewangan, keutamaan kepada penender yang mendapat bekalan dalam Negeri Pahang dan penender tidak disenarai hitam oleh Jabatan; dan
- v) Analisis harga tawaran oleh penender juga telah dibuat.

Jabatan telah memilih seramai 4 daripada 15 penender untuk membekal lembu bagi tahun 2003. Mereka telah menawarkan harga yang lebih rendah berbanding harga Jabatan dan mempunyai modal yang diyakini dapat menyempurnakan bekalan. Sehubungan itu, penender yang dipilih telah ditawarkan kontrak berdasarkan jenis dan bilangan lembu tertentu dengan kadar harga penender terendah dengan persetujuan mereka. Butiran tawaran yang diberikan adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Bilangan Dan Kadar Harga yang Ditawarkan Kepada**  
**Penender Berjaya Tahun 2003**

Bil.	Penender Berjaya	Bilangan (Ekor)		
		Betina Kedah Kelantan Kacukan (RM5.45/Kg)	Betina Kedah Kelantan Tulen (RM5.80/Kg)	Baka Jantan Kedah Kelantan Kacukan (RM6.30/Kg)
1.	Penender 1	100	-	-
2.	Penender 2	200	-	-
3.	Penender 3	-	80	50
4.	Penender 4	200	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>500</b>	<b>80</b>	<b>50</b>

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang*

Walaupun 2 penender lain yang juga menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga Jabatan tetapi mereka tidak dipilih. Menurut ulasan Jawatankuasa, satu penender tidak dipilih kerana kemampuan modalnya diragui dan tiada pengalaman. Selain itu, modal penender tersebut sejumlah RM50,000 dan tidak berpengalaman membekalkan lembu kecuali ayam kampung kepada Jabatan Pekhidmatan Haiwan Melaka. Manakala satu lagi penender tidak dipilih kerana gagal mengemuka salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.

Adalah didapati kontraktor yang dipilih telah memenuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Kontraktor Bumiputera;
- b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- c) Mempunyai modal atau sumber kewangan yang mencukupi antara RM100,000 hingga RM1.40 juta;
- d) Mempunyai pengalaman membekal ternakan lembu kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan di Negeri Pahang dan negeri lain; dan
- e) Harga yang ditawarkan lebih rendah daripada harga Jabatan.

**Pihak Audit berpendapat bahawa Jabatan telah melaksanakan proses pemilihan kontraktor dengan memuaskan.**

#### **37.2.4 Permohonan Menyertai Skim**

Adalah didapati permohonan yang diterima untuk menyertai Skim ini amat menggalakkan. Sehingga tahun 2003, sebanyak 434 permohonan telah diterima. Majoriti permohonan yang diterima adalah daripada individu iaitu sebanyak 331 permohonan atau 76%. Sementara kategori syarikat/koperasi/pertubuhan sebanyak 101 permohonan manakala syarikat berkepentingan Kerajaan hanya 2 permohonan diterima. Butiran permohonan yang diterima dari tahun 2001 hingga 2003 seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Bilangan Permohonan Diterima Mengikut Kategori**

<b>Tahun</b>	<b>Individu</b>	<b>Syarikat/ Koperasi/ Pertubuhan</b>	<b>Syarikat Kerajaan</b>	<b>Jumlah</b>
2001	62	47	1	<b>110</b>
2002	124	33	-	<b>157</b>
2003	145	21	1	<b>167</b>
<b>Jumlah</b>	<b>331</b>	<b>101</b>	<b>2</b>	<b>434</b>

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang*

Semakan rambang terhadap borang permohonan peserta mendapati kesemua mereka telah menggunakan borang seperti yang ditetapkan. Maklumat yang diperlukan seperti maklumat pemohon, bilangan ternakan yang dipohon, maklumat projek semasa, luas dan jenis kawasan yang ada telah diisi di ruangan berkaitan. Sehubungan itu, pihak Jabatan tidak menghadapi masalah membuat penilaian terhadap peserta berkenaan kerana maklumat yang dikemukakan adalah lengkap.

#### **37.2.5 Pemilihan Peserta**

Semakan Audit mendapati daripada 434 permohonan yang diterima sejak tahun 2001 hingga 2003, seramai 92 peserta telah

berjaya dipilih untuk menyertai Skim ini. Daripada jumlah tersebut, 54 adalah merupakan peserta individu dan 35 peserta mewakili syarikat/koperasi/pertubuhan termasuk peserta individu mempunyai rakan ternak melebihi seorang dan 3 syarikat Kerajaan. Butiran peserta yang berjaya mengikut kategori seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Bilangan Peserta Berjaya Mengikut Kategori**  
**Dari Tahun 2001 Hingga 2003**

Tahun	Individu	Syarikat/ Koperasi/ Pertubuhan	Syarikat Kerajaan	Jumlah
2001	18	12	-	30
2002	22	15	1	38
2003	14	8	2	24
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>35</b>	<b>3</b>	<b>92</b>

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang*

Proses pemilihan peserta telah dibuat sebagaimana yang ditetapkan meliputi perkara berikut:

- i) Semua borang permohonan telah dikemuka kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah untuk tindakan selanjutnya;
- ii) Pegawai Projek di peringkat daerah telah membuat penilaian terhadap permohonan berdasarkan maklumat dalam borang dan juga siasatan di kawasan ternakan untuk menentukan kesesuaian dan kemampuan pemohon;
- iii) Soal siasat dan pemarkahan setiap permohonan dengan mengambil kira aspek seperti kedudukan kewangan, maklumat syarikat, projek semasa dan baru, pengalaman dan sebagainya telah dilakukan di peringkat daerah;
- iv) Hasil siasatan telah dilaporkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah dan 3 ahli Jawatankuasa; dan



- v) Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan dan dianggotai seramai 8 orang ahli jawatankuasa telah bermesyuarat untuk memutuskan pemohon yang berjaya.

Semakan lanjut terhadap 51 peserta dari tahun 2001 hingga 2003 telah dilakukan. Adalah didapati masa yang diambil untuk kelulusan sesuatu permohonan antara 70 hingga 630 hari. Daripada jumlah ini, sebanyak 18 kes kelewatan berlaku di peringkat siasatan dan penilaian di daerah melibatkan antara 90 hingga 412 hari. Jabatan menjelaskan bahawa bilangan kakitangan yang terhad di daerah menyumbang kepada kelewatan ini. Buat masa ini setiap Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah mempunyai hanya seorang pegawai untuk menjalankan siasatan. Pada masa yang sama mereka juga perlu melaksanakan tugas lain. Bagaimanapun, pada bulan Mac 2003 Jabatan telah mengambil tindakan untuk memohon tambahan kakitangan dan sehingga kini masih belum diluluskan.

Adalah didapati Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri tidak konsisten dalam memilih peserta berjaya berdasarkan pemarkahan. Ada calon yang memperolehi markah kurang daripada 80% turut dipilih sebagai peserta. Namun dalam masa yang sama calon yang mempunyai markah melebihi 80% dan telah diberikan sokongan di peringkat daerah tidak pula dipilih. Semakan lanjut mendapati daripada 92 peserta berjaya, seramai 34 peserta mempunyai markah antara 50% hingga 79% telah dipilih. Manakala daripada 434 permohonan yang diterima, seramai 74 pemohon telah ditolak, walaupun mempunyai markah 80% dan mendapat sokongan di peringkat daerah. Jabatan menjelaskan bahawa pemarkahan merupakan salah satu asas pemilihan peserta. Namun begitu, Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri juga berpandukan kepada beberapa faktor lain semasa membuat keputusan seperti berikut:

- a) Daerah yang mempunyai kawasan padang ragut yang luas dan bilangan pemohon yang ramai seperti Daerah Maran yang akan diberi keutamaan;
- b) Keupayaan dan kelayakan peserta seperti peserta yang telah mempunyai pengalaman dan telah ada projek ternakan akan diberi keutamaan;
- c) Pegawai Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah akan menjalankan siasatan terhadap pemohon dan meninjau lokasi ternakan yang dicadangkan. Sekiranya pemohon berkelayakan, sokongan akan diberikan terhadap pemohon berkenaan; dan
- d) Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan memberi keutamaan kepada permohonan ternakan lembu untuk keperluan industri ternakan

**Pihak Audit berpendapat proses pemilihan peserta boleh diperbaiki dengan mengatasi kelewatan di peringkat penilaian pemohon. Selain itu, pemilihan peserta perlulah berdasarkan pemarkahan yang diberikan kepada mereka.**

#### **37.2.6 Pemilihan Ternakan**

Pada tahun 2003, sebanyak 899 ekor lembu telah dibeli melibatkan perbelanjaan sejumlah RM1.06 juta. Adalah didapati Jabatan dan kontraktor telah mematuhi kriteria dan spesifikasi lembu yang ditetapkan seperti berikut:

- i) Jenis lembu yang dipesan dan dibekalkan adalah dari jenis baka kacukan Kedah Kelantan dan juga tulen;
- ii) Had umur lembu dalam lingkungan yang dibenarkan. Umpamanya bagi lembu betina kacukan Kedah Kelantan berumur antara 24 hingga 48 bulan;
- iii) Bentuk dan berat badan dalam lingkungan yang ditetapkan. Umpamanya, lembu betina kacukan Kedah Kelantan mempunyai berat antara 160 hingga 230 kilogram;
- iv) Harga belian mengikut kadar yang ditetapkan;

- v) Status kesihatan ternakan adalah memuaskan dan bebas daripada penyakit; dan
- vi) Kesemua lembu telah diberi nombor tag pengenalan.

**Pihak Audit berpendapat bahawa proses pemilihan ternakan adalah memuaskan kerana mematuhi kriteria dan juga prosedur pemilihan ternakan yang ditetapkan.**

### **37.2.7 Pengagihan Ternakan**

Proses bekalan ternakan bermula dari tarikh pesanan sehingga tarikh ternakan diterima oleh penternak. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh pesanan sebenar dibuat kerana Jabatan memberikan arahan untuk membekalkan ternakan secara lisan kepada pembekal. Pesanan Kerajaan hanya dikeluarkan selepas penghantaran disempurnakan untuk tujuan pembayaran. Amalan ini bertentangan dengan kehendak arahan kewangan. Jabatan menjelaskan bahawa perolehan dibuat berdasarkan timbangan ternakan menyebabkan banyak berlaku ketidaksamaan antara timbangan sebenar dan anggaran berat dalam Pesanan Kerajaan. Adakalanya bekalan ternakan tidak dapat dipenuhi pada sesuatu sesi pembelian setelah pemilihan dijalankan. Ini memerlukan banyak pembetulan pada Pesanan Kerajaan berkenaan.

Semakan berdasarkan tarikh keputusan memilih peserta oleh Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri dan tarikh lembu dibekalkan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah pada tahun 2003 telah dijalankan. Adalah didapati tempoh bekalan lembu oleh pembekal ke daerah dibuat dalam tempoh antara 10 hingga 79 hari. Tempoh ini adalah munasabah memandangkan bekalan turut melibatkan proses pemilihan, penentuan tahap kesihatan, logistik dan sebagainya.

Lembu yang dibekalkan ke daerah telah diserahkan kepada peserta pada hari yang sama. Bagi lembu betina, Jabatan

menetapkan setiap peserta akan dibekalkan antara 1 hingga 100 ekor manakala bagi lembu baka jantan antara 1 hingga 5 ekor seorang. Adalah didapati tidak ada peserta yang menerima lembu melebihi had yang ditetapkan. Rekod menunjukkan bahawa setiap peserta telah dibekalkan lembu betina antara 5 hingga 100 ekor manakala bagi lembu baka jantan antara 1 hingga 5 ekor seorang dengan mengambil kira bilangan lembu sedia ada.

Sementara itu, setiap bekalan lembu telah disah penerimaannya oleh Pegawai Jabatan di peringkat daerah. Peserta juga telah membuat pengesahan yang sama dengan menurunkan tandatangan di dalam Borang Penghantaran Ternakan/Akuan Penerimaan Ternakan. Borang tersebut mengandungi maklumat seperti nombor tag pengenalan ternakan, umur, warna, jantina, berat dan nilai termasuk caj perkhidmatan 4%.

Mengikut syarat kontrak, jika lembu yang dibekalkan mati dalam tempoh 2 minggu dari tarikh ianya dibekalkan, pembekal hendaklah mengganti lembu yang mati itu dengan lembu yang lain. Adalah didapati 11 ekor lembu telah mati dalam tempoh serahan pada tahun 2001 dan tidak ada kematian dilaporkan pada tahun 2002 dan 2003. Kesemua lembu tersebut telah diganti dengan jantina dan berat yang sama sebagaimana sepatutnya.

**Pihak Audit berpendapat, tempoh yang diambil untuk membekal dan mengagih lembu kepada peserta adalah munasabah memandangkan proses pemilihan perlu melalui peringkat saringan dan penentuan tahap kesihatan ternakan sebelum keputusan pemilihan boleh dibuat. Sementara itu, urusan terimaan ternakan juga telah dilaksanakan dengan teratur.**

#### **37.2.8 Perjanjian Dengan Peserta**

Semakan Audit mendapati daripada 92 peserta yang telah menyertai Skim ini sejak tahun 2001, seramai 83 peserta telah

pun mempunyai ikatan perjanjian dengan lengkap dan disimpan di Ibu Pejabat. Semakan lanjut terhadap surat perjanjian tersebut mendapati kesemuanya mempunyai maklumat yang diperlukan meliputi perkara seperti berikut:

- i) Surat perjanjian telah ditandatangani oleh peserta/peminjam;
- ii) Setiap peserta telah menamakan waris yang akan diberi kuasa hak milik bagi pihaknya jika sesuatu berlaku kepada peserta berkenaan;
- iii) Semua surat perjanjian mempunyai tandatangan saksi; dan
- iv) Semua surat perjanjian telah ditandatangani oleh Pengarah Jabatan bagi pihak Kerajaan.

Daripada 83 peserta yang mempunyai perjanjian, adalah didapati sebanyak 73 perjanjian telah lewat disediakan melebihi tempoh 2 minggu selepas bekalan diterima. Tempoh kelewatan adalah antara 7 hingga 465 hari.

Sementara itu, seramai 9 peserta masih belum mempunyai surat perjanjian. Surat perjanjian ini masih di peringkat Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan belum dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk ditandatangani oleh Pengarah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2 surat perjanjian melibatkan peserta tahun 2001, sebanyak 4 surat perjanjian bagi peserta tahun 2002 manakala 3 surat perjanjian lagi bagi peserta tahun 2003. Kelewatan tersebut berikutan beberapa maklumat penting seperti bilangan ternakan, jumlah pinjaman dan jadual bayaran balik pinjaman belum diterima oleh pejabat di peringkat daerah.

**Pihak Audit berpendapat urusan pengeluaran surat perjanjian kurang memuaskan. Sehubungan itu, Jabatan perlu memastikan setiap peserta mempunyai surat perjanjian yang lengkap dan disediakan dengan segera bagi menjaga kepentingan Kerajaan.**

### **37.2.9 Syarat Perjanjian**

Surat perjanjian antara peserta dengan Kerajaan telah disediakan secara seragam. Antara isi kandungan surat perjanjian tersebut meliputi akuan bayaran balik, syarat yang telah dipersetujui terdahulu, persefahaman dan persetujuan berhubung pinjaman, cara bayaran balik dan sebagainya. Jabatan juga telah mengambil kira kepentingan Kerajaan jika berlaku pelanggaran syarat perjanjian dan mempunyai hak untuk membatalkan perjanjian sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 4.1 dan 6.1 surat perjanjian. Antara kandungan perjanjian adalah seperti berikut:

- i)** Kerajaan berhak menamatkan perjanjian dan menuntut pulangan semula ternakan atau nilai ternakan sepenuhnya dan Kerajaan juga berhak untuk melaksanakan hak yang lain di bawah perjanjian;
- ii)** Kerajaan boleh mengubah, meminda atau membentuk semula syarat dan terma perjanjian ini dalam bentuk yang difikirkan sesuai pada sebarang masa tanpa menyentuh tanggungjawab peserta; dan
- iii)** Kerajaan boleh membatalkan pinjaman yang diberikan atau sebahagian daripadanya sebelum pinjaman habis dibayar atau sebelum tamat tempoh pinjaman dengan hanya memberikan notis bertulis kepada peminjam. Apabila ini dilaksanakan keputusan Kerajaan adalah muktamad.

Seksyen 2.4 pula menetapkan tarikh dan amaun bayaran balik pinjaman yang perlu dijelaskan oleh peserta seperti dinyatakan dalam Bahagian V(b), Jadual 1 surat perjanjian. Sementara itu, dalam keadaan yang melibatkan kematian ternakan akibat kecuaiian pengurusan oleh peserta, Jabatan menghendaki peserta melunaskan nilai pinjaman seperti dalam perjanjian. Pihak Kerajaan tidak akan menerima sebarang gantian ternakan sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 3.3 surat perjanjian.

Bagaimanapun, Jabatan perlu mengambil kira perjanjian yang dibuat oleh individu yang mewakili beberapa peserta lain. Jaminan di pihak Kerajaan perlu diambil kira sekiranya sesuatu berlaku kepada individu tersebut. Antara alternatif yang boleh dipertimbangkan adalah dengan memastikan peserta yang diwakili menjadi pewaris dalam perjanjian berkenaan. Sehubungan itu, tafsiran pewaris perlulah dijelaskan sebagai individu yang mempunyai tanggungjawab bersama.

**Pihak Audit berpendapat syarat perjanjian yang ditetapkan adalah memadai dengan mengambil kira kepentingan pihak Kerajaan dan peserta. Bagaimanapun, perjanjian melibatkan individu yang mewakili beberapa peserta lain perlu diperkemas.**

#### **37.2.10 Prestasi Skim**

Sehingga tahun 2003, Skim ini telah memasuki tahun ketiga dengan seramai 92 peserta iaitu 54 peserta individu, 35 peserta syarikat/koperasi/pertubuhan dan 3 peserta daripada syarikat berkepentingan Kerajaan. Untuk tempoh tersebut, sebanyak 1,797 ekor lembu telah diagih kepada peserta melibatkan 1,676 ekor lembu betina dan 121 lembu jantan dengan perbelanjaan berjumlah RM2.03 juta. Pada keseluruhannya prestasi Skim setakat ini adalah baik dan tidak menghadapi banyak masalah. Bagaimanapun, penilaian sebenar terhadap Skim ini belum dapat dibuat kerana ianya masih di peringkat awal.

i) Berdasar maklumat yang diterima daripada 4 daerah melibatkan seramai 31 peserta, bilangan lembu telah bertambah daripada 1,209 ekor menjadi 1,625 ekor iaitu pertambahan sejumlah 416 ekor atau 34% dalam tempoh 3 tahun. Walaupun ada peningkatan bilangan lembu yang ditenak namun Jabatan perlu menetapkan sasaran yang patut dicapai oleh seseorang penternak bagi sesuatu jangka masa. Butiran pertambahan bilangan lembu seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Hasil Ternakan Pada Tahun 2003**

Daerah	Bil. Peserta	Bil. Lembu Sedia Ada	Bil. Lembu Dibekalkan	Jumlah Lembu	Jumlah Pada 2003	Tambah (Ekor)
Kuantan	2	80	12	92	103	11
Rompin	1	60	42	102	110	8
Bentong	18	558	160	718	1023	305
Raub	10	189	108	297	389	92
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>	<b>887</b>	<b>322</b>	<b>1,209</b>	<b>1,625</b>	<b>416</b>

*Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah*

**Pihak Audit berpendapat Skim ini telah menunjukkan prestasi yang baik sesuai dengan tahap Skim yang masih di peringkat awal. Berdasarkan pencapaiannya selepas 3 tahun, Skim ini berada pada landasan yang betul dan berpotensi untuk mencapai sasaran hasil ternakan yang ditetapkan sebanyak 70%.**

- ii) Untuk tempoh pelaksanaan 3 tahun pertama, adalah didapati Skim ini tidak menghadapi banyak masalah. Ini ada kaitan dengan prosedur pemilihan peserta dan pengagihan ternakan yang dibuat secara teratur dengan mengambil kira kriteria penting yang sepatutnya. Lawatan Audit terhadap 2 projek ternakan di Daerah Pekan, melibatkan satu projek individu dan satu lagi projek berkelompok yang diusahakan di kawasan kelapa sawit. Penternak individu telah mendapat pinjaman sebanyak 21 ekor lembu sementara penternak berkelompok sebanyak 105 ekor.

**Pada pandangan Audit, walaupun Jabatan tidak menghadapi masalah besar pelaksanaan pada masa ini, Jabatan harus juga bersedia menghadapi sebarang kemungkinan luar jangka seperti wabak, peratusan kemandulan yang tinggi dan sebagainya yang boleh menjejaskan pencapaian Skim ini dalam tempoh jangka panjang.**



### 37.2.11 Perbelanjaan Skim

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta untuk melaksanakan Skim ini bagi tempoh RMK8. Peruntukan ini adalah 26% daripada peruntukan asal yang dipohon sejumlah RM19.07 juta.

Sehingga tahun 2003, sejumlah RM2.43 juta peruntukan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.19 juta telah dibelanjakan bagi membeli ternakan ruminan termasuk kerbau dan biri-biri. Sejumlah RM2.03 juta atau 93% daripadanya digunakan bagi membeli lembu untuk dibekalkan kepada peserta Skim. Sejumlah RM1.84 juta pembelian dibuat melalui kontrak, sejumlah RM291,498 dibuat secara belian terus manakala sejumlah RM54,155 lagi melalui sebut harga. Butiran peruntukan yang diterima dan dibelanjakan sehingga tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan**  
**Tahun 2001 Hingga 2003**

Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan Sebenar				
		Beli Terus (RM)	Sebut Harga (RM)	Kontrak (RM)	Jumlah (RM)	Peratus (%)
2001	565,600	119,860	46,355	227,929	394,144	70
2002	799,990	79,369	7,800	644,866	732,035	92
2003	1,065,000	92,269	0	970,223	1,062,492	99
<b>Jumlah</b>	<b>2,430,590</b>	<b>291,498</b>	<b>54,155</b>	<b>1,843,018</b>	<b>2,188,671</b>	<b>90</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang

Walaupun jumlah peruntukan yang diterima hanya  $\frac{1}{4}$  daripada yang dirancang namun sehingga kini Jabatan telah menggunakan peruntukan yang diterima dengan sebaik mungkin. Secara keseluruhan sebanyak 76% peruntukan yang diterima setakat ini telah dibelanjakan untuk membeli ternakan melalui pembekal secara kontrak. Pembelian secara belian terus dan sebut harga

dibuat apabila Pengarah Jabatan mendapati perolehan secara ini lebih sesuai dengan justifikasi tertentu atas kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

Adalah didapati perbelanjaan tahun pertama hanya digunakan sejumlah RM394,144 atau 70% sahaja daripada peruntukan yang diterima. Ini merupakan tahun pertama Jabatan menguruskan perolehan dan agihan ternakan. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2002 dan 2003 telah bertambah baik iaitu melebihi 90%.

**Pihak Audit berpendapat peruntukan sejumlah RM5 juta adalah mencukupi berbanding bilangan peserta yang disasarkan seramai 100 orang. Bagaimanapun, dengan mengambil kira bilangan permohonan yang diterima maka jumlah ini perlu dikaji semula mengikut kemampuan Jabatan.**

### **37.3 PEMANTAUAN**

Jabatan telah mewujudkan mekanisme pemantauan yang tertentu bagi memastikan pelaksanaan Skim ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Antara mekanisma yang dimaksudkan adalah dengan mewujudkan jawatankuasa yang berkaitan serta Skim pemantauan selepas ternakan diagihkan kepada peserta.

#### **37.3.1 Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan**

Ada 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Daerah dan Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri yang diwujudkan. Jawatankuasa tersebut memainkan peranan dalam memilih peserta. Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Daerah berperanan membuat penilaian terhadap pemohon manakala Jawatankuasa Skim Pinjaman Ternakan Negeri bertanggungjawab menentukan peserta berjaya berasaskan penilaian tersebut. Berdasarkan rekod Jabatan, Jawatankuasa ini

telah bermesyuarat sebanyak 2 kali setahun kecuali pada tahun 2003 hanya sekali mesyuarat telah diadakan.

### **37.3.2 Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan Jabatan**

Jabatan telah mewujudkan Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan Jabatan. Jawatankuasa ini berfungsi dalam merancang Skim pembangunan Jabatan dan menilai pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Menurut rekod, Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat hampir setiap bulan bagi melaporkan perkembangan pelaksanaan Skim pembangunan Jabatan.

### **37.3.3 Pemantauan Selepas Agihan Ternakan**

Jabatan juga telah mengadakan perkhidmatan yang berbentuk proaktif kepada peserta dengan mengadakan lawatan berkala seperti Skim Lawatan Terancang Dan Berjadual serta Skim Kesihatan Gerompok. Skim ini dilakukan oleh pegawai Jabatan di peringkat daerah meliputi aspek seperti pemeriksaan kesihatan, rawatan khidmat nasihat dan juga pemantauan. Tujuan lawatan adalah bagi menentukan ternakan yang dibekalkan telah diurus dengan baik supaya kualiti dan produktiviti tidak terjejas. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada 4 daerah mendapati lawatan yang dimaksudkan telah dilaksanakan antara 6 hingga 24 kali dalam setahun. Butiran lawatan yang dibuat seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Lawatan Di Peringkat Daerah Dari**  
**Tahun 2001 Hingga 2003**

Daerah	Bilangan Lawatan Dilakukan (Tahun)			Jenis Lawatan
	2001	2002	2003	
Raub	12	10	10	Pemeriksaan Kesihatan, Rawatan, Khidmat Nasihat dan Pemantauan.
Jerantut	10	6	7	
Maran	24	11	12	
Bera	12	12	12	

*Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah*

**Pihak Audit berpendapat Jabatan telah merangka dan melaksanakan aspek pemantauan dengan memuaskan.**

### **38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Skim ini dirancang dan dilaksanakan dengan memuaskan. Setakat ini tidak banyak masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Skim ini kecuali beberapa masalah kecil dari segi kelewatan pemilihan peserta, kelewatan penyediaan surat perjanjian dan masalah pengurusan ladang peserta individu. Jabatan juga telah mewujudkan mekanisme pemantauan yang berkesan bagi memastikan Skim ini berjalan lancar dan berjaya.

## **PEJABAT DAERAH DAN TANAH CAMERON HIGHLANDS**

### **PENGURUSAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA**

#### **39. LATAR BELAKANG**

Lesen Pendudukan Sementara (Lesen) adalah kebenaran untuk menduduki tanah Kerajaan dalam tempoh yang sementara. Ia bukan merupakan satu hak milik atau pajakan. Tempoh Lesen ini terhad dan hanya sah bagi tahun dikeluarkan serta akan tamat pada 31 Disember setiap tahun. Pemegang Lesen tidak mempunyai hak untuk memindah milik, diserahkan hak, dijual beli, mewariskan secara pusaka atau wasiat dan menghadiahkan kepada pihak lain. Pihak Berkuasa Negeri juga boleh menghadkan penggunaannya dengan mengenakan syarat nyata pada Lesen tersebut. Kelulusan Lesen adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri. Kuasa diberi kepada semua Pentadbir Tanah Daerah untuk meluluskan pembaharuan Lesen untuk tempoh 3 tahun pertama. Bagaimanapun bagi Daerah Cameron Highlands, mulai tahun 1998 semua kelulusan Lesen termasuk 3 kali pembaharuan adalah di bawah bidang kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands (Pejabat) telah mengeluarkan 2,138 Lesen yang masih berkuat kuasa sehingga akhir tahun 2003. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,843 Lesen adalah untuk kegunaan pertanian, manakala selebihnya adalah untuk bangunan seperti stor, gerai dan sebagainya. Jumlah Lesen yang diluluskan di Cameron Highlands adalah yang terbanyak di Negeri Pahang. Keadaan ini disebabkan tindakan Pihak Berkuasa Negeri menghadkan kelulusan terhadap pemilikan tanah. Pada tahun 2003, Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands telah mengutip hasil bagi Lesen sejumlah RM545,778 yang merupakan hasil terbesar selepas cukai tanah.

#### **40. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Lesen Pendudukan Sementara telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

## **41. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan lesen Pendudukan Sementara (Lesen) bagi tempoh tahun 2002 dan 2003 yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands. Pejabat ini dipilih memandangkan jumlah Lesen yang dikeluarkan adalah terbanyak di Negeri Pahang. Tumpuan kajian ini adalah terhadap pengurusan Lesen yang melibatkan aktiviti pertanian sahaja. Pengauditan dijalankan berasas kepada penyemakan terhadap dokumen seperti lesen, rekod, daftar dan fail yang berkaitan di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands. Selain itu, temu bual dengan pegawai terbabit juga diadakan bagi mendapat penjelasan yang lebih terperinci mengenai perkara berkaitan.

## **42. PENEMUAN AUDIT**

### **42.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan aspek penting yang boleh memandu pihak pengurusan melaksanakan aktiviti berkenaan dengan lebih cekap dan berkesan supaya matlamat memberi perkhidmatan yang berkualiti dapat dicapai. Aspek perancangan yang diteliti oleh pihak Audit berhubung dengan pengurusan Lesen adalah seperti berikut:

#### **42.1.1 Struktur Pengurusan**

Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas dan lengkap meliputi 2 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran Tanah dan Bahagian Pentadbiran Daerah. Pengurusan Lesen adalah di bawah Unit Pelupusan Tanah di Bahagian Pentadbiran Tanah dan diketuai seorang Penolong Pentadbir Tanah dan dibantu 2 Pembantu Tadbir. Selain itu, hanya 3 perjawatan Pegawai Penguat Kuasa diluluskan bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang tanah termasuk pelanggaran syarat kelulusan Lesen. Unit Pelupusan Tanah bertanggungjawab memproses semua permohonan Lesen meliputi permohonan baru, membaharui

lesen, permohonan semula dan tukar nama. Semua permohonan yang telah diluluskan dan bayaran diterima akan direkodkan dalam Daftar Lesen Pendudukan Sementara.

#### **42.1.2 Kriteria Permohonan Lesen**

Proses permohonan dan kelulusan Lesen adalah berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Antara syarat yang ditetapkan ialah pemohon mestilah seorang dewasa, perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaannya dan undang-undang bertulis lain untuk memiliki tanah. Selain itu, organisasi dan individu yang berkuasa memegang tanah di bawah peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik Dan Konsul, 1957 juga boleh memohon. Pandangan jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Pertanian, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa serta Majlis Daerah juga akan diambil kira dalam proses kelulusan Lesen.

#### **42.1.3 Proses Pengeluaran Lesen**

Mengikut peruntukan undang-undang, Kerajaan Negeri boleh melupuskan tanah melalui pelbagai cara seperti pindah milik, gadaian atau pajakan serta melalui Lesen Pendudukan Sementara. Prosedur dan proses setiap pelupusan tanah termasuk Lesen adalah berdasarkan Manual Pentadbiran Tanah yang disediakan dengan lengkap oleh Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan. Proses bermula daripada penerimaan borang permohonan sehinggalah diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti berikut:

- i)** Penerimaan borang permohonan;
- ii)** Mendaftar dan menfail permohonan;
- iii)** Menyediakan surat perakuan penerimaan kepada pemohon;
- iv)** Penyediaan Kertas Ringkas dan fail berkaitan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah;

- v) Menyediakan Kertas Ringkas dan fail berkaitan untuk dihantar ke Pejabat Tanah Dan Galian yang seterusnya akan dibawa untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; dan
- vi) Penerimaan balik fail daripada Pengarah Tanah Dan Galian dan seterusnya memproses fail berkaitan untuk bayaran.

#### **42.1.4 Syarat Kelulusan Lesen**

Pejabat meluluskan Lesen bagi pelbagai tujuan kegunaan seperti pertanian, kediaman, stor, kedai, gerai, bengkel, pusat pengumpulan sayur, tapak semaian, papan tanda dan sebagainya. Kelulusan Lesen berkenaan adalah tertakluk kepada beberapa syarat antaranya seperti berikut:

- i) Penggunaan tanah tertakluk sepenuhnya kepada Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Akta 385). Pelesen mestilah setiap masa memuaskan hati pihak Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands dengan mengambil langkah yang mencukupi bagi mengelakkan daripada kejadian hakisan tanah. Ini dapat dilakukan dengan mengekalkan tumbuhan seperti tumbuhan menutup muka bumi dan tumbuhan asal atau pun dengan cara membina longkang serta perparitan dan seumpamanya sebagaimana yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands atau wakilnya;
- ii) Kerja menebang pokok dan membakar di atas tanah yang curamnya 11° adalah ditegah. Kebenaran bertulis daripada Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands atau wakilnya hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi menebang pokok yang tertentu sahaja;
- iii) Semua jenis bangunan kekal tidak dibenarkan dibina di atas tanah yang dilesenkan;
- iv) Bercucuk tanam pada jarak 6 kaki dari tebing sungai tidak dibenarkan. Tanaman sayur di dalam alur air atau anak sungai adalah dilarang;
- v) Penggunaan jentolak tidak dibenarkan;



- vi) Sebarang kerja tanah umpamanya memotong, merata, menggali, menolak dan memindah dengan apa cara sekali pun adalah ditegah melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands atau wakilnya;
- vii) Pelesen tidak dibenarkan sama sekali membuka atau menggunakan tanah Kerajaan melebihi keluasan yang diluluskan di dalam Lesen;
- viii) Sebarang kesalahan kerana melanggar syarat dan peraturan atau undang-undang tanah berkaitan Lesen ini dan Akta Pemuliharaan Tanah, 1960 (Akta 385) boleh didakwa di mahkamah;
- ix) Tempoh Lesen akan tamat jika diserahkan kepada Kerajaan atau melanggar sebarang syarat nyata atau tersirat di dalam Lesen ini atau undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;
- x) Menyimpan baja organik seperti serbuk udang kering, tahi ayam dan sebagainya di atas rizab jalan adalah dilarang; dan
- xi) Pemegang Lesen dikehendaki tanpa sebarang notis supaya menyerahkan Lesen kepada Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands pada atau sebelum 31 Oktober untuk tujuan memperbaharui Lesen. Jika pemegang Lesen gagal berbuat demikian maka Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands boleh untuk tidak membaharui Lesen.

Bagi pelesen yang tidak mematuhi syarat kelulusan di atas tidak berhak menuntut sebarang ganti rugi atau pampasan jika tanaman atau bangunannya dimusnahkan oleh Kerajaan.

#### **42.1.5 Sasaran Pengeluaran Lesen**

Mengikut Perjanjian Program Jabatan Kerajaan Negeri yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat mensasarkan untuk memproses sejumlah 1,600 permohonan setahun bagi tahun 2002 dan 2003. Bagaimanapun, Piagam Pelanggan Pejabat tidak menyatakan secara khusus

tempoh bagi memproses Lesen kecuali menetapkan masa 2 minggu bagi mengeluarkan Lesen dari tarikh bayaran diterima.

#### **42.1.6 Kadar Bayaran Lesen**

Kadar bayaran tahunan bagi pembaharuan Lesen adalah mengikut keluasan tanah secara purata. Tanah yang mempunyai keluasan melebihi 1 hektar, bayarannya ialah RM600 manakala RM300 bagi yang kurang daripada 1 hektar. Bagaimanapun, pada bulan Julai 2003 Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 16 Tahun 2003 telah menetapkan kadar baru untuk tahun 2002 dan 2003. Tanah yang mempunyai keluasan 1 hektar dan lebih akan dikenakan bayaran sejumlah RM1,000. Sementara bagi keluasan kurang daripada 1 hektar, masih menggunakan kadar lama iaitu sejumlah RM300.

#### **42.1.7 Unit Penguatkuasaan**

Satu Unit Penguatkuasaan dianggotai 3 pegawai diwujudkan oleh Pejabat bagi kerja mengawasi dan bertindak terhadap kesalahan melanggar syarat penggunaan tanah dan syarat kelulusan Lesen. Bagi tujuan tersebut, Pejabat merancang untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan selama 4 hari dalam seminggu. Selain itu, penyiasatan segera akan dilakukan jika menerima laporan pencerobohan tanah Kerajaan atau sebarang kegiatan meragukan. Sebanyak 9 kawasan Lesen akan diliputi dalam tugas pemantauan dan penguatkuasaan sebagaimana di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Jadual Lawatan Penguatkuasaan**

Hari	Masa	
	Pagi	Petang
Isnin	Kg. Raja, Kuala Terla dan Lembah Bertam	Tiada
Selasa	Tiada	Habu, Ringlet, Kea Farm dan Tringkap
Rabu	Brinchang, Tanah Rata, Kg. Raja dan Kuala Terla	Tiada
Khamis	Tiada	Lembah Bertam, Habu dan Ringlet

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands*

**42.1.8 Dasar Kelulusan Lesen Baru**

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelarasan Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau-pulau berkaitan isu alam sekitar mencadangkan antara lain supaya Kerajaan Negeri Pahang:

- i) Membekukan cadangan pembangunan fizikal atau pertanian atas tanah Lesen di Cameron Highlands; dan
- ii) Semua kawasan pertanian yang diberikan Lesen tetapi kerja pembukaan tanah belum dimulakan hendaklah dibekukan pembukaan tanah tersebut sehingga Kajian Pembangunan Hill Station dan Kajian Pemetaan Terain bagi keseluruhan Cameron Highlands selesai dijalankan.

**Pihak Audit berpendapat perancangan pengurusan Lesen dan penguatkuasaan adalah memuaskan.**

**42.2 PELAKSANAAN**

Proses pengeluaran Lesen melibatkan 4 pihak iaitu pemohon, Pentadbir Tanah Daerah, Pengarah Tanah Dan Galian dan Pihak Berkuasa Negeri. Semua pihak termasuk pemohon berperanan memastikan kelancaran

proses kelulusan Lesen. Semakan Audit terhadap pengurusan Lesen mendapati perkara berikut:

#### **42.2.1 Keperluan Guna Tenaga**

Bagi melicinkan urusan memproses Lesen, Pejabat memperuntukkan 2 jawatan Pembantu Tadbir bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut. Bagaimanapun, berikutan kekosongan 1 jawatan Pembantu Tadbir di Unit Pelupusan Tanah, tugas memproses 2,138 Lesen setiap tahun diuruskan oleh seorang Pembantu Tadbir. Proses meliputi penyediaan senarai pemohon bagi permohonan baru, permohonan semula, membaharui dan tukar nama untuk diangkat ke Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah. Kertas Ringkas juga perlu disediakan untuk dikemuka kepada Pengarah Tanah Dan Galian. Selain itu, beliau bertanggungjawab menyelenggara daftar lesen, mengeluarkan notis kepada pelesen yang akan tamat tempoh dan Lesen yang telah diluluskan. Pegawai ini juga tidak pernah menghadiri sebarang kursus atau latihan berkaitan tugas hariannya.

**Pihak Audit berpendapat sekiranya kekosongan jawatan dapat diisi dan latihan secukupnya dapat diberi maka beban kerja pegawai yang memproses Lesen dapat dikurangkan.**

#### **42.2.2 Permohonan Baru**

Berkuat kuasa pada bulan April 2001, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah membekukan semua pembangunan fizikal dan aktiviti pertanian atas tanah Lesen Pendudukan Sementara di Cameron Highlands. Tindakan ini diambil berikutan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelarasan Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau-pulau berkaitan isu alam sekitar. Laporan ini adalah lanjutan kepada masalah hakisan tanah dan pencemaran alam sekitar yang telah menjadi isu nasional.

Bagaimanapun adalah didapati pada tahun 2003, Pejabat telah memproses sejumlah 53 permohonan Lesen baru yang diterima

pada tahun 2000 iaitu sebelum tarikh kuat kuasa pembekuan Lesen. Sehingga tarikh lawatan Audit, permohonan tersebut masih di peringkat Pengarah Tanah Dan Galian untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**Pada pandangan Audit, Pejabat telah mengambil tindakan yang tepat untuk tidak lagi menerima dan memproses permohonan baru selepas tarikh kuat kuasa arahan tersebut.**

#### **42.2.3 Permohonan Semula**

Seksyen 67(3) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa Lesen hendaklah diperbaharui semula selepas 3 kali pembaharuan dengan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Permohonan hendaklah dibuat sebelum 31 Disember tahun Lesen tamat dan dikemuka kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk tindakan selanjutnya. Pejabat telah menetapkan tarikh penyerahan permohonan sebelum 31 Oktober setiap tahun. Setiap permohonan perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah kemudian diangkat kepada Pengarah Tanah Dan Galian seterusnya untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

##### **i) Penyerahan Borang Permohonan**

Semakan Audit mendapati Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands telah menerima sebanyak 1,714 permohonan semula Lesen untuk diperbaharui pada tahun 2002 dan sebanyak 231 pada tahun 2003. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 1,635 permohonan telah diluluskan sehingga bulan Disember 2003. Sementara 310 permohonan masih di peringkat Pengarah Tanah Dan Galian. Semakan lanjut telah dibuat terhadap permohonan yang diterima bagi Lesen yang akan tamat pada tahun 2002 melibatkan Kampung Raja dan Lembah Bertam. Adalah didapati 80% pemohon gagal menyerah borang permohonan mereka sebelum 31 Disember 2001. Malah ada pemohon yang mengemukakan permohonan

sehingga bulan Jun 2002. Ini menyebabkan permohonan tersebut lewat dibawa ke Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah antara 2 hingga 4 bulan. Kedudukan penyerahan borang permohonan semula dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Kedudukan Penyerahan Borang Dan Mesyuarat**  
**Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah (JKPTD)**

Bil.	Tarikh Permohonan Diterima	Mesyuarat JKPTD		Tempoh (Bulan)
		Tarikh	Bil.	
1.	Januari 2002	23.05.2002	3/2002	4
2.	Februari – Mac 2002	21.06.2002	4/2002	3
3.	April 2002	23.07.2002	5/2002	3
4.	Mei – Jun 2002	21.08.2002	6/2002	2

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands*

#### ii) Proses Permohonan Semula

Setiap permohonan perlu mendapat ulasan dan pandangan daripada jabatan teknikal dan Pegawai Penempatan terlebih dahulu sebelum dibawa ke Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah. Cadangan dan syor Jawatankuasa terhadap setiap permohonan disedia dalam bentuk Kertas Ringkas dan dikemuka kepada Pengarah Tanah Dan Galian untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Semakan Audit terhadap permohonan semula Lesen bagi tahun 2002 telah dibuat melibatkan 1,635 permohonan. Tujuan semakan adalah untuk menentukan tempoh proses kelulusan permohonan dari peringkat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah hingga ke peringkat Pengarah Tanah Dan Galian. Adalah didapati Pejabat tidak menetapkan norma untuk tempoh proses permohonan semula. Tempoh masa yang lama diambil untuk mengemukakan Kertas Ringkas permohonan kepada Pengarah Tanah Dan Galian antara 37

hingga 124 hari. Manakala pihak Pengarah Tanah Dan Galian pula mengambil masa antara 26 hingga 200 hari bagi memproses permohonan tersebut sebelum dihantar untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, permohonan semula bagi tahun 2003 melibatkan 231 permohonan yang dikemukakan kepada Pengarah Tanah Dan Galian antara bulan Jun hingga Disember 2003 belum diproses. Sehubungan itu, Pejabat perlulah menetapkan norma untuk tempoh proses permohonan semula Lesen. Butiran adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Permohonan Semula Lesen Bagi Tahun 2002**

Tarikh Mesyuarat JKPTD	Bilangan Pemohon	Tarikh Hantar Ke PTG	Tempoh Proses (Hari)	Tarikh Kelulusan PTG	Tempoh Proses PTG (Hari)
23.03.2002	271	13.05.2002	51	22.07.2002	70
23.05.2002	379	24.09.2002	124	21.10.2002	27
21.06.2002	434	24.09.2002	95	05.11.2002	41
23.07.2002	274	11.10.2002	80	06.11.2002	26
21.08.2002	208	11.10.2002	51	26.12.2002	60
24.09.2002	27	31.10.2002	37	10.03.2003	130
30.11.2002	42	09.01.2003	40	29.07.2003	200
<b>Jumlah</b>	<b>1,635</b>				

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands*

Analisis lanjut mendapati antara punca kelewatan adalah kerana Pejabat tidak mengemuka Kertas Ringkas permohonan kepada Pengarah Tanah Dan Galian selepas setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah dibuat. Adalah didapati Kertas Ringkas tersebut dikemuka selepas 2 hingga 5 kali mesyuarat Jawatankuasa diadakan. Umpamanya, Kertas Ringkas bagi permohonan yang dibentang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2002 pada 23 Julai 2002 hanya dikemuka kepada Pengarah Tanah Dan Galian pada 11 Oktober 2002 iaitu lewat selama 80 hari.

**Pihak Audit berpendapat Pejabat perlu mencari mekanisme yang boleh menjamin proses permohonan semula dapat dibuat tanpa kelewatan.**

#### **42.2.4 Permohonan Membaharui Lesen**

Setiap permohonan membaharui Lesen perlu dikemuka sebelum 31 Oktober setiap tahun sebelum berakhir tempoh Lesen. Ini bagi membolehkan proses pembaharuan Lesen dapat dibuat dan diluluskan sebelum tempoh tamat dan bayaran dapat dibuat pada tahun yang sama. Perkara ini ada dinyatakan dalam borang permohonan berkaitan. Berbeza dengan Pentadbir Tanah Daerah yang lain, mulai bulan Januari 1998 kuasa melulus pembaharuan Lesen 3 tahun pertama bagi Daerah Cameron Highlands terletak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana dinyatakan dalam Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang Bil. 5 Tahun 1998. Proses kelulusan adalah sama seperti permohonan semula Lesen yang akan melalui peringkat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah, Pengarah Tanah Dan Galian dan seterusnya kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Semakan Audit mendapati sebanyak 207 permohonan membaharui telah diterima pada tahun 2002 dan 1,331 pada tahun 2003. Semakan rawak terhadap permohonan membaharui Lesen tahun 2002 bagi Mukim Ulu Tenom melibatkan Kampung Raja dan Lembah Bertam telah dibuat. Adalah didapati pemohon gagal menyerahkan borang permohonan mereka sebelum 31 Oktober 2001 seperti yang dikehendaki. Borang diserahkan antara bulan Januari hingga Mei 2002 atau melampaui 2 hingga 7 bulan daripada sepatutnya. Akibatnya, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah hanya diadakan pada bulan September 2002. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pula meluluskan permohonan tersebut pada bulan November 2002. Bagi permohonan membaharui 1,331 Lesen tahun 2003, sebanyak 5 kali mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan antara bulan Ogos hingga Disember 2003. Permohonan dikemukakan



kepada Pengarah Tanah Dan Galian antara bulan September hingga Disember 2003. Sehingga bulan Januari 2004, permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Butiran adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Proses Membaharui Lesen Bagi Tahun 2002 Dan 2003**

Tahun Lesen Tamat	Bilangan Lesen	Tarikh Kemuka Permohonan	Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa	Tarikh MMK Lulus	Tarikh Bayaran Lesen
2002	207	Januari - Mei 2002	24.09.2002	27.11.2002	Februari - April 2003
2003	1,331	-	September - Disember 2003	Belum Lulus (Hingga Januari 2004)	-

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands*

Adalah didapati kelulusan permohonan membaharui hanya dapat dibuat pada hujung tahun Lesen tamat dan tahun berikutnya. Ini menyebabkan bayaran Lesen berkaitan tidak dapat dijelaskan dalam tahun semasa. Kelewatan kelulusan permohonan ini adalah disebabkan kegagalan Pejabat menguatkuasakan tarikh akhir penyerahan borang permohonan sebelum 31 Oktober. Penyerahan borang berlanjutan sehingga bulan Mei tahun berikutnya mengakibatkan Pejabat mempunyai tempoh masa memproses yang terhad. Ini memberi kesan terhadap bayaran Lesen yang tidak sepatutnya dijelaskan dalam tahun berikutnya. Bagaimanapun, Pejabat menerima bayaran yang dibuat dengan mengambil kira sebagai Bayaran Khas.

Pada bulan Januari 2004, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penurunan kuasa membaharui Lesen kepada Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands berkuat kuasa sehingga bulan Disember 2004.

**Pihak Audit berpendapat Pejabat perlu menguatkuasakan tarikh penyerahan borang permohonan sebelum 31 Oktober seperti yang telah ditetapkan.**

#### **42.2.5 Penguatkuasaan**

Pejabat telah mewujudkan Unit Penguat Kuasa yang dianggotai seramai 3 orang kakitangan. Unit ini bertanggungjawab memantau dan menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang tanah. Tanggungjawab Unit ini juga adalah untuk mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut peraturan yang berkaitan terhadap pelanggaran undang-undang tanah.

Semakan Audit mendapati Unit ini telah menyediakan jadual lawatan pada setiap hari kecuali Jumaat dan Sabtu. Selain itu, lawatan dan penyiasatan segera dilakukan setelah menerima aduan daripada orang awam atau pihak tertentu terhadap sebarang pencerobohan tanah atau kegiatan yang meragukan. Satu daftar lawatan yang berkaitan dengan aduan ada diselenggarakan. Bagaimanapun, maklumat berhubung lawatan yang dibuat mengikut jadual tugas tidak disediakan. Sementara itu, tidak ada koordinasi di antara Unit ini dengan pegawai yang menguruskan Lesen bagi memantau kegiatan penerokaan haram dan pelanggaran syarat Lesen seperti Lesen telah disewakan.

**Pihak Audit berpendapat Unit Penguat Kuasa perlu diperkemas bagi memantau pengurusan Lesen. Koordinasi dan kerjasama dengan pegawai yang mengurus Lesen bagi mendapatkan maklumat berkaitan perlu dipertingkatkan agar sebarang pelanggaran syarat Lesen dapat dikesan dan diambil tindakan sewajarnya.**

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengurusan dan proses mengeluarkan Lesen menunjukkan kelewatan yang ketara di peringkat Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands serta Pengarah Tanah**

**Dan Galian. Aspek penguatkuasaan juga perlu diperkemaskan dengan membuat lawatan yang lebih kerap ke kawasan Lesen.**

### **42.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang dijalankan dengan cekap dan berkesan akan dapat memastikan sesuatu perancangan dilaksanakan dengan teratur dan menepati kehendak undang-undang. Semakan Audit terhadap pemantauan pengurusan Lesen mendapati perkara berikut:

#### **42.3.1 Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah**

Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah berperanan menyelesaikan sebarang masalah berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah daerah serta meneliti permohonan Lesen. Adalah didapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 10 kali pada tahun 2002 dan 12 kali pada tahun 2003. Bagaimanapun, masalah berkaitan Lesen yang gagal diperbaharui atau dipohon semula tidak dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa.

#### **42.3.2 Surat Peringatan**

Pejabat telah mengambil tindakan menghantar surat peringatan kepada pelesen yang akan tamat tempoh bagi tahun 2002 dan 2003. Surat pemberitahuan mengenai Lesen yang telah diluluskan dan jumlah bayaran yang dikenakan turut dihantar kepada pelesen berkenaan.

**Pada pendapat Audit, tindakan memberi peringatan kepada pemohon yang Lesennya telah tamat tempoh perlulah diteruskan. Selain itu, perbincangan Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah perlulah lebih meluas termasuk mengenai Lesen yang gagal diperbaharui atau dipohon semula.**

#### **43. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhan pengurusan Lesen ini di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands perlu dipertingkatkan. Kelewatan dalam proses kelulusan bagi membaharui dan permohonan semula Lesen memberi kesan terhadap bayaran Lesen. Aspek pemantauan juga perlu dipertingkat dengan mewujudkan koordinasi yang lebih berkesan antara Unit Penguat Kuasa dengan Unit Pelupusan Tanah.

## **BAHAGIAN IV**

### **BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

#### **44. PENDAHULUAN**

Selain mengaudit Penyata Akaun Awam, pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan aktiviti Jabatan, pengauditan juga dijalankan terhadap agensi Kerajaan Negeri. Ada 21 agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada 9 Badan Berkanun Negeri, sebanyak 11 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam. Pada tahun 2003, selain mengaudit penyata kewangan tahunan agensi berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan auditan pengurusan kewangan dan kajian terhadap beberapa program dan aktiviti beberapa agensi. Aktiviti pengauditan dan agensi terlibat adalah seperti berikut:

- i) Pengurusan Kewangan**
  - a)** Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
  - b)** Majlis Daerah Pekan
  
- ii) Kajian Program dan Aktiviti**
  - a)** Projek Pusat Pertumbuhan Desa
  - b)** Projek Perumahan Puncak Arabella

Pemerhatian Audit mengenai perkara yang dikaji telah dimaklumkan kepada agensi terlibat dan hanya isu dan perkara penting dilaporkan dalam Bahagian ini.

#### **45. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk menentukan sama ada akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan betul dan tepat. Daripada 21 Agensi Kerajaan Negeri

tersebut, penyata kewangan bagi 8 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya, pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit beserta fail kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara material dibangkitkan, bukti audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta dinilai dan akan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

#### **46. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Akta Audit 1957, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Sehingga bulan Julai 2004, kedudukan penyerahan akaun agensi semakin baik di mana 18 daripada 21 agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2002 iaitu 6 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 Majlis Agama Islam. Hanya 1 Badan Berkanun Negeri belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2000 hingga 2002. Kedudukan terperinci penyerahan akaun agensi sehingga bulan Julai 2004 adalah seperti **Lampiran III**.

Jabatan Audit Negara mendapati antara faktor utama yang menyebabkan agensi Negeri lewat mengemukakan penyata kewangan adalah:

- i) Kurang tanggungjawab dan pemantauan oleh Ketua Jabatan terhadap penyediaan penyata kewangan;
- ii) Pegawai yang bertanggungjawab mempunyai beban kerja yang banyak dan tidak memberi keutamaan terhadap penyediaan penyata kewangan;
- iii) Pegawai yang bertanggungjawab tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai penyediaan penyata kewangan dan penyenggaraan rekod kewangan;
- iv) Kelemahan penyenggaraan dokumen sokongan untuk menyediakan penyata kewangan; dan
- v) Bagi agensi yang mempunyai syarikat subsidiari, kelewatan penyediaan penyata kewangan disatukan adalah disebabkan syarikat subsidiari lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit.

Untuk mengatasi masalah kelewatan penyerahan penyata kewangan oleh semua agensi Negeri, Jabatan Audit Negara mencadangkan pegawai yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan diberikan kursus dan latihan secara konsisten. Ketua Jabatan hendaklah diberi penerangan mengenai kepentingan menyediakan penyata kewangan dan implikasinya sekiranya gagal disediakan. Pihak Kerajaan Negeri diharapkan mengambil perhatian yang lebih dan bertindak lebih tegas mengenai kelewatan penyerahan penyata kewangan agensi.

#### **47. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

Sehingga akhir bulan Julai 2004, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sejumlah 42 penyata kewangan Agensi iaitu 20 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, dua puluh penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 penyata kewangan Majlis Agama Islam. Sejumlah 28 adalah Sijil Tanpa Teguran iaitu 11 bagi Badan Berkanun Negeri dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan serta 2 Majlis Agama Islam. Manakala Sijil Berteguran telah diberi kepada sebanyak 9 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 5 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat lanjut mengenai persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran IV**.

Penyata kewangan disahkan dengan Sijil Berteguran apabila terdapat isu yang dibangkitkan menjejaskan pengesahan Audit terhadap angka di penyata kewangan sama ada dari aspek pematuhan kepada piawaian perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Antara isu yang dibangkitkan seperti berikut:

- i) Butiran tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan;
- ii) Penyelenggaraan rekod perakaunan tidak kemas kini; dan
- iii) Tidak mematuhi piawaian perakaunan.

#### **48. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 31 Julai 2004, sebanyak 23 penyata kewangan yang telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Lapan daripadanya adalah penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 15 adalah penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara sebabnya ialah kegagalan Agensi berkenaan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarahnya untuk membincangkan penyata kewangan yang telah disahkan sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat terperinci mengenai pembentangan penyata kewangan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti **Lampiran V**.

#### **49. PRESTASI KEWANGAN**

##### **49.1 KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI**

Analisis penyata kewangan dibuat terhadap kedudukan kewangan 3 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 yang telah diserahkan untuk diaudit. Maklumat mengenai kedudukan kewangan bagi Badan Berkanun tersebut adalah seperti di **Jadual 31**.



**Jadual 31**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002**

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	78.38	68.34	10.04	114.34	299.70	(185.36)
2.	Lembaga Pembangunan Tioman	5.99	5.46	0.53	8.33	7.82	0.51
3.	Yayasan Pahang	18.23	29.29	(11.06)	39.17	87.54	(48.37)

*Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri*

**49.1.1 Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang**

Prestasi kewangan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang bagi tahun 2002 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Lembaga pada tahun 2002 adalah berjumlah RM78.38 juta manakala perbelanjaan Lembaga adalah berjumlah RM68.34 juta. Ini bermakna Lembaga memperoleh lebih sejumlah RM10.04 juta berbanding defisit sejumlah RM23.46 juta pada tahun 2001. Penyumbang utama peningkatan pendapatan Lembaga adalah peningkatan bagi pendapatan lain daripada operasi sejumlah RM20.90 juta.

Aset semasa Lembaga pada 31 Disember 2002 adalah berjumlah RM114.34 juta manakala liabiliti semasa Lembaga adalah RM299.70 juta. Jika dilihat dari nisbah semasa, Lembaga adalah kurang upaya bagi menjelaskan liabiliti semasanya dalam jangka masa pendek memandangkan nisbah semasa Lembaga adalah pada kadar 0.38:1 iaitu berada di bawah paras minimum.

#### **49.1.2 Lembaga Pembangunan Tioman**

Prestasi kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada tahun 2002 juga adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2002 Lembaga memperolehi pendapatan berjumlah RM5.99 juta manakala perbelanjaan Lembaga pula adalah berjumlah RM5.46 juta. Ini merupakan lebih sejumlah RM0.53 juta berbanding RM0.15 juta pada tahun 2001. Peningkatan pendapatan Lembaga pada tahun 2002 adalah disebabkan peralihan kuasa bagi mengutip cukai taksiran kawasan Pulau Tioman kepada Lembaga daripada Majlis Daerah Rompin.

Nisbah semasa Lembaga pada tahun 2002 adalah memuaskan iaitu berada pada kadar 1.06:1. Keupayaan Lembaga bagi menjelaskan liabiliti semasanya adalah baik.

#### **49.1.3 Yayasan Pahang**

Prestasi kewangan Yayasan Pahang bagi tahun 2002 adalah menurun berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Yayasan pada tahun 2002 adalah berjumlah RM18.23 juta berbanding RM32.50 juta pada tahun 2001. Perbelanjaan Yayasan pada tahun 2002 meningkat sejumlah RM1.03 juta menjadi RM29.29 juta. Ini menyebabkan Yayasan mengalami defisit sejumlah RM11.06 juta pada tahun 2002 berbanding keuntungan sejumlah RM4.24 juta pada tahun 2001. Faktor utama defisit Yayasan adalah penurunan pendapatan konsesi sejumlah RM15.76 juta dan peningkatan perbelanjaan elaun rosot nilai saham sejumlah RM1.02 juta dan sumbangan masyarakat sejumlah RM1.69 juta.

Kedudukan aset semasa Yayasan berbanding liabiliti semasa adalah pada kadar 0.45:1. Keupayaan Yayasan bagi menjelaskan liabiliti semasa adalah kurang upaya memandangkan liabiliti semasa Yayasan adalah lebih tinggi berbanding aset semasa.

## 49.2 KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Analisis kedudukan kewangan dilakukan terhadap 10 Pihak Berkuasa Tempatan sahaja kerana Majlis Daerah Rompin masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2002. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, hanya 3 daripada 10 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatat lebih pendapatan iaitu Majlis Daerah Bentong, Majlis Daerah Cameron Highlands dan Majlis Daerah Maran iaitu sejumlah RM2.32 juta, RM0.69 juta dan RM0.01 juta masing-masing. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan yang lainnya mengalami defisit antara RM0.35 juta hingga RM3.14 juta. Analisis yang dibuat terhadap aset dan liabiliti semasa Pihak Berkuasa Tempatan pula menunjukkan kedudukan nisbah semasa kesemua Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik kecuali Majlis Daerah Pekan yang mencatatkan nisbah semasa pada kadar 0.57:1 iaitu berada di bawah paras minimum. Kedudukan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002**

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	55.04	57.67	(2.63)	26.07	12.98	13.09
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	14.34	14.69	(0.35)	11.48	3.32	8.16
3.	Majlis Daerah Bentong	20.10	17.78	2.32	18.50	1.45	17.05
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	5.56	4.87	0.69	14.06	2.87	11.19
5.	Majlis Daerah Raub	5.83	6.72	(0.89)	3.70	0.84	2.86
6.	Majlis Daerah Jerantut	6.55	7.21	(0.66)	1.69	1.27	0.42
7.	Majlis Daerah Lipis	4.75	5.33	(0.58)	2.03	0.68	1.35
8.	Majlis Daerah Bera	4.17	5.17	(1.00)	6.08	1.21	4.87
9.	Majlis Daerah Maran	4.29	4.28	0.01	3.17	0.97	2.20
10.	Majlis Daerah Pekan	9.81	12.95	(3.14)	3.99	6.93	(2.94)

Sumber: *Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

### 49.3 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Lapan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2002 berbanding tahun 2001. Tiga daripadanya mengalami kenaikan tunggakan melebihi RM0.50 juta iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Daerah Bentong. Manakala 2 Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran iaitu Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Pekan sejumlah RM0.08 juta dan RM0.86 juta masing-masing. Kedudukan tunggakan hasil cukai taksiran bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti **di Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2001 Dan 2002**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Tahun 2001 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2002 (RM Juta)</b>	<b>Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)</b>
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	15.37	15.91	0.54
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	4.63	5.17	0.54
3.	Majlis Daerah Bentong	1.83	2.47	0.64
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.78	0.79	0.01
5.	Majlis Daerah Raub	1.42	1.60	0.18
6.	Majlis Daerah Jerantut	1.43	1.35	(0.08)
7.	Majlis Daerah Lipis	0.73	0.86	0.13
8.	Majlis Daerah Bera	0.14	0.23	0.09
9.	Majlis Daerah Maran	1.02	1.17	0.15
10.	Majlis Daerah Pekan	1.75	0.89	(0.86)

*Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **50. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (Perbadanan) telah ditubuhkan pada tahun 1965 melalui Enakmen Negeri Pahang Bil. 12 Tahun 1965. Sejalan dengan fungsinya sebagai agensi pembangunan Negeri, Perbadanan bertanggungjawab bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha pembangunan ekonomi dan sosial Negeri terutama di kawasan luar bandar. Sehingga bulan Disember 2003, Perbadanan telah memperolehi hasil berjumlah RM17.01 juta. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan Perbadanan bagi tahun 2003 adalah berjumlah RM11.95 juta dan RM17.30 juta.

#### **51. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, akaun amanah, aset serta inventori. Pengauditan adalah ditumpukan terhadap rekod kewangan tahun 2003 seperti Buku Tunai, Lejar, Daftar Aset, Buku Vot dan sebagainya. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat turut diadakan.

#### **52. PENEMUAN AUDIT**

##### **52.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan merupakan aspek kawalan dalaman yang penting untuk menentukan organisasi dapat berfungsi dengan lancar dan sempurna. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan Perbadanan mendapati perkara berikut:

### **52.1.1 Struktur Organisasi**

Pengurusan Perbadanan diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif dan 2 Pegawai Tadbir (N54) dan dibantu oleh 6 Pegawai Tadbir (N48) dan seorang Pengurus Kewangan (W48). Organisasi Perbadanan terbahagi kepada 4 sektor merangkumi 9 unit diketuai oleh 16 orang Pegawai Tadbir (N41), dua Akauntan (W41) dan seorang Jurutera (J41). Jumlah perjawatan tetap yang diluluskan pada tahun 2003 adalah 154 dan daripada jumlah tersebut 140 perjawatan telah diisi. Empat belas kekosongan yang berlaku adalah daripada Kumpulan Sokongan berikutan kenaikan pangkat dan persaraan wajib. Selain itu, sejumlah 31 jawatan kontrak telah diluluskan terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

### **52.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual Prosedur Kerja adalah manual rujukan rasmi Jabatan yang mengandungi objektif dan fungsi, prosedur dan proses kerja yang jelas serta pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan seperti dinyatakan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyediakan Manual Prosedur Kerja. Pada tahun 2002, Perbadanan telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2000 daripada SIRIM bagi 30 prosedur kerja merangkumi prosedur kerja mengenai urusan pentadbiran, kewangan, industri, projek dan keusahawanan.

### **52.1.3 Fail Meja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan supaya Fail Meja disediakan sebagai rujukan untuk kakitangan semasa menjalankan tugas setiap hari. Semakan Audit di Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia serta di Bahagian Kewangan mendapati Fail Meja untuk semua pegawai dan kakitangan ada disediakan.

Semua pegawai dan kakitangan di Bahagian Kewangan Perbadanan telah disediakan senarai tugas yang lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap senarai tugas tersebut mendapati pengasingan tugas dan tanggungjawab utama kewangan setiap kakitangan dinyatakan dengan jelas.

#### **52.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, setiap Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi membincang dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan urusan kewangan. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun. Adalah didapati Perbadanan belum menubuhkan Jawatankuasa ini. Namun begitu, aspek berkaitan urusan kewangan Perbadanan ada dibincangkan semasa mesyuarat pengurusan.

#### **52.1.5 Jawatankuasa Audit**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menjelaskan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit bagi Badan Berkanun. Adalah didapati Jawatankuasa ini telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Jun 1991. Bagaimanapun, adalah didapati Jawatankuasa ini tidak aktif sehingga tahun 2002. Pada tahun 2003, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali.

#### **52.1.6 Kursus Dan Latihan Kakitangan**

Pada tahun 2002 dan 2003, hampir semua kakitangan Perbadanan telah diberi peluang untuk menghadiri kursus dan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan lagi kecekapan. Latihan yang diberi adalah dianjurkan sama ada oleh Perbadanan atau pihak luar. Pada tahun 2002 dan 2003, sebanyak 6 kursus dan latihan telah diberikan kepada 23 orang pegawai dan kakitangan Bahagian Kewangan seperti Kursus Perakaunan



Berkomputer, Prosedur Kewangan, Prinsip Arahan Keselamatan, Bajet dan Seminar Pengurusan Kewangan Strategik.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan Perbadanan adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, Perbadanan perlu mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi membantu pihak pengurusan dalam hal ehwal kewangan dan perakaunan.**

## **52.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2003, hasil Perbadanan adalah berjumlah RM17.01 juta. Hasil utama Perbadanan terdiri daripada sewaan, jualan kawasan perindustrian serta jualan bangunan dan tanah. Semakan Audit mendapati rekod hasil seperti penyelenggaraan buku tunai, urusan pengeluaran resit rasmi dan membukukan resit telah dilaksana dengan sempurna. Kemasukan wang ke bank dibuat tanpa kelewatan. Walaupun begitu beberapa aspek kawalan hasil seperti berikut perlu diberi perhatian.

### **52.2.1 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309(a) dan (b) menetapkan bahawa pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai, setem dan panjar wang runcit yang dipegang oleh Jabatan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. Tujuan pemeriksaan mengejut ini diadakan untuk memastikan wang tunai, setem dan panjar dikendalikan dengan betul oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Pemeriksaan ini hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. Adalah didapati Perbadanan belum melaksanakan pemeriksaan mengejut seperti ditetapkan.

### **52.2.2 Daftar Mel**

Daftar Mel hendaklah diselenggara bagi merekodkan penerimaan wang, dokumen atau barang berharga melalui pos atau penghantaran. Pegawai yang bertanggungjawab bagi mengakaun butiran itu hendaklah mencatatkan nombor resit dalam daftar

tersebut. Daftar itu hendaklah disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh pegawai penyelia bagi memastikan segala terimaan wang atau cek dikeluarkan resit dengan sempurna dan diakaunkan tanpa kelewatan. Semakan Audit mendapati daftar tersebut ada diselenggarakan tetapi tidak lengkap kerana nombor resit terhadap penerimaan cek tidak direkodkan.

### **52.2.3 Daftar Cek Tidak Laku**

Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyelenggara Daftar Cek Tidak Laku. Oleh itu bilangan cek tidak laku dan penggantian cek tersebut tidak dapat dipastikan. Memandangkan Perbadanan tidak mempunyai peraturannya sendiri, Perbadanan hendaklah menerima pakai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 1994 berkaitan cek tidak laku.

### **52.2.4 Tunggakan Hasil**

Mengikut Laporan Kewangan Perbadanan sehingga akhir tahun 2003, tunggakan hasil Perbadanan berjumlah RM199.20 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan hasil bagi jualan tapak tanah perindustrian sejumlah RM170.94 juta, jualan bangunan dan tanah sejumlah RM23.98 juta dan tunggakan sewa sejumlah RM4.28 juta.

#### **i) Tunggakan Jualan Tapak Bangunan Perindustrian**

Pada tahun 2003, hasil jualan 4 tapak tanah perindustrian masih tertunggak berjumlah RM170.94 juta. Tunggakan ini berlaku sejak tahun 1998 apabila perjanjian jual beli ditandatangani. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM18.90 juta bayaran bagi 3 tapak belum diterima oleh Perbadanan disebabkan masalah hak milik dan sekatan status tanah rezab yang belum diselesaikan. Sementara itu penjualan bagi satu lagi tapak sejumlah RM152.04 juta, Perbadanan telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat menamatkan perjanjian bulan Ogos 2003 kerana gagal menjelaskan bayaran mengikut jadual.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah berusaha dengan lebih giat untuk memungut tunggakan dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan jualan tapak perindustrian.**

### **52.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2003, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM11.95 juta bagi belanja mengurus dan sejumlah RM17.30 juta bagi belanja pembangunan. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati perkara berikut:

#### **52.3.1 Kawalan Bajet**

Perbadanan menyediakan anggaran belanjawan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan setiap tahun dan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati anggaran belanjawan bagi tahun 2003 telah diluluskan sejumlah RM12.77 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM19.59 juta bagi perbelanjaan pembangunan pada Mesyuarat Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 9 Tahun 2002 bertarikh 19 Disember 2002. Perbelanjaan sebenar Perbadanan bagi perbelanjaan mengurus adalah sejumlah RM11.95 juta manakala perbelanjaan sebenar bagi pembangunan adalah sejumlah RM17.30 juta.

#### **52.3.2 Daftar Pembayaran**

Arahan Perbendaharaan 98(a) menetapkan bahawa satu Daftar Pembayaran hendaklah diselenggarakan di setiap pejabat yang menunjukkan butiran mengenai semua wang tunai dan cek terbuka yang dikeluarkan atau diterima untuk diagihkan. Adalah didapati bahawa daftar ini tidak diselenggarakan oleh pihak Perbadanan.

Di samping itu, ada juga cek yang dikeluarkan tidak terus dihantar kepada penerima sebaliknya disimpan dalam peti besi. Sehingga

bulan Disember 2003, semakan Audit mendapati 37 keping cek bernilai RM1.27 juta yang dikeluarkan antara bulan September hingga Oktober 2003 masih tersimpan dalam peti besi.

### **52.3.3 Kuasa Menandatangani Cek**

Peraturan Kewangan Dan Perakaunan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri ada diguna pakai oleh Perbadanan dengan beberapa pindaan seperti keputusan Mesyuarat Jemaah Pengarah Bil. 5 Tahun 1979. Walau bagaimanapun, ada percanggahan mengenai kuasa menandatangani cek dalam peraturan tersebut dengan minit Mesyuarat Jemaah Pengarah Bil. 1 Tahun 1988 bertarikh 27 Januari 1988. Minit mesyuarat tersebut menjelaskan kuasa bagi menandatangani cek yang melebihi RM1 juta hendaklah ditandatangani sendiri oleh Pengerusi dan Pengurus Besar atau 2 pegawai lain yang diberi kuasa. Pindaan ini masih belum diselaraskan dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Perbadanan kerana mengikut peraturan tersebut urusan menandatangani cek adalah di bawah kuasa Ketua Eksekutif dan 2 pegawai lain yang diberi kuasa olehnya tanpa melibatkan Pengerusi Perbadanan.

### **52.3.4 Daftar Bil**

Perbadanan ada menyediakan Daftar Bil yang diselenggarakan oleh Bahagian Pentadbiran. Bil yang diterima diperakui oleh pegawai yang diberi kuasa. Walau bagaimanapun, bil yang diterima tidak dicap tarikh diterima.

### **52.3.5 Buku Tunai**

Semakan Audit terhadap Buku Tunai menunjukkan ianya telah diselenggara dengan memuaskan. Walau bagaimanapun, ada cek bayaran dikeluarkan melebihi baki Buku Tunai. Keadaan ini berlaku pada bulan Februari, Mac, Jun, Ogos dan November 2003 dengan baki Buku Tunai terlebih dikeluarkan antara RM0.48 juta hingga RM3.09 juta. Butiran lanjut seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Baki Terlebih Dikeluarkan Di Buku Tunai Harian**

Bulan	Baki Awal (RM)	Penerimaan (RM)	Pembayaran (RM)	Baki Akhir (RM)
Januari	3,337,429	1,905,144	4,267,262	975,312
Februari	975,312	1,083,002	2,776,457	(718,143)
Mac	(718,143)	3,702,177	3,460,617	(476,584)
April	(476,584)	3,223,086	1,631,493	1,115,009
Mei	1,115,009	994,686	1,883,128	176,567
Jun	176,567	786,635	2,364,867	(1,401,665)
Julai	(1,401,665)	7,429,746	4,520,541	1,507,540
Ogos	1,507,540	1,142,480	3,684,535	(1,034,515)
September	(1,034,515)	3,583,492	2,411,985	136,992
Oktober	136,992	2,657,230	2,411,376	382,845
November	382,845	1,066,116	4,538,540	(3,089,579)
Disember	(3,089,579)	9,124,170	2,982,667	3,051,924

*Sumber: Buku Tunai Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang*

#### **52.3.6 Buku Vot**

Garis panduan untuk penyelenggaraan Buku Vot dinyatakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 dan Tahun 1993 (Pindaan). Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyediakan Buku Vot secara manual. Sebaliknya, kawalan peruntukan Perbadanan adalah melalui sistem berkomputer. Pihak Audit mendapati sistem yang diguna pakai ada mempunyai kawalan yang sewajarnya.

#### **52.3.7 Lembaga Tender Dan Jawatankuasa Sebut Harga**

Pihak Perbadanan ada menubuhkan Lembaga Tender Dan Jawatankuasa Sebut Harga seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 197.2(a). Tender Perbadanan yang bernilai melebihi RM5 juta diluluskan oleh Ahli Lembaga Perbadanan manakala tender bernilai kurang daripada RM5 juta diluluskan oleh Jawatankuasa Tender yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Perbadanan. Sebut harga bagi projek pula adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Perbadanan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Perbadanan perlu dipertingkatkan terutama kawalan terhadap Buku Tunai dan mewujudkan peraturan yang jelas mengenai kelulusan terhadap pembayaran.**

#### **52.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Perbadanan mempunyai pelaburan dalam 9 syarikat subsidiari dan pelaburan saham dalam 5 syarikat tersiar harga dan 5 syarikat tidak tersiar harga serta dalam 2 saham amanah. Sehingga akhir tahun 2003, kedudukan pelaburan modal Perbadanan di dalam syarikat terbabit ialah 227.13 juta unit saham yang bernilai RM312.91 juta. Daripada jumlah tersebut adalah didapati 7 daripada 21 syarikat yang dilabur melibatkan syarikat subsidiari dan saham tidak tersiar harga yang telah diperuntukkan rosot nilai 100% iaitu berjumlah RM104.94 juta atau 34% menjadikan baki pelaburan sejumlah RM207.97 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan Perbadanan mendapati perkara berikut:

##### **52.4.1 Jawatankuasa Pelaburan**

Semakan Audit mendapati sehingga kini Perbadanan masih belum mewujudkan Jawatankuasa Pelaburan untuk mengkaji dan menilai sebarang cadangan pelaburan sebelum ianya dibawa ke Mesyuarat Ahli Perbadanan untuk kelulusan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada pengurusan terhadap perkembangan aktiviti pemantauan dan kawalan terhadap pelaburannya serta memperolehi pulangan yang kompetitif. Walaupun kertas kerja berkaitan cadangan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pelaburan telah disediakan dan dibawa ke Mesyuarat Ahli Perbadanan pada bulan September 2002 tetapi keputusan tersebut telah ditangguhkan. Bagaimanapun, Perbadanan telah mewujudkan Bahagian Kawalan Pelaburan bagi memantau prestasi semua pelaburan Perbadanan termasuk prestasi syarikat subsidiari.

#### **52.4.2 Kelulusan Menteri Kewangan**

Merujuk kepada perenggan 14(1) (b), Jadual Kedua Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Pindaan), sesuatu Perbadanan boleh menambahkan pegangan ekuiti, saham atau memberi pinjaman dengan mendapatkan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan sekiranya nilai pelaburan tersebut melebihi RM5 juta. Adalah didapati pelaburan Perbadanan bagi 2 buah syarikat dengan pelaburan sejumlah RM34.52 juta dan RM69.80 juta masing-masing tidak mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan Perbadanan perlu dipertingkatkan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pelaburan bagi tujuan pemantauan. Selain itu, Perbadanan juga perlu mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan dengan pelaburan.**

### **52.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Pada akhir bulan Disember 2003, baki pinjaman Perbadanan dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi lain adalah berjumlah RM690.68 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM150.19 juta merupakan pinjaman dengan Kerajaan Negeri dan Persekutuan manakala RM540.49 juta daripada Institusi Kewangan.

#### **52.5.1 Pinjaman Perbadanan Dengan Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri**

Sehingga bulan Disember 2003, baki pinjaman Perbadanan dengan Kerajaan Persekutuan adalah sejumlah RM32.85 juta sementara baki pinjaman dengan Kerajaan Negeri sejumlah RM117.34 juta. Perbadanan telah memperolehi penangguhan bayaran balik pinjaman ini selepas tahun 2012. Keputusan ini adalah berdasarkan persetujuan Kerajaan Persekutuan berikutan penyusunan semula hutang Perbadanan sehingga selesai penebusan bon pada tahun 2012.

## 52.5.2 Pinjaman Dengan Institusi Kewangan Dan Penyusunan Semula Hutang Perbadanan

Sehingga 30 November 2001, hutang Perbadanan dengan Institusi Kewangan adalah sejumlah RM514 juta. Satu cadangan telah dikemukakan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang yang ke 13 Tahun 2002 pada bulan Mei 2002 bagi tujuan cadangan penyusunan semula hutang Perbadanan dengan bank oleh sebuah institusi kewangan tempatan. Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju bahawa:

- i) Perbadanan boleh menerbitkan bon dalam tiga *tranche* berjumlah sehingga RM560 juta nilai nominal pada kadar kupon 1% setahun *dan yield to maturity* di antara 4.25% hingga 5.05%. Bon ini akan ditebus pada tahun ke-5, ke-8 dan ke-10 bermula tahun 2007;
- ii) Kerajaan Negeri menjadi penjamin kepada bon berjumlah sehingga RM560 juta (nilai nominal) dan kupon ke atas bon yang diterbitkan oleh Perbadanan nanti; dan
- iii) Pembayaran pinjaman Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan ditangguhkan sehingga selesai penebusan bon tersebut.

Semakan Audit mendapati penyusunan hutang Perbadanan ini telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan melalui suratnya kepada Kerajaan Negeri bertarikh 19 September 2002. Satu perjanjian mengenai Surat Ikatan Amanah telah ditandatangani pada 12 November 2002 di antara Perbadanan dengan pihak pemberi pinjaman bagi penerbitan bon oleh pihak Perbadanan. Tiga *tranche* penerbitan bon adalah seperti berikut:



<i>Tranche</i>	Nilai Nominal (RM Juta)	Tahun Ditebus
1	116.73	5 (2007)
2	159.36	8 (2010)
3	235.81	10 (2012)

Sumber: Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

Dalam usaha untuk membolehkan hutang ini dapat diselesaikan pada masa yang ditetapkan, Perbadanan dikehendaki membuka akaun *sinking fund*. Akaun *sinking fund* ini hendaklah digunakan untuk tujuan berikut:

- i) Menebus semula bon pada tarikh matang;
- ii) Membayar kadar kupon 2 kali setahun dan membuat *mandatory redemption* jika jumlah bersih di dalam akaun melebihi RM10 juta pada setiap ketika selepas bayaran untuk kupon dibuat; dan
- iii) Untuk digunakan oleh Perbadanan bagi melupuskan tanggungjawab Perbadanan berkaitan dengan terbitan bon selaras dengan peruntukan di dalam Surat Ikatan Amanah.

Pihak Perbadanan juga pada setiap akhir tahun dikehendaki menandatangani 50% daripada lebih tunai dan bersamaan tunai seperti di Penyata Aliran Tunai ke dalam akaun *sinking fund* tersebut. Jika perlu, Perbadanan dikehendaki melupuskan asetnya bagi membiayai bon tersebut. Satu Jawatankuasa Pelupusan Aset telah pun ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh wakil Kementerian Kewangan dengan dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri dan Perbadanan.

### 52.5.3 Daftar Pinjaman

Perbadanan tidak menyelenggarakan daftar untuk merekod butiran pinjaman seperti ansuran pinjaman yang diterima, tarikh perjanjian pinjaman, tarikh bayaran balik bermula dan jadual bayaran balik. Daftar tersebut adalah penting untuk membolehkan rujukan dibuat dengan segera mengenai setiap pinjaman yang

diterima dan bakinya pada sesuatu tarikh serta memantau bayaran balik yang perlu dijelaskan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman adalah kurang memuaskan.**

## **52.6 PENGURUSAN DEPOSIT**

Pada tahun 2003, Perbadanan mempunyai deposit sejumlah RM1.27 juta. Sebahagian besar deposit merupakan deposit sewa kedai, bangunan, kediaman, gerai dan sebagainya. Semakan Audit terhadap pengurusan deposit mendapati perkara berikut dilaksanakan oleh Perbadanan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

- i) Rekod subsidiari seperti akaun individu dan daftar ada diselenggara;
- ii) Segala bayaran balik cagaran dan deposit direkodkan dalam Lejar Am dan Lejar Subsidiari; dan
- iii) Maklumat deposit dalam Lejar Am disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

**Pada pendapat Audit, pengurusan deposit Perbadanan adalah baik.**

## **52.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Aset Perbadanan terdiri daripada tanah, bangunan, kenderaan, loji dan mesin, peralatan dan kelengkapan pejabat dan pelbagai aset tetap yang lain. Pada tahun 2003, nilai keseluruhan aset tetap Perbadanan dilaporkan berjumlah RM60.59 juta. Tanah dan bangunan merupakan aset utama Perbadanan dengan jumlah RM37.54 juta. Pada tahun 2003, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM3.95 juta untuk pembelian aset. Butiran aset Perbadanan adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Harta Tetap Perbadanan Sehingga Bulan Disember 2003**

Bil.	Jenis Aset	Nilai (RM Juta)
1.	Tanah Dan Bangunan	37.54
2.	Tanah Pajakan	15.63
3.	Perabot, Kelengkapan Dan Peralatan Pejabat	5.39
4.	Kenderaan Bermotor, Loji Dan Mesin	1.36
5.	Pelbagai Aset Tetap	0.67
<b>Jumlah</b>		<b>60.59</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

#### **52.7.1 Aset Tanah Dan Bangunan**

Semakan Audit mendapati Perbadanan mempunyai sebanyak 767 geran hak milik di setiap daerah kecuali Daerah Maran dan Cameron Highlands. Tanah tersebut terdiri daripada tanah milik bebas dan juga tanah pajakan dari 30 hingga 99 tahun. Manakala syarat kegunaan tanah pula meliputi bangunan perniagaan, bangunan kediaman dan pertanian. Semakan Audit mendapati daftar aset tanah diselenggara dengan lengkap meliputi maklumat seperti nombor hak milik, keluasan, syarat kegunaan, kadar cukai dan status tanah sama ada pajakan atau milik bebas.

#### **52.7.2 Aset Dan Inventori**

Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggarakan Daftar Induk aset dan inventori. Senarai tersebut dibuat mengikut pegangan di setiap bahagian. Bagaimanapun, Bahagian Pentadbiran sedang dalam proses mengemas kini maklumat aset dan inventori secara menyeluruh.

Perbadanan masih belum mewujudkan satu Jawatankuasa Pemeriksaan Aset bagi memeriksa semua aset dan inventori setiap tahun. Perbadanan akan mewujudkan Jawatankuasa tersebut selepas tindakan mengemas kini maklumat berkaitan selesai.

### **52.7.3 Aset Kenderaan**

Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab menguruskan kenderaan Perbadanan. Sehingga bulan Disember 2003, Perbadanan mempunyai pegangan kenderaan sejumlah 10 buah terdiri daripada 3 buah pacuan empat roda, enam buah kereta dan sebuah van. Sejumlah 8 buah kenderaan didaftarkan atas nama Perbadanan manakala 2 buah kenderaan lagi adalah atas nama syarikat subsidiarinya. Geran pendaftaran kenderaan disimpan dalam fail di Bahagian Pentadbiran dengan baik dan teratur.

#### **i) Rekod Penyelenggaraan Kenderaan**

Semakan Audit mendapati setiap penyelenggaraan kenderaan ada direkodkan dalam satu daftar penyelenggaraan kenderaan. Sementara maklumat penyelenggaraan bagi setiap kenderaan disimpan dalam fail individu kenderaan berkenaan.

#### **ii) Buku Log**

Setiap pemandu diberikan peraturan yang jelas mengenai tugas dan tanggungjawab mereka termasuk penyelenggaraan Buku Log. Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa kelemahan penyelenggaraan Buku Log seperti berikut:

- a)** Butiran bagi setiap kenderaan tidak dicatatkan dalam Buku Log;
- b)** Cerakinan penggunaan bahan api tidak dibuat pada akhir setiap bulan;
- c)** Pegawai yang menggunakan kenderaan tidak menurunkan tandatangan ringkas;
- d)** Penggunaan bahan api tidak direkod dalam Buku Log dengan kemas kini; dan
- e)** Helaian asal Buku Log yang telah direkod tidak diasingkan dan disimpan dalam fail kenderaan berkaitan.

#### **52.7.4 Pelupusan Aset**

Perbadanan telah mengguna pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997 berkaitan urusan pelupusan aset. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada mengambil tindakan melupuskan kenderaan dan peralatan pejabat yang tidak boleh digunakan lagi. Dua buah kenderaan telah dilupuskan secara sebut harga pada bulan Julai 2003. Sementara peralatan komputer yang dibeli sejak 1989 dilupuskan pada bulan Ogos 2003 secara lelongan dan juga dibuang. Tindakan pelupusan yang dibuat adalah mengikut peraturan yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori Perbadanan pada keseluruhannya adalah memuaskan.**

### **53. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan berada pada tahap memuaskan. Usaha yang berterusan oleh pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah menyelesaikan hutang Perbadanan dan pemantauan pelaburan yang lebih kemas akan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan Perbadanan. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Pelaburan akan membantu pihak pengurusan dalam usaha untuk memantapkan dan memperkemaskan lagi pengurusan kewangan Perbadanan.

## **MAJLIS DAERAH PEKAN**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **54. LATAR BELAKANG**

Majlis Daerah Pekan (Majlis) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Fungsi dan tanggungjawab Majlis meliputi perancangan fizikal, ekonomi serta sosial dan memberi perkhidmatan perbandaran yang efisien di kawasan Majlis Daerah Pekan seluas 164.96 kilometer persegi dengan bilangan hak pegangan 9,439.

Sehingga akhir bulan Jun 2003, Majlis memperolehi pendapatan berjumlah RM2.73 juta. Daripada pendapatan tersebut, sejumlah RM2 juta adalah hasil daripada kutipan cukai taksiran. Manakala perbelanjaan berjumlah RM1.94 juta adalah terdiri daripada Emolumen RM627,209 dan Bayaran Perkhidmatan Dan Bekalan RM1.26 juta yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan. Majlis telah menerima Anugerah Kualiti MS ISO 9002 Perkhidmatan Awam Malaysia pada tahun 1994 sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan Majlis dalam hal ehwal pengeluaran lesen dan permit berniaga.

#### **55. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Majlis, kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod adalah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit meliputi tempoh bulan Januari hingga Ogos 2003 berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, pelaburan, amanah dan deposit serta aset.

## **56. PENEMUAN AUDIT**

### **56.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan adalah penting untuk menentukan organisasi berfungsi dengan cekap dan berkesan. Penemuan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis adalah seperti berikut:

#### **56.1.1 Struktur Organisasi**

Majlis mempunyai struktur organisasi yang jelas tentang pembahagian tugas dan tanggungjawab dalam pengurusannya. Majlis diketuai oleh Yang Dipertua dengan dibantu oleh 2 orang kakitangan Pengurusan Dan Profesional. Bilangan perjawatan yang diluluskan adalah 66 jawatan tetap. Daripada jumlah itu sebanyak 48 jawatan telah diisi dan 18 lagi masih kosong.

#### **56.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual Prosedur Kerja yang lengkap perlu disediakan mengikut kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Majlis telah menyiapkan Manual Prosedur Kerja dan mula digunakan pada tahun 2004.

#### **56.1.3 Fail Meja Dan Senarai Tugas**

Majlis ada menyediakan Fail Meja dan Senarai Tugas untuk setiap kakitangannya. Semakan Audit mendapati Fail Meja adalah kemas kini dan mengandungi proses kerja, carta aliran kerja, senarai semakan dan norma kerja.

#### **56.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Majlis belum mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan akaun. Walau bagaimanapun, Majlis

telah menubuhkan Jawatankuasa Kewangan Dan Tata tertib untuk memantau urusan kewangannya.

#### **56.1.5 Kursus Dan Latihan**

Pegawai dan kakitangan ada dihantar untuk mengikuti kursus dan latihan. Walau bagaimanapun, kursus mengenai hal ehwal kewangan kepada pegawai yang terbabit tidak diadakan sejak tahun 2001.

**Pada pandangan Audit, tahap kawalan pengurusan Majlis perlu dipertingkatkan. Majlis perlu meneliti keperluan untuk mengisi jawatan jawatan yang kosong dan memberi latihan kewangan kepada kakitangan berkenaan.**

### **56.2 KAWALAN HASIL**

Hasil yang dipungut setakat bulan Jun 2003 adalah berjumlah RM2.73 juta. Sejumlah RM2 juta adalah kutipan cukai taksiran yang merupakan sumber hasil utama Majlis. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

#### **56.2.1 Pengasingan Tugas**

Pengasingan tugas adalah antara ciri penting kawalan dalaman pengurusan kewangan. Semakan Audit mendapati pengasingan tugas telah dibuat kepada kakitangan bagi menerima wang, penyerahan wang ke bank dan merekod hasil ke Buku Tunai.

#### **56.2.2 Kawalan Borang Hasil**

Borang hasil seperti resit, lesen dan permit disimpan dengan selamat dan penggunaannya adalah teratur mengikut siri yang betul.



### **56.2.3 Akaun Tunai Bulanan**

Akaun Tunai Bulanan diuruskan secara manual. Resit dicatatkan satu persatu ke dalam Buku Tunai Cerakinan pada setiap hujung hari. Buku Tunai Bulanan dan Harian juga telah dicatat dengan lengkap dan teratur.

### **56.2.4 Daftar Mel**

Majlis menguruskan Daftar Mel dengan lengkap dan kemas kini bagi maksud merekodkan terimaan wang dan barang berharga melalui pos atau penghantar.

### **56.2.5 Keselamatan Wang Pungutan**

Majlis hendaklah menjaga keselamatan pungutan wang tunai dan barangan berharga kepunyaan Majlis. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **i) Serahan Wang Ke Bank**

Adalah didapati serahan wang ke bank dilakukan pada setiap hari dan slip kemasukan wang telah disimpan dengan teratur dan selamat. Walau bagaimanapun, slip kemasukan ke bank tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

#### **ii) Keselamatan Kaunter**

Kawalan terhadap keselamatan kaunter adalah baik dan jeriji besi dipasang di kaunter penerimaan wang sebagai langkah keselamatan. Hanya kakitangan yang terlibat dibenarkan berada di bilik kaunter.

#### **iii) Penyimpanan Wang**

Wang tunai disimpan dengan selamat di tempat yang berkunci di bawah jagaan pegawai yang bertanggungjawab. Majlis juga ada menggunakan perkhidmatan pengawal keselamatan pada masa yang tertentu apabila melibatkan jumlah pungutan yang besar.

#### **56.2.6 Pemeriksaan Oleh Ketua Jabatan**

Pegawai Penyelia yang bertanggungjawab tidak membuat pemeriksaan terhadap Akaun Tunai Bulanan dan tidak menyelenggara Daftar Pemeriksaan Mengejut seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 309.

#### **56.2.7 Sistem Hasil Berkomputer**

Sistem Integrasi Majlis telah dibangunkan oleh sebuah syarikat swasta pada tahun 2001. Bagaimanapun, sistem ini tidak berfungsi sepenuhnya. Modul Sistem Terimaan ini hanya digunakan untuk pengeluaran resit dan bil bagi Modul Cukai Taksiran, Pelesenan dan Sewaan sahaja. Sementara transaksi terimaan dicatat secara manual ke Buku Tunai dan Lejar Individu. Majlis telah mengenal pasti sistem baru bagi menggantikan sistem yang ada sekarang dan sedang berusaha mendapatkan peruntukan daripada pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bagi membiayai kos pembangunan dan pelaksanaan sistem tersebut.

#### **56.2.8 Pengurusan Cukai Taksiran**

Pengurusan cukai taksiran diuruskan oleh Bahagian Penilaian Dan Perkhidmatan Harta. Pada bulan Julai 2003, Majlis mempunyai 9,439 pegangan yang sepatutnya menghasilkan cukai taksiran berjumlah RM2.78 juta setahun. Sehingga bulan Julai 2003, tunggakan cukai taksiran di Majlis adalah berjumlah RM2.69 juta iaitu melibatkan cukai semasa RM1.39 juta dan RM1.30 juta tunggakan tahun sebelumnya. Analisis Audit terhadap tunggakan cukai ini mendapati sejumlah RM1.75 juta atau 65% daripada RM2.69 juta adalah merupakan tunggakan cukai melebihi RM2,000. Walau bagaimanapun, tindakan tegas telah diambil. Antara tindakan diambil termasuklah penahanan pembaharuan lesen dan juga tindakan menyita.

Pada keseluruhannya kawalan hasil adalah pada tahap yang memuaskan.

### **56.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2003, sejumlah RM6.20 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus. Sehingga bulan Jun 2003, sejumlah RM1.94 juta atau 31% telah dibelanjakan.

#### **56.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Perwakilan kuasa ada dibuat secara bertulis kepada pegawai yang terlibat dengan pembayaran bagi menandatangani cek, baucar dan Pesanan Kerajaan tetapi had yang dibenar tidak dinyatakan. Bagaimanapun mulai bulan Januari 2004, had kuasa kepada pegawai berkenaan telah ditetapkan.

#### **56.3.2 Buku Vot**

Buku Vot disediakan secara manual. Adalah didapati Buku Vot tidak diselenggara dengan sempurna dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab. Adalah didapati tanggungan yang dibuat tidak diambil kira ke dalam Buku Vot sebaliknya catatan hanya dibuat apabila bayaran dilakukan. Keadaan ini akan menyebabkan tanggungan dan baki peruntukan yang masih ada dari semasa ke semasa tidak dapat dipastikan.

#### **56.3.3 Kawalan Perolehan**

Sehingga bulan Jun 2003, sebanyak 8 sebut harga melibatkan kos berjumlah RM600,000 telah dipanggil manakala 4 tender sejumlah RM2.50 juta ditawarkan bagi kerja projek pembangunan. Sebut harga dan tender telah dibuat mengikut peraturan tanpa melampaui had kewangan dibenarkan. Rekod sebut harga dan tender diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Peraturan sebut harga juga dipatuhi dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Tender juga telah dilantik.

#### **56.3.4 Daftar Bil**

Daftar Bil tahun 2003 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Antara ruangan yang tidak dilengkapkan ialah tarikh bil diterima, tarikh bil diperakui, tarikh bil diterima oleh Bahagian Kewangan dan tarikh baucar disahkan untuk dibayar. Daftar ini juga tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Bil yang diterima juga tidak dicap tarikh terima menyebabkan tidak dapat ditentukan sama ada bil telah dijelaskan tanpa kelewatan. Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati 17 bil bernilai RM20,978 telah dibayar melebihi tempoh 30 hari dari tarikh terimanya.

#### **56.3.5 Penyata Penyesuaian Bank**

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Januari hingga Jun 2003. Kelemahan ini boleh menyulitkan Majlis untuk menyediakan Penyata Kewangan pada akhir tahun dan akan terlewat mengenal pasti jika berlaku sebarang kesilapan pembayaran.

**Pihak Audit berpendapat, kawalan perbelanjaan Majlis adalah kurang memuaskan.**

### **56.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Majlis hanya mempunyai pelaburan dalam simpanan tetap di institusi kewangan yang diluluskan. Sehingga bulan Julai 2003, baki simpanan tetap Majlis adalah sejumlah RM1.47 juta. Semakan Audit mendapati simpanan tetap yang dibuat telah dirujuk dan diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Majlis. Rekod simpanan tetap diselenggarakan dengan kemas kini. Sijil simpanan tetap yang matang telah diperbaharui serta disimpan dengan selamat. Selain itu, faedah daripada pelaburan yang matang juga telah diterima dan diakaunkan dengan sempurna.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah menguruskan pelaburannya dengan baik.**

## **56.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Majlis telah memperolehi pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM215,000 yang diterima pada bulan Jun 2000. Tujuan pinjaman ini adalah bagi maksud pembiayaan menangani masalah Y2K. Semakan Audit mendapati pengurusan pinjaman adalah seperti berikut:

### **56.5.1 Perjanjian Dan Jadual Bayaran Balik**

Perjanjian antara Majlis dengan Kerajaan Negeri mengenai pinjaman tersebut telah dimeterai pada bulan Jun 2000. Tempoh pinjaman adalah selama 7 tahun dengan 2 tahun adalah tempoh pertanggunghan dan 5 tahun lagi bagi tempoh bayaran balik. Mengikut perjanjian, tarikh bayaran balik mula berkuat kuasa pada bulan Jun 2003 sehingga tahun 2007 dengan 5 kali bayaran.

### **56.5.2 Daftar Pinjaman**

Daftar pinjaman telah diselenggara dengan lengkap dan teratur. Maklumat mengenai pemberi pinjaman, tarikh perjanjian, amaun, maksud pinjaman, tempoh pinjaman dan jadual bayaran balik telah direkod dengan baik.

**Pada pandangan Audit, Majlis telah menguruskan pinjamannya dengan lengkap dan teratur.**

## **56.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Sehingga bulan Mei 2003, sejumlah RM403,708 masih dipegang oleh Majlis sebagai deposit. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

### **56.6.1 Buku Tunai Dan Lejar Deposit**

Terimaan deposit telah direkodkan dengan sempurna ke Buku Tunai dan Lejar Individu juga ada diselenggara. Bagaimanapun, semakan tidak dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap Lejar Individu. Sehingga bulan Mei 2003, sejumlah RM27,278 adalah deposit yang tidak aktif.

#### **56.6.2 Pengurusan Pinjaman Kenderaan**

Majlis telah meluluskan penubuhan Tabung Pinjaman Kenderaan kepada kakitangannya dengan jumlah RM500,000. Pengurusan pinjaman telah diselenggara selaras dengan peraturan dan daftar pinjaman telah direkodkan dengan lengkap dan tidak ada pinjaman yang tertunggak. Bagaimanapun, untuk pinjaman kenderaan Majlis tidak menyimpan sesalinan polisi insurans kenderaan peminjam.

**Pihak Audit berpendapat Majlis telah menguruskan deposit dan pinjaman kenderaan dengan teratur.**

### **56.7 PENGURUSAN ASET**

Sehingga bulan Jun 2003, aset yang dimiliki dianggarkan bernilai RM12.10 juta yang terdiri daripada tanah, bangunan, kenderaan dan kelengkapan. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, aset hendaklah dikawal selia dan direkodkan dengan sempurna untuk mengelak daripada kehilangan dan salah guna. Penyelenggaraan dan pergerakan harta modal hendaklah direkodkan dalam daftar yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati perkara berikut:

#### **56.7.1 Daftar Aset**

Adalah didapati Daftar Aset telah diselenggara dengan lengkap dan nombor siri pendaftaran pada aset ada dibuat.

#### **56.7.2 Pemeriksaan Tahunan**

Pemeriksaan fizikal terhadap aset telah dilaksana pada setiap tahun. Tarikh terakhir pemeriksaan ini dijalankan pada akhir tahun 2002.

#### **56.7.3 Pengurusan Kenderaan Dan Penyelenggaraan Buku Log**

Majlis mempunyai 31 buah kenderaan/jentera terdiri daripada 19 kenderaan pacuan empat roda, empat jentera, tujuh motosikal dan sebuah bot. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i) Pegawai yang menggunakan kenderaan tidak menurunkan tandatangan bagi mengesahkan penggunaan kenderaan;
- ii) Tidak ada tandatangan pegawai yang diberi kuasa memeriksa Buku Log setiap bulan; dan
- iii) Butiran penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian tidak direkodkan. Walau bagaimanapun, rekod berasingan telah diselenggara bagi mencatatkan maklumat kerosakan dan kelulusan pembaikan. Rekod ini ada disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

**Pihak Audit berpendapat pengurusan aset Majlis adalah memuaskan.**

#### **57. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis adalah memuaskan. Selain itu, langkah segera perlu diambil bagi menyelesaikan masalah Sistem Integrasi Majlis.

## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG**

### **PROJEK PUSAT PERTUMBUHAN DESA**

#### **58. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana bagi pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa. Objektif Pusat Pertumbuhan Desa ialah untuk menjana pembangunan ekonomi luar bandar yang teratur, penglibatan peniaga Bumiputera di kawasan yang strategik, mempercepatkan peningkatan taraf hidup dan pendapatan penduduk serta menambah peluang pekerjaan menerusi aktiviti ekonomi moden. Ia juga dianggap sebagai satu mekanisme kerajaan untuk menyalurkan kemudahan asas anjuran kerajaan kepada penduduk luar bandar.

Sebagai agensi pelaksana, Perbadanan akan menyediakan tapak dan keperluan infrastruktur dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman. Sehingga tahun 2003, sejumlah RM42.78 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan 24 Pusat Pertumbuhan Desa. Sebanyak 338 kedai dan gerai telah dibina di seluruh Pusat Pertumbuhan Desa ini untuk dijual atau disewakan.

#### **59. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek Pusat Pertumbuhan Desa telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

#### **60. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop kajian adalah meliputi projek yang dirancang dan dilaksana semasa RMK7 dan RMK8. Tumpuan adalah diberikan kepada projek yang tidak dapat disiapkan semasa RMK7 dan dibawa ke RMK8. Projek RMK6 dan sebelumnya juga disemak sebagai perbandingan. Pemeriksaan Audit adalah dengan



menyemak rekod dan dokumen di Perbadanan serta lawatan ke lokasi Pusat Pertumbuhan Desa. Selain itu, perbincangan dan temu bual telah dibuat dengan pihak pengurusan, pegawai yang terlibat serta penduduk setempat, pembeli dan penyewa.

## **61. PENEMUAN AUDIT**

### **61.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan satu elemen yang penting sebelum sesuatu projek pembangunan itu dilaksanakan. Semakan Audit terhadap perancangan yang dibuat oleh Perbadanan mendapati perkara berikut:

#### **61.1.1 Konsep Pusat Pertumbuhan Desa**

Perancangan Pusat Pertumbuhan Desa bermula dari kajian menyeluruh oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa pada tahun 1987. Berdasarkan kajian tersebut beberapa kampung yang berpotensi telah dikenal pasti untuk dibangunkan Pusat Pertumbuhan Desa dengan mengambil kira faktor pembangunan setempat. Senarai Pusat Pertumbuhan Desa yang diperakui inilah yang dijadikan asas oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk merancang dan melaksanakan Pusat Pertumbuhan Desa secara menyeluruh di seluruh negara. Pusat Pertumbuhan Desa merupakan satu pusat ekonomi yang dibangunkan di kampung utama yang sedia ada atau tapak baru yang terletak di kawasan sekelompok kampung. Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa adalah perlu bagi menambah dan memperbaiki kemudahan yang sedia ada sama ada dari segi kemudahan awam, sosial mahu pun perniagaan. Komponen pembangunan yang dibina adalah seperti kedai desa, gerai, pasar, stesen bas, stesen teksi, tandas awam, bengkel, pam minyak dan keperluan lain yang berkaitan. Perbadanan telah diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana bagi pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Negeri di Pahang. Sebagai agensi pelaksana, Perbadanan akan menyediakan tapak dan keperluan infrastruktur.

### **61.1.2 Kelulusan Dasar Dan Cadangan Projek**

Kertas kerja mengenai Pusat Pertumbuhan Desa disediakan dan mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Pahang. Pihak Perbadanan pula ada menyediakan kertas cadangan bagi setiap projek pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa meliputi perkara seperti cadangan tapak projek, keluasan tanah, komponen projek dan anggaran kos projek.

### **61.1.3 Pemilihan Lokasi Dan Tapak**

Cadangan tapak Pusat Pertumbuhan Desa dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri kepada Pejabat Daerah Dan Tanah berkaitan. Tapak yang dicadangkan itu akan diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal semasa Mesyuarat Pembangunan Daerah. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri, wakil Perbadanan, Ketua Jabatan di daerah, penghulu kawasan dan wakil agensi lain yang terlibat. Kertas perakuan cadangan yang mengambil kira faktor lokasi yang strategik, kesesuaian struktur fizikal, kos pembiayaan dan faktor lain yang terlibat akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri untuk kelulusan.

### **61.1.4 Sasaran Program**

Perancangan projek Pusat Pertumbuhan Desa dibuat mengikut Rancangan Pembangunan 5 tahun dengan mengambil kira kemampuan kewangan Perbadanan, peruntukan oleh Kerajaan Negeri dan geran infrastruktur yang diperuntukkan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Perbadanan telah merancang 7 projek Pusat Pertumbuhan Desa bagi tempoh RMK7 dan 7 projek lagi dalam tempoh RMK8. Matlamat Pusat Pertumbuhan Desa akan membantu meningkatkan pendapatan dan membangunkan ekonomi penduduk setempat melalui aktiviti ekonomi moden dengan agihan pembangunan secara saksama.

#### **61.1.5 Sumber Kewangan Dan Penentuan Kos**

Sumber pembiayaan projek ini akan diperolehi daripada peruntukan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan sendiri. Perbadanan ada menyediakan anggaran kos bagi setiap projek yang dirancang daripada RMK5 hingga RMK8 yang keseluruhannya adalah berjumlah RM39.58 juta berdasar bilangan unit Pusat Pertumbuhan Desa dan komponennya.

#### **61.1.6 Kaedah Pelaksanaan**

Perbadanan telah melantik Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (PASDEC) sebagai pengurus dan penguasa projek dan bertanggungjawab menyelaras segala keperluan teknikal. Pemilihan kontraktor akan dibuat secara tender terbuka dan dikendalikan sepenuhnya oleh PASDEC.

#### **61.1.7 Struktur Pengurusan**

Bahagian Pembangunan Projek Perbadanan terlibat secara langsung dari peringkat awal iaitu dari penyediaan kertas cadangan hingga ke peringkat akhir sebelum Pusat Pertumbuhan Desa diserahkan kepada pembeli atau penyewa. Unit ini diketuai oleh seorang pengurus dan 3 pegawai daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 15 kakitangan daripada Kumpulan Perkhidmatan Sokongan. Bahagian ini terlibat dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan pembangunan projek hartanah seperti perumahan, bandar baru, perkedaian dan Pusat Pertumbuhan Desa sama ada berbentuk komersial atau sosio ekonomi. Di samping itu, bahagian ini juga menguruskan proses penjualan dan penyewaan projek berkenaan.

#### **61.1.8 Kriteria Pemilikan Pusat Pertumbuhan Desa**

Perbadanan telah menetapkan beberapa kriteria bagi permohonan mendapatkan gerai atau kedai Pusat Pertumbuhan Desa. Antara kriteria yang ditetapkan adalah mengutamakan rakyat tempatan atau menetap di Negeri Pahang sekurang-kurangnya 10 tahun, penduduk setempat dan Bumiputera.

Pemilihan adalah dibuat melalui jawatankuasa temu duga yang dianggotai oleh wakil Perbadanan dan wakil rakyat setempat dengan mengambil kira kemampuan bayaran balik, jenis perniagaan yang akan dijalankan serta komitmen pemohon untuk menjalankan sendiri perniagaan. Selain daripada menjual bangunan tersebut, Perbadanan juga memberi peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan memiliki kedai atau gerai ini dengan mewujudkan skim sewa beli atau menyewa.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan mempunyai perancangan yang baik dan menyeluruh.**

## **61.2 PELAKSANAAN**

Tujuh Pusat Pertumbuhan Desa telah dilaksanakan semasa RMK7 dan 7 Pusat Pertumbuhan Desa lagi telah dirancang semasa RMK8 sehingga tahun 2003. Walau bagaimanapun, tiga projek Pusat Pertumbuhan Desa yang diluluskan semasa RMK8 tidak dilaksanakan kerana peruntukannya dipindah kepada Projek Hentian Setempat pada tahun 2003. Hasil pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan projek Pusat Pertumbuhan Desa ini mendapati perkara berikut:

### **61.2.1 Pemilihan Tapak**

Tapak projek yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri akan diserahkan kepada Perbadanan untuk pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa projek Pusat Pertumbuhan Desa menghadapi masalah tapak seperti berikut:

- i) Tapak Pusat Pertumbuhan Desa yang dipilih melibatkan tanah milik dan proses pengambilan tanah terpaksa dibuat. Ini mengakibatkan pertambahan kos bagi bayaran pampasan yang ditanggung oleh Perbadanan dan Kerajaan Negeri serta proses ini juga mengambil masa yang lama;

- ii) Tapak Pusat Pertumbuhan Desa dipilih di kawasan yang kurang sesuai dari segi struktur fizikal tanah seperti tanah berpaya dan sering dilanda banjir; dan
- iii) Ada juga tapak yang dicadang bertindih dengan projek lain seperti Pusat Pertumbuhan Desa Kuala Krau, Temerloh bertindih dengan tapak pembinaan bangunan oleh Majlis Perbandaran Temerloh dan Pusat Pertumbuhan Desa Lebu, Bentong bertindih dengan tapak masjid.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan perlu mengkaji secara mendalam dan terperinci mengenai kesesuaian sesuatu lokasi sebelum pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dilaksanakan. Pemilihan tapak yang bersesuaian ini bukan sahaja berkait rapat dengan faktor kos tetapi juga faktor lain yang berkaitan seperti permintaan dan kemampuan masyarakat setempat untuk memiliki atau menyewa kemudahan yang disediakan itu.**

#### **61.2.2 Pembiayaan Projek Pusat Pertumbuhan Desa**

Kesemua projek Pusat Pertumbuhan Desa ini dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam bentuk geran infrastruktur bagi projek yang dilaksanakan. Pihak Perbadanan ada juga mengeluarkan peruntukan sekiranya geran tersebut tidak mencukupi. Perbadanan menghadapi masalah apabila peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri tidak mencukupi dan tambahan tidak dipertimbangkan jika kerajaan berpendapat projek berkaitan tidak memberi kesan *multiplier* dan tidak *viable* dari segi kewangan. Memandangkan kebanyakan projek Pusat Pertumbuhan Desa ini merupakan projek sosio ekonomi dan tidak menepati kriteria tersebut, maka hanya projek Pusat Pertumbuhan Desa yang diluluskan sahaja dilaksanakan.

### **61.2.3 Komponen Projek**

Antara komponen projek yang dibina oleh Perbadanan ialah rumah kedai dan kemudahan infrastruktur. Manakala kemudahan awam dan sosial seperti perhentian bas, tandas awam, surau dan sebagainya dilaksanakan oleh agensi lain.

### **61.2.4 Pemilihan Kontraktor**

Pihak Perbadanan telah melantik PASDEC sebagai pengurus dan penguasa projek yang bertanggungjawab menyelaras segala keperluan teknikal dan pelaksanaan projek dengan penyelarasan dibuat oleh Bahagian Pembangunan Projek Perbadanan. Pihak PASDEC bertanggungjawab bagi melantik dan memilih kontraktor yang berkeelayakan bagi pembangunan projek. Pelantikan kontraktor ini dibuat secara tender terbuka oleh 2 jawatankuasa yang berbeza bergantung kepada peruntukan pembiayaan iaitu Jawatankuasa Tender Negeri bagi peruntukan Negeri dan Jawatankuasa Tender Perbadanan bagi peruntukan Persekutuan.

Semakan Audit terhadap 6 projek Pusat Pertumbuhan Desa mendapati 5 daripadanya dibuat secara tender terbuka manakala 1 Pusat Pertumbuhan Desa lagi dibuat secara rundingan terus. Adalah didapati 5 kontraktor yang dipilih melalui sistem tender terbuka berdasarkan faktor berikut:

- i)** Harga tawaran adalah munasabah serta mengikut masa yang ditetapkan;
- ii)** Prestasi kerja kontraktor sebelum ini adalah baik;
- iii)** Kontraktor mempunyai kakitangan teknikal yang cukup berpengalaman dan memiliki peralatan yang sesuai bagi pelaksanaan projek; dan
- iv)** Kontraktor mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Bagaimanapun, adalah didapati 1 daripada 5 kontraktor yang dipilih secara tender terbuka mempunyai modal berbayar sejumlah RM250,000 sahaja berbanding dengan kos kontrak sejumlah

RM2.95 juta. Ini menyebabkan pelaksanaan projek terjejas dan sehingga kini projek tersebut belum disiapkan.

**Pihak Audit berpendapat walaupun pemilihan kontraktor dibuat secara sistem tender terbuka tetapi penilaian kedudukan kewangan patut juga diutamakan.**

#### **61.2.5 Perjanjian Kontrak**

Kesemua projek Pusat Pertumbuhan Desa berkenaan mempunyai perjanjian kontrak antara kontraktor dengan Perbadanan dan menggunakan format kontrak yang seragam. Adalah didapati syarat perjanjian tersebut mengambil kira kepentingan Perbadanan, antaranya seperti berikut:

- i) Kontraktor dikehendaki menyediakan Bon Pelaksanaan atas kadar 5% daripada jumlah kontrak dalam bentuk Jaminan Bank yang diluluskan sebelum kerja dimulakan;
- ii) Kontraktor dikehendaki menyediakan Polisi Insurans bagi menjaga kepentingan awam sekiranya berlaku bencana dan kerosakan harta benda;
- iii) Denda kerana lewat menyiapkan projek atas kadar tertentu ada diperuntukkan; dan
- iv) Tempoh Liabiliti Kecacatan selama 1 tahun selepas tarikh siap kerja dan segala kerosakan terletak atas tanggungjawab kontraktor untuk memperbaiki.

**Pada pandangan Audit, syarat perjanjian yang ditetapkan adalah jelas dan wajar dalam menjaga kepentingan Perbadanan.**

#### **61.2.6 Pematuhan Syarat Perjanjian**

Pemeriksaan Audit terhadap pematuhan syarat utama perjanjian terhadap 6 kontrak yang dipilih mendapati:

- i) Kesemua 6 kontraktor telah menyerahkan Bon Pelaksanaan mengikut jumlah yang ditetapkan sebelum kerja dimulakan;

- ii) Polisi Insurans Tanggungan Awam telah dikemukakan mengikut tempoh pelaksanaan termasuk yang melibatkan lanjutan masa; dan
- iii) Kelewatan dan lanjutan masa telah diberi notis bertulis dengan menyatakan sebab kelewatan sebelum diluluskan oleh PASDEC.

#### **61.2.7 Prestasi Keseluruhan Pelaksanaan Projek**

Prestasi pencapaian keseluruhan projek Pusat Pertumbuhan Desa ini yang dilaksanakan semasa RMK7 adalah memuaskan. Daripada 7 projek yang dirancang untuk dilaksanakan kesemuanya siap dalam tempoh tersebut. Semakan Audit terhadap prestasi pelaksanaan projek Pusat Pertumbuhan Desa bagi tempoh RMK7 mendapati perkara berikut:

##### **i) Projek Pusat Pertumbuhan Desa**

Daripada 7 projek Pusat Pertumbuhan Desa yang dilaksanakan semasa RMK7 adalah didapati kesemuanya disiapkan dengan lanjutan masa antara 1 hingga 10 bulan. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 36**.



**Jadual 36**  
**Kedudukan Penyiapan Projek**

Bil.	Pusat Pertumbuhan Desa	Tarikh Mula	Tarikh Patut Siap	Tarikh Perakuan Siap Kerja	Tempoh Lanjutan Masa (Bulan)
1.	Tanjung Batu	07.02.1998	04.09.1998	30.10.1998	1
2.	Jambu Rias	09.02.1998	05.11.1998	28.09.1999	10
3.	Damak Fasa IIA	25.07.1996	18.01.1997	26.03.1997	2
	Damak Fasa IIB	21.08.1997	22.07.1998	27.05.1999	10
4.	Simpang Pelangai	06.02.1998	17.09.1998	29.04.1999	7
5.	Berchang	13.08.1998	09.12.1998	05.03.1999	3
6.	Kerdau	13.08.1998	16.12.1998	31.08.1999	8
7.	Merapoh	18.08.1998	26.04.1999	19.07.1999	3

*Sumber: Fail Projek Pusat Pertumbuhan Desa, Bahagian Pembangunan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang*

Daripada 7 projek yang dirancang semasa RMK8 sehingga akhir tahun 2003, hanya 2 projek sahaja sedang dibina dan 3 projek lagi telah dipindah peruntukannya kepada projek baru. Sementara 2 lagi masih berada pada peringkat kelulusan pelan susun atur.

#### **ii) Pengagihan Projek Pusat Pertumbuhan Desa**

Projek Pusat Pertumbuhan Desa yang siap akan diagihkan kepada mereka yang berkelayakan dengan segera sama ada secara dijual atau disewa dengan diberi keutamaan kepada golongan bumiputera. Semakan Audit mendapati hampir keseluruhan projek yang siap telah disewa atau dijual. Walau bagaimanapun, adalah didapati sebahagian kedai/gerai di Pusat Pertumbuhan Desa Damak telah dijual atau disewa kepada peniaga bukan bumiputera dan bukan penduduk setempat. Perbadanan menjelaskan keadaan demikian

terpaksa dibuat bagi mengelakkan kerugian kepada Perbadanan disebabkan Pusat Pertumbuhan Desa ini kurang mendapat sambutan daripada peniaga bumiputera setempat.

**Pada pandangan Audit, tindakan Perbadanan menyewakan kepada golongan bukan bumiputera dan penduduk setempat bagi beberapa unit kedai/gerai yang tidak dapat dijual adalah wajar sebagai langkah sementara. Bagaimanapun bagi jangka masa panjang Perbadanan perlulah memastikan Pusat Pertumbuhan Desa dapat dimanfaatkan oleh golongan yang disasarkan supaya matlamat sebenar pembinaan Pusat Pertumbuhan Desa tercapai.**

#### **61.2.8 Masalah Pelaksanaan**

##### **i) Projek Lewat Siap**

Semakan Audit telah dibuat terhadap 6 projek Pusat Pertumbuhan Desa yang dipilih iaitu di Daerah Kuantan, Bentong, Pekan, Rompin dan Jerantut. Daripada 6 projek tersebut kesemua projek telah disiapkan dengan lanjutan masa. Adalah didapati Pusat Pertumbuhan Desa Jambu Rias, Bentong telah disiapkan setelah 4 kali lanjutan masa kerana kontraktor menghadapi masalah kewangan. Walaupun Sijil Lanjutan Masa ada dikeluarkan dan kesemua permohonan serta kelulusan telah diberi sebelum tamat tempoh kontrak, Perbadanan perlu juga memberi penekanan terhadap tuntutan lanjutan masa ini supaya pelaksanaan projek tidak terjejas. Walaupun peruntukan denda lewat disediakan, tetapi Perbadanan tidak menguatkuasakan sebaliknya memilih untuk meluluskan lanjutan masa.

##### **ii) Pusat Pertumbuhan Desa Tidak Beroperasi**

Selain dijual, Pusat Pertumbuhan Desa yang siap dibina ada juga disewa kepada mereka yang berminat. Perbadanan juga

ada menyediakan skim sewa beli kepada peniaga yang tidak mampu membeli atau sukar untuk mendapatkan pinjaman.

Semasa lawatan Audit ke 6 lokasi Pusat Pertumbuhan Desa mendapati walaupun hampir kesemua unit telah dijual atau disewa tetapi hanya 10% sahaja yang beroperasi. Tinjauan Audit mendapati kedai dan gerai yang tidak beroperasi disebabkan oleh faktor berikut:

- a) Kemudahan seperti tandas tidak disediakan seperti di Pusat Pertumbuhan Desa Soi;
- b) Kawasan yang tidak strategik dan jauh daripada perkampungan seperti di Pusat Pertumbuhan Desa Damak dan Pusat Pertumbuhan Desa Tanjung Batu; dan
- c) Kurang mendapat sambutan orang ramai seperti Pusat Pertumbuhan Desa Tanjong Gemok kerana jangkaan asal menjadikan Tanjong Gemok sebagai pengkalan pintu masuk utama ke Pulau Tioman di bahagian selatan belum dapat direalisasikan. Sila lihat **Foto 2**.

**Foto 2**  
**Bangunan Kedai Pusat Pertumbuhan Desa**  
**Tanjong Gemok Yang Tidak Dihuni**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh Foto: 24 Oktober 2003*

### **iii) Perbandingan Harga Jualan Dan Kos**

Pada keseluruhannya kos pembinaan bangunan kedai dan perniagaan seperti dalam kontrak adalah tidak meliputi kos tanah. Analisis lanjut Audit terhadap 5 Pusat Pertumbuhan Desa yang dipilih iaitu Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Soi di Kuantan, Jambu Rias di Bentong, Tanjung Batu di Pekan, Tanjung Gemok di Rompin dan Damak di Jerantut mendapati kesemua projek telah dijual dengan menghasilkan keuntungan yang minimum. Ada juga 1 projek iaitu Pusat Pertumbuhan Desa Tanjung Batu, Pekan telah dijual kurang daripada kos pembinaan. Walaupun harga jualan yang ditetapkan adalah melebihi kos projek namun kos berkenaan tidak meliputi kos tanah dan infrastruktur. Kos yang diambil kira oleh Perbadanan dalam menetapkan harga jualan adalah kos pembinaan bangunan kedai sahaja.

**Pihak Audit berpendapat walaupun projek ini bermotifkan sosio ekonomi, Perbadanan patut mengambil kira faktor kos dengan sedikit keuntungan berbanding harga jualan supaya Perbadanan tidak menanggung beban kewangan yang tinggi.**

#### **61.2.9 Pengeluaran Sijil Layak Menduduki**

Perbadanan telah melantik PASDEC sebagai Pengurus Projek yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek dan menyerahkan projek setelah siap kepada Perbadanan. Berdasarkan maklumat yang diterima, apabila projek siap, kontraktor akan menyerahkan projek ini kepada PASDEC untuk diserahkan kepada Perbadanan tanpa mendapatkan Sijil Layak Menduduki terlebih dahulu. Ini menyebabkan Perbadanan terpaksa menanggung kos tambahan seperti kawalan keselamatan, baik pulih dan penyelenggaraan bangunan serta kerja tambahan sehingga bangunan tersebut memperolehi Sijil Layak Menduduki.

Semakan Audit terhadap 5 Pusat Pertumbuhan Desa yang dipilih mendapati hanya 1 projek memperoleh Sijil Layak Menduduki dikeluarkan dalam tempoh 1 tahun manakala 4 projek lagi memperoleh Sijil Layak Menduduki dalam tempoh 3 hingga 10 tahun dari tarikh Perakuan Siap Kerja. Kelewatan bagi mendapatkan sijil ini adalah disebabkan kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi kehendak Jabatan Teknikal. Ini melibatkan kerja seperti penyediaan longkang yang tidak mematuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan, keadaan jalan yang tidak mematuhi spesifikasi Jabatan Kerja Raya dan pemasangan dinding rintangan asap yang disyaratkan oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat. Kelewatan mendapatkan Sijil Layak Menduduki ini menyebabkan bangunan kedai Pusat Pertumbuhan Desa kebanyakannya tidak beroperasi walaupun telah berjaya dijual. Keadaan ini walaupun tidak merugikan Perbadanan dari segi pulangan balik modal tetapi menjejaskan pencapaian sebenar matlamat pembangunan projek Pusat Pertumbuhan Desa. Projek Pusat Pertumbuhan Desa berkaitan dan tempoh kelewatan Sijil Layak Menduduki adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Kelewatan Pengeluaran Sijil Layak Menduduki**

Bil.	Projek Pusat Pertumbuhan Desa	Tarikh Sepatut Siap	Perakuan Siap Kerja	Tarikh Sijil Layak Menduduki	Tempoh Kelewatan
1.	Kg. Soi, Kuantan	18.02.1991	31.12.1991	03.07.2002	10 Tahun 6 Bulan
2.	Jambu Rias, Bentong	05.11.1998	28.09.1999	08.03.2003	3 Tahun 5 Bulan
3.	Tanjung Batu, Pekan	04.09.1998	31.10.1998	08.04.2003	4 Tahun 7 Bulan
4.	Tanjong Gemok, Rompin	28.12.1994	15.03.1995	05.10.1998	3 Tahun 4 Bulan
5.	Damak, Jerantut - Fasa I - Fasa IIA - Fasa IIB	18.04.1991 18.01.1997 22.07.1998	26.09.1991 26.03.1997 27.05.1999	19.02.1992 26.03.1999 26.03.1999	4 bulan 2 tahun 11 bulan

*Sumber: Fail Projek Pusat Pertumbuhan Desa, Bahagian Pembangunan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang*

**Pada pandangan Audit, semua projek Pusat Pertumbuhan Desa sepatutnya diserahkan oleh PASDEC kepada Perbadanan selepas Sijil Layak Menduduki diperolehi. Sebarang masalah berhubung Sijil Layak Menduduki sepatutnya diselesaikan oleh PASDEC sebagai agensi yang mengurus projek.**

### **61.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang berterusan terhadap projek Pusat Pertumbuhan Desa ini adalah penting bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Adalah didapati pemantauan terhadap kemajuan projek Pusat Pertumbuhan Desa dikawal oleh Bahagian Pembangunan Projek Perbadanan sementara pembinaan projek dipantau oleh PASDEC seperti berikut:

#### **61.3.1 Bahagian Pembangunan Projek**

Bahagian Pembangunan Projek Perbadanan ada menyediakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek secara bulanan dan suku tahun bagi tujuan pemantauan di peringkat Kerajaan Negeri. Antara maklumat yang disediakan dalam laporan tersebut merangkumi status kemajuan projek di samping mengenal pasti masalah berkaitan projek serta tindakan yang akan diambil.

#### **61.3.2 Pasdec Corporation Sdn. Bhd.**

PASDEC bertindak sebagai penasihat teknikal kepada pihak Perbadanan. PASDEC juga bertanggungjawab dalam memantau dari peringkat mengenal pasti tapak yang sesuai, penilaian tender, pelaksanaan kontrak, tempoh kecacatan dan sehingga projek diserahkan kepada pihak Perbadanan. Sebagai pengurus projek, PASDEC juga memantau pengurusan kontrak dengan memastikan perkara seperti insurans tanggungan, insurans pampasan pekerja, bon pelaksanaan dikemukakan oleh kontraktor dan menentukan pembinaan projek mengikut spesifikasi kontrak.

**Pada pandangan Audit, perkara asas melibatkan aspek pemantauan ada dilakukan oleh kedua pihak iaitu Perbadanan melalui Bahagian Pembangunan Projek dan PASDEC sebagai Pengurus Projek.**

## **62. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya keberkesanan pelaksanaan projek Pusat Pertumbuhan Desa oleh Perbadanan perlu diteliti semula. Walaupun beberapa aspek asas dalam perancangan telah diambil kira tetapi Perbadanan hendaklah meluaskan skop perancangan secara bersepadu dengan agensi lain di samping menjalankan kajian tapak dengan lebih terperinci sebelum projek dimulakan. Dari segi pelaksanaan, masalah pemilihan tapak, masalah kelewatan pengeluaran Sijil Layak Menduduki dan Pusat Pertumbuhan Desa tidak beroperasi selepas projek siap patut diselesaikan sewajarnya supaya matlamat sebenar pembinaan projek Pusat Pertumbuhan Desa tercapai.

## **MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS**

### **PROJEK PERUMAHAN PUNCAK ARABELLA**

#### **63. LATAR BELAKANG**

Majlis Daerah Cameron Highlands (Majlis) ditubuh pada 1 Mac 1982 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Fungsi Majlis adalah untuk meningkatkan sosioekonomi penduduk di dalam kawasan pentadbiran Majlis yang bersesuaian dengan dasar yang digubal oleh Kerajaan. Antara fungsi itu, termasuklah sebagai pihak yang dibenarkan untuk mendirikan, memajukan, mengadakan rumah kedai dan tempat kediaman sebagaimana yang termaktub di Bahagian XII Kuasa-Kuasa Tambahan Pihak Berkuasa Tempatan. Projek perumahan Puncak Arabella adalah satu projek yang dilaksanakan sendiri oleh Majlis bagi memenuhi keperluan tersebut. Sebagai pemaju, Majlis adalah dikecualikan daripada memohon lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2(b), Akta Pemaju Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 (Pindaan 1988) daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Projek perumahan ini mula dirancang pada tahun 1997 dengan tujuan mengatasi masalah kekurangan rumah khususnya rumah kos rendah dan sederhana di Cameron Highlands, selain memberi peluang kepada penduduk setempat membeli rumah pada harga yang rendah berbanding rumah yang dibangunkan oleh pemaju swasta. Projek berkonsepkan pembukaan kawasan perumahan baru ini mengandungi 355 unit rumah termasuk 9 lot banglo dan 4 unit kedai. Majlis memperolehi kelulusan untuk melaksanakan projek ini daripada Kerajaan Negeri pada bulan September 1997 dan juga keputusan Ahli Majlis semasa Mesyuarat Penuh Ahli Majlis pada bulan Disember 1997. Projek ini yang dijangka siap pada bulan Disember 2001 telah mengalami kelewatan dan hanya dapat dimulakan dengan sepenuhnya pada bulan Mac 2000 dan sepatutnya siap pada bulan Ogos 2003. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2003, kemajuan keseluruhan projek adalah pada tahap 96%. Kos projek yang terlibat dianggarkan berjumlah RM31.71 juta.



## **64. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek tersebut telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berekonomi serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **65. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi tempoh projek mula dirancang pada tahun 1997 dan pelaksanaannya hingga ke tahun 2003. Pengauditan melibatkan perancangan dan pelaksanaan projek serta faedah yang diperolehi Majlis termasuk pulangan atas projek. Kaedah pengauditan pula adalah berasaskan kepada penyemakan dokumen seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, perjanjian, fail serta rekod lain yang berkaitan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai Majlis dan pembeli serta lawatan ke lokasi projek juga ada dilakukan.

## **66. PENEMUAN AUDIT**

### **66.1 PERANCANGAN**

Projek Perumahan Puncak Arabella mula dirancang oleh Majlis pada tahun 1997. Projek ini tercetus apabila Kerajaan Negeri menerima pandangan Majlis berhubung dengan keperluan penduduk di Cameron Highlands untuk memiliki rumah kos sederhana dan sederhana rendah. Dengan itu, tanah seluas 3.53 hektar di Mukim Tanah Rata diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mei 1997 untuk diserahkan kepada Majlis dengan syarat untuk bangunan kediaman. Semakan Audit terhadap perancangan projek ini mendapati perkara berikut:

#### **66.1.1 Struktur Pengurusan**

Satu Jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Pelaburan telah ditubuhkan pada tahun 1998. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua, enam Ahli Majlis dan 4 lagi daripada pentadbiran Majlis. Jawatankuasa ini berfungsi:

- i) Menguruskan pelantikan para profesional;
- ii) Menentukan konsep pembangunan;
- iii) Menyemak perincian pelan;
- iv) Menyediakan dan menyemak dokumen tender;
- v) Lain-lain perkara dasar yang diputuskan dari semasa ke semasa;
- vi) Mendapatkan lesen pemaju dan permit iklan;
- vii) Menentukan kuota;
- viii) Menubuhkan *management committee* termasuk hak milik strata;
- ix) Menyemak dan menandatangani perjanjian jual beli; dan
- x) Menentukan harga, pemasaran dan jualan.

Selain itu, satu Jawatankuasa Teknikal diwujudkan dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis dengan ahlinya terdiri daripada Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya, Setiausaha Majlis dan beberapa anggota pentadbiran Majlis.

#### **66.1.2 Konsep Projek**

Konsep projek adalah pembangunan rumah bertingkat dengan pembukaan kawasan baru telah mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri. Rumah kos rendah iaitu rumah Jenis C dan D adalah merupakan komponen terbesar di dalam projek ini. Selebihnya adalah rumah jenis sederhana dan lot banglo. Projek ini juga menyediakan tapak dewan dan surau, kemudahan awam dan infrastruktur. Butiran mengenai komponen projek yang dirancang adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Jenis Rumah Yang Dicadang**

Bil.	Jenis Rumah	Unit	Luas (Kaki Persegi)	Anggaran Kos (RM) Seunit
1.	Penthouse	28	1,542	200,000 – 212,000
2.	Jenis B	84	1,100	140,000 – 155,000
3.	Jenis C	140	855	80,000 – 85,000
4.	Jenis D	90	700	42,000
5.	Lot Banglo	9	5,400	241,455 – 317,679
6.	Kedai	4	-	180,000
<b>Jumlah</b>		<b>355</b>		

*Sumber: Rekod Majlis Daerah Cameron Highlands*

Majlis selanjutnya merancang untuk melaksana sendiri projek Puncak Arabella setelah kajian di dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bharu dan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah yang pernah membangunkan projek seumpamanya secara usaha sama dengan syarikat swasta menghadapi banyak masalah dan tidak menguntungkan Majlis. Ekoran masalah yang dikenal pasti melalui kajian tersebut, Majlis telah menggariskan kebaikan dan keburukan berikut di dalam cadangan mereka untuk melaksanakan sendiri projek:

**i) Kebaikan**

- a) Majlis mempunyai kuasa dan tanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang keputusan melibatkan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan projek.
- b) Kos pembangunan dan penentuan harga jualan dikawal oleh Majlis dengan jangkaan keuntungan yang lebih baik kepada Majlis.
- c) Harga rumah lebih rendah berbanding yang dimajukan oleh swasta.

## **ii) Keburukan**

- a) Beban kerja Majlis akan bertambah dan perlu menguruskan segalanya berkaitan dengan pembangunan projek.
- b) Memerlukan kewangan yang kukuh.
- c) Segala kesulitan pelaksanaan projek terpaksa diselesaikan oleh Majlis.

Persetujuan membenarkan Majlis membangunkan sendiri projek Puncak Arabella akhirnya diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Ahli Majlis pada bulan April 1999. Majlis juga telah memperolehi pengecualian daripada memohon lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2(b), Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (pindaan 1988) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

### **66.1.3 Sumber Kewangan**

Projek ini akan dibiayai sepenuhnya daripada sumber kewangan Majlis sendiri melalui hasil terimaan bayaran jualan rumah. Majlis menganggarkan kos melaksanakan projek adalah sejumlah RM31.71 juta iaitu termasuk kos pembangunan dan pelaksanaan projek.

### **66.1.4 Pemilihan Tapak Dan Kajian Tapak**

Majlis tidak mempunyai pilihan lain selain membangunkan projek di tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja. Memandangkan tapak tersebut terletak di lereng bukit, Majlis telah melantik sebuah syarikat membuat kajian Penilaian Kestabilan dan Keselamatan Tapak Projek pada pertengahan tahun 1999. Kajian tersebut meliputi:

- i) *Geotechnical Survey.*
- ii) *Geological Survey.*
- iii) *Stability of Slopes.*

- iv) *Cutting.*
- v) *Embankment (filling).*
- vi) *Pile Foundation.*
- vii) *Overall Strength of Building Structure.*
- viii) *General Provisions For Catastrophic Failure.*
- ix) *Storm Water Drainage.*

#### **66.1.5 Pelantikan Juruperunding**

Projek sebegini merupakan yang pertama seumpamanya dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. Selain tidak mempunyai kepakaran, Majlis juga tidak mempunyai tempat yang boleh dibuat rujukan. Bagi mengatasinya, Majlis akan melantik Juruperunding Swasta dengan kerjasama daripada Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya.

#### **66.1.6 Unjuran Keuntungan**

Majlis menganggarkan keuntungan sejumlah RM4.79 juta daripada hasil jualan sejumlah RM36.50 juta berbanding kos RM31.71 juta. Bagaimanapun anggaran tersebut tidak termasuk bayaran premium tanah bagi tapak projek yang bernilai RM3.53 juta.

#### **66.1.7 Perancangan Luar Jangka**

Selain faktor kewangan, adalah didapati Majlis tidak merangka suatu perancangan luar jangka bagi menentukan tindakan pilihan yang akan diambil jika sesuatu perkara yang dirancang tidak tercapai sepenuhnya. Antara perkara yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:

- i) Tindakan pilihan sekiranya syarikat kontraktor, arkitek dan juga juruperunding gagal melaksanakan tugas mengakibatkan projek gagal atau terbengkalai;
- ii) Cadangan sumber kewangan pilihan bagi pembiayaan projek; dan
- iii) Risiko jangka panjang kepada Majlis selepas projek siap.

**Pada pandangan Audit, walaupun Majlis mempunyai perancangan bagi projek perumahan ini, namun perkara luar jangka tidak diperincikan dan jangkaan keupayaan melaksanakan projek tersebut tidak dinilai dengan sebaiknya. Oleh kerana tidak memasukkan unsur kos tapak projek berdasarkan nilai pasaran sebagai modal projek juga telah menyebabkan jangkaan keuntungan yang dibuat adalah tidak tepat.**

## **66.2 PELAKSANAAN**

Projek Perumahan Puncak Arabella dilaksanakan oleh Majlis sendiri. Dengan ini, Majlis adalah sebagai pemaju perumahan seterusnya bertanggungjawab dalam hal ehwal pengiklanan dan penjualan rumah bagi projek tersebut selain menjalankan kuasa dan tanggungjawabnya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan. Pada bulan Februari 1999, Majlis telah mendapat pengecualian Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan daripada memohon lesen pemaju perumahan, permit iklan dan jualan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek mendapati perkara berikut:

### **66.2.1 Tapak Projek**

Majlis tidak mempunyai pilihan selain melaksanakan projek tersebut di atas tapak yang dicadangkan. Ini kerana tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri seluas 3.53 hektar di atas lot 1009, PN 4510, Mukim Tanah Rata, Cameron Highlands pada bulan Mei 1997 adalah berstatuskan bangunan kediaman. Walaupun tapak tersebut terletak di lereng bukit, Majlis meneruskan juga projek tersebut apabila pihak konsultan yang dilantik menjalankan kajian tapak memberikan jaminan tentang keselamatan tapak berkenaan. Dari segi kedudukannya, tapak tersebut mempunyai lokasi yang strategik, persekitaran yang baik dan berdekatan dengan pembangunan yang sedia ada dan mempunyai permintaan yang tinggi daripada penduduk Cameron Highlands.

**Pada pandangan Audit, pemilihan tapak adalah bersesuaian dan mempunyai pasaran yang baik.**

#### **66.2.2 Pemilihan Kontraktor**

Pemilihan kontraktor dibuat secara tender terbuka. Mengikut rekod di Majlis, sebanyak 10 kontraktor telah membuat tawaran untuk melaksanakan projek ini. Bagaimanapun semua tawaran harga yang diterima agak tinggi berbanding anggaran Majlis. Dengan ini, Majlis mempelawa tawaran tender kali kedua dengan penyertaan 7 kontraktor. Namun, harga yang ditawarkan juga masih melebihi daripada anggaran. Akhirnya Majlis telah membuat rundingan semula dengan kesemua kontraktor berkaitan mengenai penentuan harga kontrak. Kontraktor yang terpilih bersetuju dengan harga tawaran ditetapkan sejumlah RM26.09 juta berasaskan kaedah *lump-sum* dan dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Majlis kemudiannya.

**Pada pandangan Audit, rundingan semula harga dengan kesemua penender oleh Majlis adalah wajar memandangkan harga tawaran melebihi harga anggaran Majlis selepas tender kali kedua dibuat.**

#### **66.2.3 Syarat Perjanjian**

Semakan Audit mendapati Majlis ada menyediakan dokumen kontrak mengikut standard yang diguna pakai oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia. Syarat kontrak telah dipenuhi dan menjaga kepentingan Majlis meliputi perkara berikut:

- i)** Surat Setuju Terima Tender ada disediakan;
- ii)** Bon Pelaksanaan sejumlah RM1.30 juta berbentuk Jaminan Bank ada dibuat;
- iii)** Polisi Insurans Tanggungan Awam dengan nilai diinsuranskan sejumlah RM1 juta; dan
- iv)** Polisi Insurans Pampasan Pekerja sejumlah RM4.49 juta.

**Pihak Audit berpendapat, syarat perjanjian yang ditetapkan adalah jelas dan wajar dalam menjaga kepentingan Majlis.**

#### **66.2.4 Pelantikan Juruperunding**

Majlis membuat tawaran tertutup kepada 3 syarikat berdasarkan kepada pengalaman syarikat yang pernah menjalankan kerja di kawasan sekitar Cameron Highlands. Bagaimanapun, pelantikan juruperunding pertama pada tahun 1998 terpaksa dibatalkan setelah beberapa masalah timbul di antara juruperunding dengan pihak kontraktor. Juruperunding terbabit bersetuju menarik diri dengan menandatangani *Deed of Mutual Release & Settlement* pada bulan Disember 2000. Sebagai ganti, Majlis telah melantik juruperunding yang baru. Penamatan tersebut menyebabkan Majlis membayar sejumlah RM1.19 juta kepada juruperunding pertama. Manakala bayaran yang dituntut oleh juruperunding yang baru pula dianggarkan sejumlah RM1.05 juta. Ini menjadikan bayaran juruperunding projek meningkat RM2.24 juta melebihi sejumlah RM0.33 juta daripada yang diperuntukkan. Masalah tersebut juga turut menyumbang kepada kelewatan kerja pembinaan oleh kontraktor terbabit.

**Pada pandangan Audit, pemberhentian Juruperunding pertama sepatutnya tidak dibuat bagi mengelakkan kerugian di pihak Majlis dan masalah yang berbangkit diselesaikan kerana kedua pihak dilantik oleh Majlis sendiri.**

#### **66.2.5 Syarat Perjanjian Juruperunding**

Perjanjian dengan juruperunding kedua ditandatangani pada bulan Jun 2001. Beberapa perkara yang disentuh dalam perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

##### **i) Obligasi Juruperunding Arkitek**

Juruperunding perlulah menggunakan kemahiran, kewaspadaan dan kebijaksanaannya yang munasabah semasa melaksanakan khidmat profesionalnya. Adalah



menjadi tanggungjawab Juruperunding untuk sentiasa memaklumkan sebarang perubahan yang dianggap material melibatkan jangkaan kos dan masa yang memerlukan persetujuan pihak Majlis terlebih dahulu.

#### **ii) Penyeliaan Di Tapak Projek**

Juruperunding dipertanggungjawabkan menyelia kerja di tapak telah dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak. Juruperunding juga hendaklah mengesahkan penyiapan kerja pada setiap peringkat dengan mengeluarkan sijil yang khusus mengenainya kepada Majlis. Majlis pula boleh mengeluarkan sebarang arahan kepada Juruperunding atau wakilnya secara bertulis.

#### **iii) Obligasi Majlis**

Majlis hendaklah memberikan kerjasama dan keperluan dalam masa yang munasabah kepada Juruperunding segala data dan maklumat berkaitan projek tanpa dikenakan sebarang caj. Bagaimanapun, penggunaan segala maklumat dan dokumen yang diberikan tidak melepaskan Juruperunding dari tanggungjawabnya menggunakan kemahiran, kewaspadaan dan kebijaksanaannya yang munasabah semasa melaksanakan khidmat profesionalnya itu.

Hasil dari semakan Audit mendapati Juruperunding ada mengemukakan laporan mengenai kemajuan projek pada setiap bulan kepada Majlis dengan disertakan sijil khusus mengenai penyiapan kerja pada setiap peringkat.

**Pada pendapat Audit, syarat pelantikan juruperunding adalah jelas dan wajar bagi menjaga kepentingan Majlis. Walau bagaimanapun, draf perjanjian ini tidak dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk dihalusi.**

#### 66.2.6 Jadual Pelaksanaan

Pada peringkat awal pelaksanaan, projek ini lewat dimulakan kerana masalah yang berbangkit dengan pihak Juruperunding dan masalah penentuan harga projek di antara Majlis dengan pihak kontraktor terbabit. **Jadual 39** menunjukkan jadual pelaksanaan kerja yang ditetapkan bagi projek ini:

**Jadual 39  
Pelaksanaan Kerja**

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Pelantikan Juruperunding Arkitek	November 1998
2.	Tawaran Tender Dan Runding Harga Dengan Kontraktor	Feb 2000
3.	Pelantikan Kontraktor	Mac 2000
4.	Penyerahan Tapak	Mac 2000
5.	Kerja Pembinaan Bermula	April 2000
6.	Kerja Sepatutnya Siap	Disember 2001

*Sumber: Rekod Majlis Daerah Cameron Highlands*

Berdasarkan jadual pelaksanaan di atas, projek sepatutnya siap pada bulan Disember 2001. Bagaimanapun selepas 3 kali lanjutan masa diberi, projek yang sepatutnya siap pada bulan Ogos 2003 tetapi sehingga bulan Disember 2003 hanya siap pada tahap 96%. Semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2003, kerja terakhir masih berjalan. Akibat kelewatan tersebut, Sijil Layak Menduduki belum lagi dipohon oleh pihak kontraktor dan ini telah menjejaskan jadual penyerahan rumah kepada pembeli.

**Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek yang tidak mengikut jadual telah merugikan Majlis dari segi kutipan bayaran daripada pembeli kerana rumah tidak dapat diserahkan.**

## 66.2.7 Prestasi Projek

### i) Prestasi Fizikal

Mengikut jadual pelaksanaan, projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan Ogos 2003. Pada bulan Disember 2003, juruperunding melaporkan projek ini hanya disiapkan pada tahap 96%. Pada keseluruhannya, prestasi projek adalah memuaskan kerana kesemua komponen utama projek seperti unit rumah, lot banglo, kedai, penthouse dan infrastruktur seperti tangki air, tempat letak kereta dan jalan telah siap dibina. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Projek dan juga hasil daripada tinjauan yang dibuat mendapati beberapa perkara seperti berikut:

#### a) Kesan Hakisan

Oleh kerana kedudukan tapak secara topografi berada di lereng bukit, kesan hakisan tidak dapat dielakkan. Empat kawasan hakisan cerun telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Projek dan pernah dilaporkan dalam akhbar pada bulan Disember 2002. Semasa lawatan oleh pihak Audit adalah didapati cerun yang dibuat oleh kontraktor terbabit di hadapan lot banglo pada nisbah 1:0.5 adalah tidak menepati spesifikasi 1:1 mengikut kehendak Pelan Kerja Tanah Cerun yang dipersetujui. Walau bagaimanapun, pihak juruperunding projek menjelaskan cerun yang dibina mempunyai sistem perparitan yang sempurna dan mengesahkan bahawa cerun tersebut adalah stabil dan selamat. Pihak juruperunding telah memberi jaminan dan satu laporan mengenai kestabilan cerun berkenaan ada disediakan. Keadaan cerun tersebut adalah seperti di **Foto 3**.

**Foto 3**  
**Gambaran Keadaan Cerun**



Sumber: Foto Majlis Daerah Cameron Highlands  
Tarikh: 24 Oktober 2003

**b) Penanaman Rumput**

Pihak Audit mendapati rumput yang ditanam di kawasan cerun tidak hidup dengan sempurna dan mendedahkannya kepada hakisan dan tebing runtuh. Pihak Juruukur Bahan memaklumkan syarat kontrak memperuntukkan 50% kawasan cerun hendaklah ditanam rumput secara rapat manakala selebihnya lagi secara *hydroseeding*. Pihak juruperunding projek juga menjelaskan perkara tersebut telah dibincangkan semasa mesyuarat tapak dan tindakan bagi menangani masalah tersebut akan dilaksanakan dengan segera. **Foto 4** menunjukkan rumput yang ditanam di kawasan cerun.

**Foto 4**  
**Cerun Yang Tidak Ditanam Rumput Dengan Baik**



*Sumber: Foto Majlis Daerah Cameron Highlands  
Tarikh: 24 Oktober 2003*

**c) Kerangka Bumbung**

Adalah didapati kayu kerangka bumbung yang digunakan mempunyai sijil daripada pembekal kayu. Mengikut sijil berkenaan, kayu yang digunakan telah dirawat pada September 2002.

**d) Lanjutan Masa**

Mengikut kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan dalam tempoh 22 bulan yang bermula pada bulan Mac 2000 hingga Disember 2001. Bagaimanapun, kontraktor projek gagal menyiapkannya dan lanjutan masa sebanyak 3 kali telah diberikan oleh Majlis. Tarikh akhir projek patut disiapkan selepas lanjutan masa kali ketiga ialah pada bulan Ogos 2003. Walau bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2003, projek berkenaan belum siap sepenuhnya dan berada pada tahap 96%. Semakan Audit mendapati tempoh lanjutan masa pertama diberi antara bulan Disember 2001 hingga Julai 2002 iaitu selama 7 bulan. Lanjutan kali kedua pula ialah pada bulan Julai 2002 sehingga akhir Disember

2002 selama 168 hari dan lanjutan masa kali yang ketiga pula mulai awal bulan Januari sehingga akhir Ogos 2003. Selain masalah berkaitan dengan juruperunding pada awal pelaksanaan, lanjutan masa kedua dan ketiga diberikan adalah kerana masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan keadaan cuaca.

**Pada pendapat Audit, Majlis perlu memastikan projek disiapkan segera bagi membolehkan unit rumah diserahkan kepada pembeli sebaik sahaja Sijil Layak Menduduki diperolehi. Sebarang kelewatan akan menyebabkan Majlis menanggung kerugian bukan sahaja tidak mendapatkan bahagian bayaran akhir daripada pembeli tetapi juga berbagai tuntutan lain yang mungkin timbul.**

## **ii) Prestasi Kewangan**

### **a) Hasil Penjualan Rumah**

Sehingga bulan Disember 2003, Majlis berjaya menjual 323 unit rumah dengan harga berjumlah RM32.19 juta. Hanya 10 unit *penthouse* belum lagi dijual walaupun berbagai usaha telah dilakukan seperti melantik ejen hartanah dan promosi jualan secara berterusan oleh Majlis. Walau bagaimanapun, Majlis hanya berjaya mengutip sejumlah RM19.29 juta daripada jumlah harga jualan.

### **b) Masalah Kewangan**

Semasa pelaksanaan projek, Majlis menghadapi kekurangan tunai untuk membiayai projek menyebabkan simpanan tetap sejumlah RM7.16 juta terpaksa dicairkan. Masalah aliran tunai yang dihadapi Majlis adalah berikutan kegagalan kontraktor melaksanakan kerja mengikut jadual menyebabkan

tuntutan bayaran kemajuan daripada pembeli seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Jual Beli tidak dapat dibuat. Bagaimanapun, masalah tersebut telah berjaya diatasi dengan kedudukan kewangan projek pada bulan Mac 2004 adalah sejumlah RM2.44 juta dengan tiada tanggungan belum bayar direkodkan.

**c) Jangkaan Keuntungan**

Walaupun pada mulanya Majlis menjangkakan akan memperolehi keuntungan sejumlah RM4.79 juta daripada projek ini, semakan Audit mendapati sasaran keuntungan itu akan tercapai. Ini disebabkan Majlis tidak mengambil kira kos tanah dan kos tambahan pertukaran juruperunding. Jika kedua kos tersebut diambil kira, Majlis sebenarnya mengalami kerugian sejumlah RM115,860. Bagaimanapun, jumlah kerugian itu belum mengambil kira kos melepasi kelewatan projek dan kegagalan Majlis menjual beberapa unit *penthouse*. Butir lanjut perkiraan adalah seperti berikut:

<b>Pendapatan</b>	<b>(RM)</b>
Dokumen Tender	27,510
Permohonan Rumah	6,706
Faedah Bank	123,543
Denda Lewat	21,447
Jualan Rumah	32,193,324
Tempat Letak Kereta	140,500
Kuarters Dan Pejabat	2,157,000
Denda Lewat Siap	790,874
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>35,460,904</b>
<b>Perbelanjaan</b>	
Modal Tanah	3,530,000
Bayaran Juruukur	24,834
Bayaran Juruperunding	2,243,475
Elaun Mesyuarat	28,970
Laporan Geoteknikal	32,000
Hak Milik Muktamad	6,884
Kos Pentadbiran	900,000
Bayaran Jurutera Residen	148,045
Pembangunan Tanah Dan Kos Pembinaan	27,584,398
Perbelanjaan Luar Jangka	527,139
Hak Milik Strata Dan Tenaga Nasional Berhad	330,000
Pelbagai	200,362
Kajian Tanah	20,657
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>35,576,764</b>
<b>Jangkaan Keuntungan/(Rugi)</b>	<b>(115,860)</b>

Sumber: Rekod Majlis Daerah Cameron Highlands

**d) Tunggakan Hasil Jualan Rumah**

Sehingga kini, Majlis telah berjaya menjual 97% iaitu 323 unit rumah daripada 333 unit yang perlu dijual. Pencapaian ini bolehlah dibanggakan oleh Majlis kerana sambutan yang begitu menggalakkan daripada pembeli terhadap projek yang dibangunkan. Semakan Audit mendapati selain daripada pembiayaan oleh institusi kewangan dan kerajaan untuk kakitangan awam, Majlis juga menerima pembelian terus oleh pihak pembeli



yang akan menjelaskan sendiri tanpa pembiayaan institusi kewangan. Daripada 323 unit rumah yang telah dijual, sebanyak 189 pembelian adalah melalui pembiayaan institusi kewangan sementara 77 lagi dengan pinjaman kerajaan. Bagaimanapun baki 57 pembeli lagi adalah mereka yang akan membayar secara tunai.

Sehingga bulan Disember 2003, pihak Audit mendapati 7 pembeli pembiayaan sendiri gagal menjelaskan bayaran sejumlah RM446,176 iaitu lewat 2 kali jadual bayaran. Majlis telah mengambil tindakan membatalkan beberapa perjanjian jual beli dan menjual semula kepada pembeli lain. Sehingga kini, hanya 3 orang pembeli tunai yang masih belum menjelaskan bayaran sejumlah RM89,940.

**Pada pendapat Audit, Majlis sepatutnya mengutamakan pembeli yang memperoleh pembiayaan menerusi institusi kewangan atau pinjaman kerajaan sahaja. Bagi pembeli secara tunai, syarat yang lebih ketat sepatutnya dimasukkan di dalam perjanjian seperti dikehendaki membuat bayaran pendahuluan yang lebih besar dan mengemukakan jaminan tertentu.**

#### **66.2.8 Masalah Pelaksanaan**

Walaupun Majlis mempunyai program pelaksanaan yang menyeluruh pada peringkat perancangan, namun semasa pelaksanaan, program tersebut tidak dapat menepati seperti mana yang dirancang. Antara perkara yang menjadi punca masalah semasa pelaksanaan adalah seperti berikut:

**i) Guna Tenaga Dan Kepakaran**

Majlis mempunyai guna tenaga dan kepakaran yang terhad memajukan projek perumahan seumpama ini. Hanya 2 Pembantu Teknik ditugaskan menyelaras projek berkenaan. Hal ehwal pengurusan pemasaran dan jualan rumah pula diuruskan oleh Penolong Pegawai Tadbir. Walaupun Majlis menyedari masalah tersebut dan melantik Juruperunding dan Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya selaku Penasihat Teknikal, beberapa perkara masih memerlukan keputusan dan tindakan di pihak Majlis sendiri termasuk memantau kerja juruperunding.

**Majlis sepatutnya mengambil kira keupayaannya semasa memutuskan untuk mengendalikan sendiri projek ini. Walaupun juruperunding ada dilantik, beberapa perkara masih memerlukan keputusan dan tindakan Majlis sendiri.**

**ii) Sijil Layak Menduduki**

Majlis merupakan pemaju kepada projek ini tetapi pada masa yang sama adalah agensi yang menyelaras dan berkuasa untuk mengeluarkan Sijil Layak Menduduki apabila projek siap. Soal *conflict of interest* mungkin timbul di antara tanggungjawab penguatkuasaan dengan matlamat Majlis sebagai pemaju. Majlis menjelaskan perkara tersebut memang disedari dan pihaknya akan mematuhi garis panduan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dalam pemberian Sijil Layak Menduduki.

**Majlis perlulah memastikan bahawa konflik kepentingan tidak mempengaruhi pertimbangan Majlis semasa meluluskan Sijil Layak Menduduki terhadap Projek Puncak Arabella walaupun Majlis sendiri terlibat sebagai pemaju kepada projek.**

### **iii) Laporan Juruperunding**

*Memorandum of Agreement* di antara Majlis dengan Juruperunding menyatakan Juruperunding bertanggungjawab menyelia pelaksanaan kerja yang dilakukan oleh kontraktor adalah mengikut spesifikasi kontrak dan menyediakan laporan khusus pada setiap peringkat pelaksanaan.

Semakan Audit menunjukkan pada setiap bulan pihak kontraktor ada mengemukakan Laporan Kemajuan Kerja Pembinaan Bulanan dan Laporan Bulanan oleh Juruukur Bahan. Selain itu, laporan pengesahan oleh Juruperunding mengenai tindakan pembetulan terhadap perkara yang tidak dipatuhi oleh kontraktor terbabit turut dikemukakan kepada pihak Majlis dari semasa ke semasa sepanjang pelaksanaan projek.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini hanya boleh dianggap berjaya jika projek ini dapat disiapkan sepenuhnya dengan Sijil Layak Menduduki diperoleh dalam tempoh terdekat ini walaupun tempoh sebenarnya telah melewati 2 tahun dari jadual asal. Dari segi pulangan kewangan kepada Majlis, projek ini sebenarnya tidak menguntungkan jika kos keseluruhan termasuk kos tanah diambil kira.**

## **66.3 PEMANTAUAN**

Adalah didapati Majlis telah mengambil kira aspek pemantauan sejak awal pelaksanaan projek lagi. Oleh itu, ada 2 jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:

### **66.3.1 Jawatankuasa Pelaburan**

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 1998 dengan dianggotai oleh 5 orang ahli yang terdiri daripada Jurutera Daerah dan kakitangan Majlis dengan dipengerusikan oleh Yang Dipertua. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan projek. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menentukan harga jualan rumah, menyemak

urusan tender dan perjanjian dengan pembeli. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat melebihi 30 kali sejak permulaan projek dan sehingga kini.

### **66.3.2 Jawatankuasa Pengurusan Projek**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis dan ahlinya terdiri daripada Jurutera Daerah dan kakitangan Majlis. Fungsi Jawatankuasa ini adalah memantau projek yang dilaksanakan mengikut keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa ini dikehendaki mengadakan mesyuarat tapak setiap 2 minggu sekali yang turut dihadiri oleh kontraktor dan juruperunding projek. Mengikut rekod sehingga 31 Disember 2003, mesyuarat tapak telah diadakan sebanyak 24 kali sejak bulan Mac 2001. Sebarang masalah berkaitan dengan pelaksanaan projek juga telah dibincangkan semasa Jawatankuasa ini sebelum ia dibawa kepada Mesyuarat Penuh Ahli Majlis.

**Pada pendapat Audit, pemantauan Majlis terhadap projek ini adalah mencukupi.**

## **67. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pembangunan Projek Perumahan Puncak Arabella yang dimajukan oleh Majlis pada asasnya telah mencapai matlamat dari segi mewujudkan peluang kepada penduduk setempat memiliki rumah walaupun pembangunannya lewat disiapkan iaitu melebihi 2 tahun daripada jadual asal. Dari segi perancangan projek, Majlis telah mengambil kira beberapa perkara asas kecuali dari segi keupayaan kakitangan Majlis dan perkiraan jangkaan keuntungan yang tidak mengambil kira kos tanah. Bagi pelaksanaannya pula, soal pemilihan juruperunding dan kaedah jualan rumah secara bayaran tunai nampaknya tidak mengambil kira faktor risiko jangka panjang. Akibatnya Majlis menghadapi masalah aliran tunai untuk membiayai projek. Adalah diharapkan pelaksanaan Projek Perumahan Puncak Arabella secara sendiri ini boleh dijadikan panduan berguna di masa hadapan dengan memberi perhatian khusus kepada perkara berikut:

- i) Mengambil kira keupayaan sebenar Majlis dari segi guna tenaga dan kepakaran untuk mengendalikan projek seperti ini walaupun dilaksanakan melalui pelantikan juruperunding.
- ii) Kaedah penjualan rumah yang ditetapkan harus mengambil kira risiko kewangan Majlis.
- iii) Mengenal pasti dengan jelas unsur *conflict of interest* di pihak Majlis sebagai pemaju projek dan pihak penguat kuasa supaya tidak mengganggu kelancaran pelaksanaan projek.
- iv) Mengambil kira risiko jangka panjang yang mungkin dihadapi oleh Majlis.

## **BAHAGIAN V PERKARA AM**

### **68. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Adalah didapati perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2001, sebahagiannya telah diselesaikan manakala sebahagian lagi masih dalam siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang. Kedudukan masa kini bagi perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002 adalah seperti di bawah.

### **69. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002**

#### **69.1 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PENGURUSAN KEWANGAN**

Beberapa kelemahan pengurusan kewangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dilaporkan pada tahun lalu. Antaranya sebanyak 77 penyata pemungut bernilai RM498,785 belum dikeluarkan resit oleh Perbendaharaan Negeri kerana belum dikemukakan oleh pihak bank. Bagi kawalan perbelanjaan pula, sebanyak 179 baucar tunai bernilai RM0.65 juta belum dikembalikan oleh beberapa Jabatan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Penyata Pemungut berkenaan masih belum dikemukakan oleh pihak bank. Namun, Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan menyediakan satu Penyata Pemungut yang lain pada bulan Disember 2003 dan resit Perbendaharaan telah dikeluarkan juga pada bulan Disember 2003. Semakan Audit pada bulan Mac 2004 terhadap Daftar Baucar Tunai pula

menunjukkan sebanyak 41 baucar tunai bernilai RM172,162 masih belum dikembalikan oleh Jabatan berkenaan.

## **69.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH LIPIS PENGURUSAN KEWANGAN**

Pemeriksaan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis mendapati Fail Meja tidak dikemas kini dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun belum ditubuhkan. Daftar Mel tidak diperiksa oleh pegawai penyelia dan nombor resit tidak dicatat dalam daftar berkenaan. Sehingga tahun 2002, Pejabat mencatatkan tunggakan hasil berjumlah RM2.70 juta. Pengurusan deposit pula menunjukkan 291 akaun deposit dari tahun 1987 hingga 2000 berjumlah RM1.03 juta belum diwartakan. Manakala bagi aspek pengurusan aset adalah didapati Daftar Harta Modal dan Buku Log tidak kemas kini. Selain itu, pemeriksaan tahunan terhadap aset tidak dibuat.

### **Kedudukan Masa Kini**

Pejabat telah mengambil tindakan mengemas kini Fail Meja kakitangan manakala Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan pada bulan Januari 2003. Pengemaskinian Daftar Mel, Daftar Harta Modal dan Buku Log telah dilakukan secara berterusan. Kedudukan sebenar tunggakan cukai tanah ialah RM698,015. Pejabat telah menghantar surat peringatan kepada pemilik tanah terbabit untuk segera menjelaskan tunggakan. Walau bagaimanapun, tindakan belum diambil untuk mewartakan deposit yang tidak aktif.

## **69.3 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG PENGURUSAN KEWANGAN**

Pemeriksaan Audit mendapati Fail Meja tidak kemas kini. Kelemahan kawalan hasil ialah pemeriksaan mengejut tidak dilakukan dan penyata penyesuaian hasil tidak disediakan. Bagi kawalan perbelanjaan, Buku Vot dan Daftar Bil tidak dikemas kini dan tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab. Manakala sebanyak 309 akaun wang jaminan deposit bagi tahun 1985 hingga 2001 berjumlah RM593,880 belum diwartakan.

Kelemahan pengurusan aset adalah Daftar Harta Modal tidak diselenggara dan Buku Log kenderaan tidak kemas kini.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan telah mengambil tindakan mengemas kini Fail Meja, Buku Vot, Daftar Bil dan Daftar Harta Modal. Penyata penyesuaian hasil telah disediakan. Selain itu, tindakan untuk mewartakan wang jaminan akan diambil setelah mendapat nasihat daripada Penasihat Undang-undang Negeri.

### **69.4 PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PENGURUSAN KEWANGAN**

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Pejabat Pembangunan Negeri adalah memuaskan kecuali beberapa aspek pengurusan perbelanjaan seperti Daftar Bil dan Daftar Sebut Harga tidak diselenggarakan. Tanggungan perbelanjaan tidak dicatat ke dalam Buku Vot. Selain itu, pemeriksaan terhadap harta modal tidak dilakukan dan daftarnya tidak dikemas kini.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Pejabat Pembangunan Negeri telah mengambil tindakan menyelenggarakan Daftar Bil dan Daftar Sebut Harga. Tanggungan perbelanjaan juga telah dicatat ke dalam Buku Vot. Pemeriksaan terhadap harta modal telah dilakukan dan daftarnya telah dikemas kini.

### **69.5 DEWAN NEGERI PAHANG PENGURUSAN KEWANGAN**

Beberapa kelemahan pengurusan kewangan Dewan Negeri Pahang dilaporkan tahun lalu. Antaranya kakitangan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkaitan. Dalam aspek kawalan perbelanjaan pula, penyata penyesuaian perbelanjaan tidak disediakan, manakala Daftar Bil tidak diselenggara. Selain itu, bil telefon, bekalan air, elektrik dan tuntutan perjalanan lewat dikemukakan untuk



bayaran. Bagi pengurusan aset, Daftar Harta Modal tidak diselenggara dan pemeriksaan tahunan tidak dibuat.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Mulai tahun 2003, Dewan Negeri Pahang bersetuju menghantar kakitangan mengikuti kursus yang sesuai dengan tugas kakitangan berkaitan. Dewan juga telah mengambil tindakan menyelenggarakan Daftar Bil dan menyediakan penyata penyesuaian perbelanjaan. Dewan juga akan mengatasi masalah tuntutan yang lewat diterima. Daftar Harta Modal telah diselenggara dan pemeriksaan tahunan akan dilaksanakan.

### **69.6 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH**

Kajian Audit terhadap Pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah menemui beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan dan pemantauan projek. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang dikenal pasti adalah pemilihan tapak tidak sesuai, projek belum siap, projek siap masih belum mendapat Sijil Layak Menduduki dan kelewatan mengagihkan rumah. Manakala kelemahan di peringkat pemantauan yang dikenal pasti adalah kegagalan Unit Perumahan dan Jabatan Perumahan Negara memainkan peranan masing-masing seperti membuat lawatan ke tapak projek, membantu mempercepatkan proses kelulusan pelan daripada Jabatan Teknikal dan Mesyuarat Tapak tidak diadakan. Selain itu, Jawatankuasa Pusat Sehenti yang sepatutnya meneliti keperluan Jabatan Teknikal tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Kajian terperinci mengenai pemilihan tapak projek akan diutamakan di masa hadapan. Pada bulan Jun 2004, adalah didapati 1 daripada 3 projek berkenaan telah pun siap sementara 2 lagi tidak dapat disiapkan. Tindakan susulan untuk memastikan kontraktor terbabit menyegerakan proses pengeluaran Sijil Layak Menduduki telah dibuat. Setakat ini 3 daripada 4 projek seperti yang dilaporkan telah memperoleh sijil berkenaan. Kelewatan mengagihkan rumah juga dapat diatasi sepenuhnya. Pemantauan juga telah

dibuat dari semasa ke semasa dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sehati lebih kerap.

#### **69.7 JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG PENYELENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI**

Kajian Audit terhadap Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Negeri mendapati Jabatan tidak mempunyai perancangan yang terperinci berhubung dengan penyelenggaraan kuarters khususnya dari aspek pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berjadual. Dari segi pelaksanaan, kerja penyelenggaraan hanya dibuat secara *ad hoc*, tempoh penyelenggaraan terhadap kerosakan biasa tidak konsisten dan kajian serta laporan penilaian kuarters lama tidak dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Selain itu, peruntukan penyelenggaraan yang diagih kepada Jurutera Daerah tidak mencukupi dan sukar dirancang. Walaupun mekanisme pemantauan adalah memadai, namun tindakan susulan terhadap kuarters yang rosak dan usang tidak dibuat.

##### **Kedudukan Masa Kini**

Rancangan pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berjadual sudah pun disediakan untuk tindakan Jurutera Daerah. Begitu juga arahan supaya melaksanakan penyelenggaraan kerja biasa dibuat dengan segera. Syor dan laporan penilaian kuarters lama pula, sehingga kini masih pada peringkat pengumpulan maklumat daripada Jurutera Daerah untuk dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Jabatan juga mengambil maklum tentang peruntukan yang tidak mencukupi dan tindakan sewajarnya diambil pada tahun 2004.

#### **69.8 JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TANI**

Kajian Audit terhadap Program Pembangunan Usahawan Tani mendapati di peringkat perancangan adalah didapati jenis tanaman, strategi pemasaran, pembangunan produk dan kawalan mutu kurang diberi penekanan oleh

Jabatan. Dari segi pelaksanaan pula, Jabatan tidak mengkaji kesesuaian tapak projek Pengeluaran Makanan dan tidak ada kriteria khusus ditetapkan terhadap pemilihan peserta projek Pembangunan Wanita. Selain itu, tempoh pengiklanan pengambilan peserta projek Pengeluaran Makanan tidak mencukupi untuk memberi ruang kepada Jabatan menganalisa dan mengkaji latar belakang dan pengalaman pemohon. Begitu juga butiran perjanjian penyertaan antara peserta dengan Jabatan didapati belum disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri. Dalam soal pemasaran, antara masalah yang dihadapi ialah pasaran turun naik, lambakan hasil, edaran yang terhad dan pengeluaran produk yang sama.

### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan Pertanian telah merancang untuk mengusahakan tanaman sayur di dalam rumah kalis hujan yang dijangka dilaksanakan pada bulan Julai 2004. Selain pemasaran yang dilakukan oleh FAMA, Jabatan juga menggalakkan pemasaran secara terus oleh peserta. Begitu juga, kawalan mutu bagi produk yang berpotensi juga telah diuji di makmal Ibu Pejabat. Dari segi kesesuaian tapak projek, kajian mengenainya akan dibuat sementara kriteria pemilihan peserta projek juga ditetapkan dan seterusnya diurus oleh Ibu Pejabat. Tindakan susulan terhadap perjanjian penyertaan peserta sedang dibuat namun sehingga kini kedudukan masih seperti yang dilaporkan. Jabatan juga mewujudkan Koperasi Pemasaran Kumpulan Pengembangan Wanita peringkat Negeri Pahang untuk memasarkan produk usahawan tani.

## **69.9 LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERTANIAN NEGERI PAHANG PENGURUSAN KEWANGAN**

Dalam aspek kawalan pengurusan, Lembaga belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Jawatankuasa Audit. Bagi kawalan hasil pula, tiada pemeriksaan mengejut dijalankan oleh Ketua Jabatan terhadap peti besi, peti wang tunai seperti kehendak Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Lembaga. Di samping itu, Lembaga juga tidak dapat membuat pembayaran balik terhadap pinjaman daripada

institusi kewangan sejak tahun 1997 dan sejumlah RM6.43 juta pinjaman daripada Kerajaan Negeri yang telah matang.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Lembaga belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada bulan November 2002. Lembaga telah menyelenggara Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut dan Ketua Jabatan telah menjalankan pemeriksaan mengejut. Selain itu, Lembaga juga telah menyelaraskan semula pinjamannya dengan institusi kewangan melalui penstrukturan semula pinjaman Lembaga menjadi *Term Loan* mulai tahun 2003. Lembaga juga kini sedang mengambil tindakan bagi pembayaran balik pinjamannya dengan Kerajaan Negeri.

### **69.10 PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG PENGURUSAN KEWANGAN**

Perbadanan masih belum menyediakan sepenuhnya Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Dari aspek kawalan hasil pula, penyelenggaraan Buku Tunai, Buku Vot, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dan kawalan terhadap borang hasil adalah tidak memuaskan. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak disediakan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Perbadanan sedang mengambil tindakan dengan menyediakan sepenuhnya Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Selain itu, Buku Tunai, Penyata Penyesuaian Bank dan Buku Vot juga telah diselenggara dengan sempurna. Daftar Pemeriksaan Mengejut juga telah disediakan.

### **69.11 MAJLIS DAERAH RAUB PENGURUSAN KEWANGAN**

Pemeriksaan Audit mendapati kelemahan pengurusan hasil dan deposit. Majlis tidak mematuhi peraturan berkaitan serahan wang ke bank dan tidak menjalankan pemeriksaan mengejut. Masalah yang paling ketara adalah sistem terimaan hasil khususnya cukai taksiran seperti laporan harian yang

tidak tepat, masalah *Audit Roll* dan lejar individu. Majlis juga mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Majlis telah mengambil tindakan bagi memastikan keselamatan wang pungutan terjamin. Semakan terhadap slip bank selepas kemasukan wang ke bank telah dilakukan. Pemeriksaan mengejut juga telah dilaksanakan. Majlis juga telah menubuhkan petugas khas dalam usaha mengutip tunggakan cukai taksiran tahun 2003 di mana sejumlah RM371,871 telah dapat dikutip.

### **69.12 MAJLIS DAERAH MARAN**

#### **PROJEK PEMBANGUNAN BANDAR BARU SUNGAI JERIK**

Pemeriksaan Audit terhadap Projek Pembangunan Bandar Baru Sungai Jerik mendapati pemaju gagal mematuhi syarat perjanjian dengan Majlis. Antaranya ialah kegagalan pihak pemaju menyerahkan deposit pelaksanaan dan polisi insurans perlindungan. Prestasi projek sehingga ke tarikh pengauditan mendapati 88 unit lot bangunan kedai/pejabat telah disiapkan, bagaimanapun 12 daripada 22 unit lot Bumiputera telah dijual kepada pembeli bukan Bumiputera. Baki 10 unit lagi telah diambil alih oleh Majlis yang kemudiannya 5 unit dijual kepada Bumiputera sementara 3 lagi gagal dijual, manakala 2 unit lagi telah disewakan. Bagaimanapun pengambilalihan 10 unit kedai tersebut tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada Majlis. Selain terpaksa menanggung faedah pinjaman, Majlis juga menghadapi masalah menukar hak milik 5 unit kedai yang dijual kepada bukan Bumiputera. Pada masa yang sama juga Majlis telah membuat lebihan bayaran kepada syarikat pemaju sejumlah RM562,500.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Majlis menjelaskan syarikat pemaju berkenaan telah pun mengemukakan deposit pelaksanaan tersebut sejumlah RM100,000. Mengenai penjualan lot Bumiputera kepada pembeli bukan Bumiputera ianya dilakukan berdasarkan kepada syarat perjanjian usaha sama iaitu lot berkenaan akan bebas selepas 6 bulan dari tarikh tawaran iklan di akhbar tempatan. Penjualan lot

tersebut juga telah mendapat persetujuan Mesyuarat Kewangan Majlis dan dengan berpandukan kepada Perkara-perkara Am Bil. 1 Tahun 1998. Majlis mengambil alih 10 unit lot manakala 5 unit daripadanya terpaksa dijual kepada bukan Bumiputera setelah sekian lama dipegang tanpa sebarang permintaan daripada golongan Bumiputera. Baki 2 unit yang dipegang, Majlis telah menyewakan pada kadar yang berbeza berdasarkan kepada aktiviti penyewa iaitu RM1,500 bagi perniagaan hiburan dan RM450 bagi kegunaan ruang pejabat. Mengenai lebihan bayaran kepada pemaju, Majlis telah mengemukakan tuntutananya dan sehingga kini masih belum diperolehi.

#### **70. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Negeri Pahang dan Aktiviti Jabatan bagi tahun 2002 setakat bulan Julai 2004 belum lagi dibentangkan.

#### **71. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang baru sahaja selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Kerajaan Negeri tahun 2001. Pada tahun 2003, Jawatankuasa telah bermesyuarat 6 kali. Perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri**  
**Pada Tahun 2003**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	30.01.2003	(i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<p>Pembentangan Memorandum Awal Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2001.</p> <p>Membincangkan draf Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Atas Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999.</p>
2.	20.03.2003	(i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<p>Membincangkan draf Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Atas Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999/2000.</p>
3.	05.06.2003	(i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<p>Pembentangan Memorandum Muktamad Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999.</p> <p>Membincangkan draf Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2000.</p>
4.	30.06.2003	(i) Yayasan Pahang	<p>Pengurusan Kewangan Yayasan Meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan Pelaburan, Pinjaman, Akaun Amanah dan Deposit dan Pengurusan Aset</p>
5.	04.08.2003	(i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<p>Pembentangan Memorandum Muktamad Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999.</p> <p>Membincangkan draf Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2000.</p>

Bil	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
6.	30.12.2003	(i) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	Pengurusan Kewangan Jabatan Meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset
		(ii) Jabatan Agama Islam Negeri Pahang	Kajian Audit Terhadap Bekalan Makanan Bermasak Asrama Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang
		(iii) Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang	Kajian Audit Terhadap Ladang Ternakan Rusa Sungai Jin.



## PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatitkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**20 September 2004**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

**(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**23 Ogos 2004**

**LEMBARAN IMBANGAN  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003**

<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2003</u> RM	<u>2002</u> RM
<b>ASET</b>			
A WANGTUNAI	8	34,234,952.73	39,905,437.37
B PELABURAN	8	160,949,855.22	115,083,345.50
		<u>195,184,807.95</u>	<u>154,988,782.87</u>
<b>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :</b>			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9-11	139,623.53	(79,351,473.36)
D AKAUN AMANAH DISATUKAN	12-16	193,544,162.58	230,598,054.23
E AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	17	1,501,021.84	3,742,202.00
		<u>195,184,807.95</u>	<u>154,988,782.87</u>

*Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*



**DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. IMAM ARSHAD  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR**

24 MEI 2004




**HJ. AHMAD BUNIAMIN BIN HJ. ABDULLAH  
AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR**

24 MEI 2004

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003**

	<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2003</u> RM	<u>2002</u> RM
<b>ASET</b>				
F1	PINJAMAN BOLEH TUNTUT	18		
	i Sumber Negeri		79,617,043.28	58,634,534.99
	ii Sumber Persekutuan		167,733,385.59	165,100,203.30
F2	PENYATA PELABURAN	19	376,912.00	376,912.00
F3	TUNGGAKAN HASIL NEGERI		58,831,888.00	52,272,679.73
<b>JUMLAH ASET</b>			<b>306,559,228.87</b>	<b>276,384,330.02</b>
<b>TANGGUNGAN</b>				
G	HUTANG KERAJAAN NEGERI	20	1,352,899,067.19	1,216,618,976.43
<b>JUMLAH TANGGUNGAN</b>			<b>1,352,899,067.19</b>	<b>1,216,618,976.43</b>

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*



**DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. IMAM ARSHAD  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR**

24 MEI 2004



**HJ. AHMAD BUNIAMIN BIN HJ. ABDULLAH  
AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR**

24 MEI 2004

**C** PENYATA RINGKAS HASIL DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Perihal	2003				2002	
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	%	Sebenar	%
	RM	RM	RM		RM	
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>			<b>(79,351,473.36)</b>		<b>(88,291,692.90)</b>	
<b>C1 HASIL</b>						
Hasil Cukai	97,790,000.00	97,790,000.00	89,548,418.03	21.30	93,243,292.51	25.98
Hasil Bukan Cukai	243,183,310.00	243,183,310.00	246,690,475.52	58.65	222,371,791.13	61.96
Terimaan Bukan Hasil	57,176,580.00	57,176,580.00	84,376,916.48	20.05	43,295,062.58	12.06
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>398,149,890.00</b>	<b>398,149,890.00</b>	<b>420,615,810.03</b>	<b>100.00</b>	<b>358,910,146.22</b>	<b>100.00</b>
<b>C2 PERBELANJAAN MENGURUS</b>						
Emolumen	157,446,870.00	161,552,611.14	158,798,769.31	46.55	155,122,375.23	44.32
Perkhidmatan Dan Bekalan	74,732,210.00	78,375,273.35	76,297,786.69	22.37	69,251,909.00	19.79
Aset	4,961,570.00	6,010,992.00	5,899,224.34	1.73	5,377,462.74	1.54
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	225,864,110.00	223,275,050.51	98,917,485.18	29.00	117,831,226.56	33.67
Perbelanjaan Lain	653,010.00	1,222,228.00	1,211,447.62	0.36	2,386,953.15	0.68
<b>JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS</b>	<b>463,657,770.00</b>	<b>470,436,155.00</b>	<b>341,124,713.14</b>	<b>100.00</b>	<b>349,969,926.68</b>	<b>100.00</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN</b>			<b>79,491,096.89</b>		<b>8,940,219.54</b>	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>			<b>139,623.53</b>		<b>(79,351,473.36)</b>	

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,  
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan  
Sehingga 31 Julai 2004**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Tahun Penyata Kewangan Belum Diterima	Bil. Penyata Kewangan Belum Terima
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	-	2000 - 2003	4
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	-	2003	1
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	-	2002 - 2003	2
4.	Yayasan Pahang	-	2003	1
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2002	2003	1
6.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	2002	2003	1
7.	Majlis Sukan Pahang	-	2002 - 2003	2
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	-	2003	1
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2002	2003	1
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
10.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	2002	2003	1
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	-	2003	1
12.	Majlis Perbandaran Temerloh	-	2003	1
13.	Majlis Daerah Jerantut	2002	2003	1
14.	Majlis Daerah Rompin	2001 - 2002	2003	1
15.	Majlis Daerah Bentong	2003	-	-
16.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2003	-	-
17.	Majlis Daerah Raub	-	2003	1
18.	Majlis Daerah Pekan	2002	2003	1
19.	Majlis Daerah Lipis	2002	2003	1
20.	Majlis Daerah Bera	2003	-	-
21.	Majlis Daerah Maran	2002	2003	1
<b>Jumlah</b>				<b>23</b>



**Pensijilan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam  
Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2004**

<b>Agensi Negeri</b>	<b>Bil.Akaun Disijilkan</b>	<b>Tahun Penyata Kewangan</b>	<b>Tarikh Sijil</b>	<b>Jenis Sijil</b>
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	1	1999	17.12.2003	Berteguran
Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	2	2001 2002	06.03.2003 08.04.2004	Tanpa Teguran Berteguran
Yayasan Pahang	2	2001 2002	25.07.2003 30.06.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	3	1999 2000 2001	16.09.2003 18.09.2003 25.05.2004	Berteguran Berteguran Berteguran
Perbadanan Stadium Darul Makmur	2	2000 2001	05.03.2003 10.09.2003	Berteguran Berteguran
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2	2000 2001	18.11.2003 06.05.2004	Berteguran Berteguran
Lembaga Pembangunan Tioman	2	2001 2002	07.02.2003 12.12.2003	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Lembaga Muzium Negeri Pahang	3	1999 2000 2001	27.02.2003 11.08.2003 16.02.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Majlis Sukan Pahang	3	1999 2000 2001	31.03.2003 31.03.2003 29.03.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran Tanpa Teguran
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>20</b>			
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
Majlis Ugama Islam Pahang Dan Adat Resam Melayu Pahang	2	2000 2001	14.10.2003 27.03.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>2</b>			

Agensi Negeri	Bil.Akaun Disijilkan	Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Disijilkan	Jenis Sijil
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
Majlis Perbandaran Kuantan	2	2001 2002	29.05.2003 21.11.2003	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Majlis Perbandaran Temerloh	2	2002	29.12.2003	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Bentong	1	2002	26.08.2003	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Cameron Highlands	2	2001 2002	17.01.2003 02.09.2003	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Majlis Daerah Raub	2	2001 2002	15.04.2003 18.12.2003	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Majlis Daerah Jerantut	2	2001 2002	20.05.2003 17.05.2004	Berteguran Tanpa Teguran
Majlis Daerah Lipis	1	2001	13.06.2003	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Bera	2	2001 2002	25.03.2003 03.10.2003	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Majlis Daerah Maran	4	1999 2000 2001 2002	04.04.2003 04.04.2003 18.12.2003 09.02.2004	Berteguran Berteguran Berteguran Berteguran
Majlis Daerah Pekan	2	2001 2002	25.03.2004 27.04.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Majlis Daerah Rompin	1	2001	27.01.2004	Tanpa Teguran
<b>Jumlah kecil</b>	<b>20</b>			
<b>Jumlah besar</b>	<b>42</b>			



Lampiran V

**Pembentangan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2004**

	Agensi Negeri	Akaun Terakhir Dibentangkan		Akaun Belum Bentang	
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan	Tahun Akaun	Tarikh Sijil
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>					
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	1998	11.11.2002	1999	17.12.2003
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	2001	29.12.2003	2002	08.04.2004
3.	Yayasan Pahang	2001	16.10.2003	2002	30.06.2004
4.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2000	04.06.2004	2001	25.05.2004
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2000	04.06.2004	2001	06.05.2004
6.	Majlis Sukan Pahang	2001	04.06.2004	-	-
7.	Lembaga Pembangunan Tioman	2001	29.12.2003	2002	12.12.2003
8.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	1999	16.10.2003	2000 2001	11.08.2003 16.02.2004
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2001	04.06.2004	-	-
<b>B. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>					
10.	Majlis Perbandaran Kuantan	2001	16.10.2003	2002	26.11.2003
11.	Majlis Perbadanan Temerloh	2001	12.08.2003	2002	29.12.2003
12.	Majlis Daerah Bentong	2001	12.08.2003	2002	26.08.2003
13.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2001	12.08.2003	2002	02.09.2003
14.	Majlis Daerah Raub	2001	16.10.2003	2002	18.12.2003
15.	Majlis Daerah Jerantut	2000	16.10.2003	2001 2002	20.05.2003 17.05.2004
16.	Majlis Daerah Lipis	2001	16.10.2003	-	-
17.	Majlis Daerah Bera	2001	16.10.2003	2002	03.10.2003
18.	Majlis Daerah Maran	1998	17.08.2002	1999 2000 2001 2002	04.04.2003 04.04.2003 18.12.2003 07.02.2004
19.	Majlis Daerah Pekan	2000	16.04.2003	2001 2002	25.03.2004 27.04.2004
20.	Majlis Daerah Rompin	2000	12.06.2003	2001	27.01.2004